

**PENGGUNAAN UNSUR AIR SEBAGAI PERLAMBAHAN
DALAM *KUMPULAN PANTUN SAMA RIMA*
MELALUI TEORI EKOLOGI**

**NURUL ATHIRAH ILIYA BINTI HASHIM
C22A0282**

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Penggunaan Unsur Air Sebagai Perlambangan Dalam
Kumpulan Pantun Sama Rima Melalui
Teori Ekologi**

**Nurul Athirah Iliya Binti Hashim
C22A0282**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

☒

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Dari tarikh..... sehingga

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan
Nurul Athirah Iliya Binti Hashim
C22a0282

Tarikh: 4/1/2025

Tandatangan Penyelia

Dr. Nordiana Binti Ab Jabar

Tarikh: 4/1/2025

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah dan kurniaNya serta rahmatNya dapatlah saya menyiapkan Projek Penyelidikan ini dengan jayanya. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih serta penghargaan kepada mereka yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyempurnakan Projek Penyelidikan ini. Terlebih dahulu, terima kasih kepada keluarga yang sentiasa menyokong, memberi nasihat dan dorongan serta sentiasa berada di sisi, tanpa kalian, perjalanan saya untuk menyiapkan laporan pendidikan bagi memenuhi syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian tidak akan tercapai.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia Projek Penyelidikan iaitu Dr. Nordiana binti Ab. Jabar yang banyak memberikan didikan, bimbingan yang terbaik sepanjang proses menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Terima Kasih tidak terhingga kepada Dr, kerana membantu memberikan komitmen yang tinggi dari proses pertama sehingga proses terakhir dalam menyempurnakan projek ini. Terima kasih kerana sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam setiap perjalanan saya sepanjang satu tahun ini. Tanpa ilmu dan pengalaman yang dikongsikan, tidak mungkin saya dapat kecapai kejayaan yang saya impikan. Juga ribuan terima kasih buat semua pensyarah yang secara tidak langsung turut memberikan tunjuk ajar serta nasihat dalam menyiapkan kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua rakan dan sahabat yang banyak memberi sokongan dan dorongan. Saya tidak akan lupakan budi baik rakan-rakan seperjuangan yang sememangnya banyak membantu berkongsi ilmu, memberi pendapat dan sebagainya sepanjang menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Segala jasa baik dan kerjasama yang diberikan amat membantu saya dari segi emosi, fizikal dan sokongan moral. Di sini, saya tidak dapat menyebut ke semua nama, tetapi terdapat dua sahabat yang sentiasa berada disisi dan dalam detik perjalanan ini iaitu Rabi'Atul Adawiyah binti Mohd Zuki dan Putri Nur Shafnie Anura binti Md.Rizzali. Saya berharap penghargaan saya dapat mencerminkan betapa berharganya sokongan kalian. Terima kasih dari lubuk hati saya yang paling dalam.

Akhir sekali, sekalung penghargaan terima kasih diucapkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan khususnya Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan kerana telah memberikan kemudahan kepada saya bagi menjalankan kajian ini.

KELANTAN

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	iv
ABSTRAK	
<i>ABSTRACT</i>	
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.7.1 Individu	13
1.7.2 Masyarakat	13
1.7.3 Negara	14
1.8 Kesimpulan	1
 BAB 2 KAJIAN LEPAS	
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Kajian Lepas Mengenai Unsur Air	19
2.2.1 Tesis	19
2.2.2 Artikel Jurnal	20
2.2.3 Laman Sesawang	23
2.3 Kajian Lepas Mengenai PantunMelayu	25
2.3.1 Tesis	25
2.3.2 Buku	28
2.3.3 Artikel Jurnal	30
2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Ekologi	33
2.4.1 Tesis	33
2.4.2 Buku	36
2.4.3 Artikel Jurnal	36
2.5 Kesimpulan	38
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pendahuluan	40
3.2 Reka Bentuk Kajian	41
3.2.1 Dokumentasi	42
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	43
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	43

3.3.2	Analisis Dokumen	44
i.	Analisis Teks	45
ii.	Artikel Jurnal dan Buku	47
iii.	Internet	47
3.3.3	Analisis Tematik	49
3.4	Pengenalan Teori Ekologi	51
3.4.1	Kaedah Penerapan Teori	51
i.	Prinsip Ekologi	53
ii.	Prinsip Etika	53
iii.	Prinsip Bahasa	54
iv.	Prinsip Kritikan	54
3.5	Kerangka Konseptual	55
3.5	Kesimpulan	56

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	58
4.2	Unsur Air yang terdapat dalam <i>Kumpulan Pantun Sama Rima</i> melalui Prinsip Ekologi	60
4.2.1	Hujan	60
4.2.2	Embun	63
4.2.3	Ombak	66
4.2.4	Sungai	67
4.2.5	Laut	69
4.2.6	Tasik	71
4.2.7	Teluk	73
4.2.8	Kuala	74
4.2.9	Pantai	76
4.2.10	Perigi	80
4.3	Fungsi Penggunaan Air dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Tradisi melalui Prinsip Bahasa	86
4.3.1	Fungsi Air dalam Kehidupan Sehari-hari	88
4.3.2	Fungsi Air sebagai Sumber Ekonomi	90
4.3.3	Fungsi Air dalam Keagamaan	91
4.3.4	Fungsi Air sebagai Sumber Rezeki	92
4.3.5	Fungsi Air kepada Alam Sekitar dan Ekosistem	93
4.4	Hubungkait Makna Unsur Air sebagai Simbolik dalam Kehidupan Masyarakat Melayu melalui Prinsip Kritikan	94
4.4.1	Simbolik Hujan	96
4.4.1.1	Hujan sebagai Lambang Kesedihan dan Kekecewaan	98
4.4.1.2	Hujan sebagai Lambang Realiti Kehidupan	101
4.4.1.3	Hujan sebagai Lambang Ketegasan	103
4.4.2	Simbolik Embun	105
4.4.2.1	Embun sebagai Lambang Kefanaan dan Sementara	107
4.4.2.2	Embun sebagai Lambang Keahlian, Keindahan dan Harapan	109

4.4.4.3	Embun sebagai Lambang Perpisahan	112
4.4.3	Simbolik Ombak	114
4.4.3.1	Ombak sebagai Lambang Penentangan dan Pilihan Hidup	116
4.4.3.2	Ombak sebagai Lambang Keteguhan Jiwa dan Pengorbanan	118
4.4.3.3	Ombak sebagai Lambang Keterbatasan Hidup dan Keinsafan	119
4.4.4	Simbolik Sungai	121
4.4.4.1	Sungai sebagai Lambang Halangan dan Cabaran Hidup	123
4.4.4.2	Sungai sebagai Lambang Kemakmuran	126
4.4.4.3	Sungai sebagai Lambang Pembentukan Akhlak	128
4.4.5	Simbolik Laut	131
4.4.5.1	Laut sebagai Lambang Takdir dan Keterbatasan Hidup	132
4.4.5.2	Laut sebagai Lambang Kesantunan Sosial	135
4.4.5.3	Laut sebagai Lambang Cabaran dan Ketabahan Hidup	137
4.4.5.4	Laut sebagai Lambang Kebijakan	139
4.4.5.5	Laut sebagai Lambang Penyembuhan dan Harapan	141
4.4.5.6	Laut sebagai Lambang Nilai Moral	143
4.4.5.7	Laut sebagai Lambang Kejujuran	144
4.4.6	Simbolik Tasik	146
4.4.6.1	Tasik sebagai Lambang Pertimbangan dan Kebijakan Hidup	148
4.4.6.2	Tasik sebagai Lambang Ketenangan Luaran dan Keresahan Dalaman	150
4.4.7	Simbolik Teluk	152
4.4.7.1	Teluk sebagai Lambang Keakraban Sosial	153
4.4.7.2	Teluk sebagai Lambang Kenangan dan Emosi	155
4.4.8	Simbolik Kuala	156
4.4.8.1	Kuala sebagai Lambang Pertembungan Emosi dan Dendam	158
4.4.8.2	Kuala sebagai Lambang Ikatan dan Keteguhan	160
4.4.9	Simbolik Pantai	163
4.4.9.1	Pantai sebagai lambang Kesiapsiagaan dan Kebijakan Bertindak	164
4.4.9.2	Pantai sebagai Lambang Harapan, Keinginan dan Kekecewaan	166
4.4.9.3	Pantai sebagai Lambang Nilai Budi Pekerti dan Hubungan Sosial	169
4.4.9.4	Pantai sebagai Lambang Usaha, Harapan dan Ketidaktentuan Takdir	172

4.4.9.5	Pantai sebagai Lambang Kematangan Hidup	174
4.4.9.6	Pantai sebagai Lambang Pilihan Hidup	177
4.4.9.7	Pantai sebagai Lambang Kesederhanaan dan Keutamaan Budi	179
4.4.10	Simbolik Perigi	182
4.4.10.1	Perigi sebagai Lambang Ingatan dan Kesedaran	183
4.4.10.2	Perigi sebagai Lambang Keinginan yang Melampaui Batas	186
4.4.10.3	Perigi sebagai Lambang Keruntuhan Nilai Moral dan Kelalaian	188
4.4.10.4	Perigi sebagai Lambang Kebenaran dan Kejujuran	190
4.5	Kesimpulan	193
BAB 5 RUMUSAN		
5.1	Pendahuluan	195
5.2	Rumusan kajian	197
5.3	Implikasi Kajian	200
5.3.1	Implikasi Kajian kepada Individu	202
5.3.2	Implikasi Kajian Kepada Masyarakat	203
5.3.3	Implikasi Kajian Kepada Negara	204
5.4	Cadangan	205
5.4.1	Menerapkan dan Menyebarluaskan Kajian Simbolik Unsur Alam atau Air	206
5.4.2	Mendedahkan Makna Simbolik Penggunaan Perlambangan Unsur Air dalam Kehidupan Masyarakat Melayu	206
5.4.3	Menjadikan Unsur Air sebagai Medium Pendidikan dan Penyampaian Nilai Budaya	207
5.5	Kesimpulan	208
RUJUKAN		210

SENARAI JADUAL

	Halaman
3.1 Unsur Air Berdasarkan <i>Kumpulan Pantun Sama Rima</i>	50
4.2.1 Unsur Air dan Rangkap Pantun dalam <i>Kumpulan Pantun Sama Rima</i>	85
4.3 Fungsi Air dalam Kehidupan Masyarakat Melayu	87

SENARAI RAJAH

	Halaman
3.1 Analisis Tematik	52
3.2 Prinsip-prinsip dalam teori Ekologi oleh William Horwarth (1996)	55
3.3 Kerangka Teori	59

PENGUNAAN UNSUR AIR SEBAGAI PERLAMBAHAN DALAM KUMPULAN PANTUN SAMA RIMA MELALUI TEORI EKOLOGI

ABSTRAK

Pantun digunakan untuk menyampaikan mesej tertentu dan bertujuan menunjukkan keindahan bahasa yang berkait rapat dengan kewujudan masyarakat Melayu. Pantun sering digunapakai oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Penggunaan lambang atau simbol alam sebagai pembayang memperlihatkan keakraban orang-orang Melayu dengan alam unsur-unsur alam seperti laut, sungai dan gunung yang digunakan untuk membawa pengertian tertentu. Kajian ini dilakukan bagi meneliti unsur air yang sangat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia dan masyarakat Melayu melalui *Kumpulan Pantun Sama Rima*. Melalui pendekatan Teori Ekologi konteks pantun, teori ini digunakan untuk menganalisis bagaimana unsur air berperanan sebagai perlambangan yang menghubungkan manusia dengan alam secara harmoni dan seimbang. Objektif kajian bagi menjayakan penulisan makalah ini ialah mengenalpasti unsur air yang terdapat dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima*, mengenalpasti fungsi penggunaan unsur air dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi, menghubungkan makna simbolik penggunaan unsur air sebagai perlambangan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Metodologi kajian yang digunakan ialah melalui kaedah kualitatif menerusi tinjauan secara literatur dalam proses pelaksanaan kajian. Pengkaji melakukan analisis deskriptif terhadap teks pantun yang dipilih. Data akan diuraikan berdasar pilihan teks *Kumpulan Pantun Sama Rima* berdasarkan Teori Ekologi. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan unsur air sebagai perlambangan dalam pantun bukan sekadar membawa nilai estetika dan mencantikkan pantun, tetapi juga sebagai medium pendidikan moral dan sosial yang dapat memperkukuh penghargaan dan pemahaman terhadap kreativiti dan kehalusan pemikiran masyarakat Melayu melalui perlambangan atau simbolisme unsur alam. Impak daripada kajian ini akan meningkatkan apresiasi budaya dan relevansi pantun sebagai alat penyampaian nilai etika, norma sosial dan falsafah hidup dalam konteks kontemporari, di mana warisan budaya dapat diterapkan dalam pendidikan nilai dan pembelajaran berasaskan ekokritik.

Kata kunci: *Pantun, unsur air, perlambangan, masyarakat Melayu, Teori Ekologi,*

THE USE OF WATER ELEMENTS AS SYMBOLISM IN THE BOOK OF *KUMPULAN PANTUN SAMA RIMA* THROUGH ECOLOGICAL THEORY

ABSTRACT

Pantun serves to convey specific messages and aims to demonstrate the beauty of language closely tied to Malay society. Poem has long been frequently used by Malay communities since ancient times. The use of natural symbols or elements as imagery reveals the familiarity of Malays with nature, where elements like sea, river and mountain are employed to convey particular meanings. This study examines water elements that play a crucial role in human life and Malay society through the *Kumpulan Pantun Sama Rima*. Through the Ecological Theory approach in the poem context, this theory analyzes how water elements function as symbolism connecting humans with nature in a harmonious and balanced manner. The objectives of this study to successfully produce this paper are to identify water elements found in *Kumpulan Pantun Sama Rima*, identify the functions of water elements in traditional Malay society, and link the symbolic meanings of water elements as symbolism in Malay society life. The research methodology employed is qualitative through literature review in the study implementation process. The researcher conducts descriptive analysis of selected poem texts. Data will be explained based on the selection of *Kumpulan Pantun Sama Rima* texts using Ecological Theory. The study findings show that the use of water elements as symbolism in poem is not merely to provide aesthetic value and beautify poem, but also serves as a medium for moral and social education that strengthens appreciation and understanding of Malay society's creativity and subtlety of thought through natural element symbolism. The impact of this study will enhance cultural appreciation and the relevance of poem as a tool for conveying ethical values, social norms, and life philosophy in contemporary contexts, where cultural heritage can be applied in values education and ecocritical-based learning.

Keywords: *Pantun*, water elements, symbolism, Malay society, Ecological Theory

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan beberapa perkara utama berkaitan dengan tajuk mengikut kronologi yang telah ditetapkan. Bahagian pengenalan merangkumi pendahuluan, latar belakang, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan kesimpulan. Pengkaji akan melakukan kajian yang mendalam berdasarkan objektif yang telah ditetapkan iaitu Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan dalam teks *Kumpulan Pantun Sama Rima*.

Menurut Za'ba (1965), pantun merupakan karangan berangkap milik masyarakat Melayu yang digunakan untuk menggambarkan pemikiran dan perasaan yang dialami. Pantun terdiri daripada empat baris serangkap, empat perkataan sebaris, mengandungi rangkap pembayang, rangkap maksud dan rima akhir a,b,a,b. Menurut Za'ba lagi dalam bukunya yang bertajuk Ilmu Mengarang Melayu (1965), beliau mengatakan bahawa pantun merupakan ciptaan puisi tertua dan milik asal masyarakat Melayu. Pantun juga menggambarkan corak hidup masyarakat Melayu terdahulu lalu dicerminkan melalui pantun. Pantun bukan sahaja bertindak sebagai medium penyampai nasihat, malah memperlihatkan keindahan bahasa dengan penggunaan

bahasa dan pemilihan kata yang dapat menegaskan makna sesuatu yang ingin disampaikan. Pemilihan kata yang digunakan dalam baris pembayang dan makna dapat menyerlahkan lagi keindahan bahasa dalam pantun.

Selain itu, pantun juga digunakan untuk menyampaikan mesej tertentu dan bertujuan menunjukkan keindahan bahasa yang berkait rapat dengan kewujudan masyarakat Melayu. Pantun sering digunapakai oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Antaranya seperti pantun adat, teka-teki, nasihat, budi dan jenaka. Masyarakat Melayu juga menganggap bahawa pantun merupakan salah satu cara untuk berinteraksi dan komunikasi antara satu sama lain. Pantun juga sering menyelitkan bahasa kiasan dan sindiran bagi tujuan pengajaran. Namun, kiasan dan sindiran yang digunakan dalam pantun tidak bertujuan mengguriskan hati tetapi ingin memberi kesedaran dan nasihat.

Seterusnya, pendapat Muhammad Haji Salleh yang dipetik oleh Azmi Rahman (2008), di dalam artikelnya yang mengatakan bahawa “manusia Melayu amat peka dan setia kepada alam raya”. Kesetiaan dan kepekaan masyarakat Melayu terhadap alam telah melahirkan karya sastera yang di warisi sehingga kini. Antaranya ialah pantun, gurindam, syair yang membicarakan unsur alam dalam penyampaian. Penggunaan lambang atau simbol alam sebagai pembayang memperlihatkan keakraban orang-orang Melayu dengan alam unsur-unsur alam seperti laut, sungai dan gunung yang digunakan untuk membawa pengertian tertentu. Oleh itu, penggunaan unsur alam seperti air dapat dilihat sering menjadi lambang simbolik yang bertujuan sebagai alat kiasan dan didikan. Selain itu, penggunaan unsur alam seperti air dalam pantun juga melambangkan maksud tertentu dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dalam kajian ini, saya akan meneliti unsur air seperti hujan, embun, laut, sungai, kolam, tasik dan lain-lain. Unsur

air sangat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia dan masyarakat Melayu dalam meneruskan kehidupan.

Kajian ini juga dilakukan dengan menerapkan teori ekologi bagi meneliti unsur alam seperti air yang terdapat dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima*. Teori ekologi diperkenalkan oleh Urie Brofenbenner pada tahun 1979. Istilah ekologi diambil sempena perkataan Greek iaitu *the whole house* yang membawa maksud hubungan tempat tinggal dengan alam semulajadi. Pengkaji akan meneliti unsur air dengan mengenalpasti, meneliti dan menganalisis teori ekologi dalam kajian ini. Teori ekologi ini merujuk kepada teori yang berkaitan dengan hubungan antara kesusasteraan dengan alam.

1.2 Latar Belakang

Kajian ini memfokuskan kepada rangkap pembayang pantun yang mempunyai unsur air dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima*. Pengkaji akan menyelidik interaksi antara unsur alam seperti air dengan masyarakat Melayu melalui buku *Kumpulan Pantun Sama Rima*. Umum mengetahui bahawa pantun merupakan sebuah warisan masyarakat dahulu yang dibawa sehingga kini. Perkembangan pantun dapat dilihat melalui pengalaman hidup dan pandangan hidup yang dialami oleh masyarakat Melayu dahulu. Pantun menggunakan bahasa yang indah, perkataan yang sopan, indah dan menarik.

Seterusnya, bagi mencapai objektif kajian, pengkaji akan mengenalpasti unsur air yang terdapat dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* melalui teori ekologi. Oleh itu, beberapa unsur air yang digunakan sebagai perlambangan akan dikumpulkan dalam kajian ini. Seterusnya, bagi objektif yang kedua pengkaji akan mengenalpasti konsep penggunaan unsur air digunakan dalam pantun. Oleh itu, pengkaji akan menjelaskan bagaimana unsur air digunakan sebagai gambaran, makna simbolik dan perlambangan dalam menyampaikan makna. Seterusnya, objektif ketiga yang dikaji adalah menghubungkan makna unsur air dengan kehidupan masyarakat Melayu. Jika diteliti, kita dapat lihat bagaimana unsur alam dengan masyarakat Melayu saling berkait. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu terdahulu sangat menghargai alam. Alam bukan sahaja menjadi sumber rezeki, tetapi menjadi sumber ilham dalam budaya, adat dan kesusasteraan. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih jelas dan terperinci tentang hubungkait unsur air dengan masyarakat Melayu.

Unsur air dalam pantun melambangkan pelbagai makna seperti ketenangan, cabaran hidup, perubahan, harapan, kesedihan dan kekuatan. Simbolisme air dapat dilihat dalam pelbagai bentuk seperti sungai, laut, hujan, embun, tasik dan ombak. Setiap unsur membawa makna tersirat yang berkait rapat dengan pengalaman hidup masyarakat Melayu. Dalam pantun, untuk memahami bagaimana unsur air digunakan sebagai perlambangan yang bukan sahaja membawa makna estetika, tetapi juga mesej moral dan kritikan sosial. Pantun yang menggunakan unsur air sering mengingatkan manusia tentang pentingnya menjaga keseimbangan alam dan menghargai sumber semula jadi.

Analisis penggunaan unsur air sebagai perlambangan dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* akan dijalankan menggunakan teori ekologi. Teori ekologi telah diperkenalkan oleh Urie Brofenbrenner pada tahun 1979. Namun, kajian ini menggunakan teori ekologi yang dibawa oleh William Horwath (1996). Menurut William Horwath (1996: 71), ekologi adalah saling berhubung kait antara semula jadi dan budaya. Beliau telah mengetengahkan empat prinsip ekologi yang berkait rapat dengan ekologi. Teori ekologi juga empat prinsip iaitu prinsip ekologi, prinsip etika, prinsip bahasa dan prinsip kritikan. Teori ekologi, yang dikemukakan oleh William Howarth, menekankan hubungan antara manusia, budaya dan alam sekitar. Dalam konteks pantun, teori ini digunakan untuk menganalisis bagaimana unsur air berperanan sebagai perlambangan yang menghubungkan manusia dengan alam secara harmoni dan seimbang.

1.2.1 Definisi Konsep

Definisi konsep adalah perkara yang dibincangkan secara jelas tentang konsep-konsep utama yang digunakan dalam sesuatu kajian. Konsep-konsep ini akan memberi keterangan yang jelas tentang maksud sebenar istilah yang digunakan oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa definisi konsep yang akan dinyatakan iaitu:

1.2.1.1 Konsep Unsur Air

Unsur air merujuk kepada elemen atau alam semulajadi yang berkait dengan air seperti sungai, laut, hujan, embun, tasik, perigi, ombak, air mata air dan sebagainya. Dalam pantun, unsur air digunakan sebagai lambang emosi, perjalanan hidup, cabaran, ketenangan dan nilai budaya. Hashim Awang (1984), menyatakan unsur air membawa makna estetika dan nilai budaya yang mendalam dalam pantun Melayu, memperlihatkan kebijaksanaan budaya dalam menyampaikan nilai kehidupan melalui bahasa puitis.

1.2.1.2 Konsep Perlambangan

Perlambangan dalam pantun merujuk kepada penggunaan latar, objek, alam atau peristiwa sebagai simbol untuk menyampaikan maksud tersirat, nilai murni, nasihat, perasaan atau pemikiran yang lebih mendalam daripada maksud zahir. Menurut Hashim Awang (1984), perlambangan digunakan untuk

menyampaikan nilai, ajaran atau emosi secara tidak langsung melalui imej atau simbol budaya dan alam.

1.2.1.3 Konsep Pantun

Pantun merupakan puisi lama yang terdiri daripada empat baris dalam rangkap pantun. Dua baris pertama merupakan pembayang dan dua baris seterusnya adalah maksud. Rima akhir bagi pantun adalah a-b-a-b dan sering mengandungi unsur kiasan, perlambangan serta pengajaran. Pantun merupakan sastera rakyat yang digunakan secara meluas dalam masyarakat Melayu. Pantun juga memperlihatkan keperibadian orang Melayu terutamanya dalam seni dan budaya.

1.2.14 Teori Ekologi

Teori ekologi merupakan teori yang digunakan untuk mengaitkan hubungan antara alam atau interaksi sesama pihak. Teori ini diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner pada tahun 1979. Manusia merupakan model ekologi yang mempunyai ciri tertentu dan menghuraikan konsep asas ekologi dan saling bertindak antara keduanya. Menurut William Howarth (1996) pula, konsep ekologi dapat didefinisikan sebagai hubungkait antara alam semulajadi dan budaya. Konsep ekologi dalam kajian budaya menekankan hubungan erat antara alam semula jadi dan budaya manusia termasuk bagaimana alam mempengaruhi cara hidup, ekspresi seni dan nilai budaya.

1.3 Permasalahan Kajian

Menurut Johari Yahya (2015), dalam kajiannya Pantun Peribahasa Melayu : Analisis daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu menyatakan bahawa keindahan pantun dapat dilihat melalui bahasa, struktur pantun dan maksud pantun. Pantun yang sarat dengan keaslian dan penggunaan bahasa yang indah dapat menyentuh hati pembaca. Keindahan pantun dapat dirasakan sekiranya pembaca mengamati dan menghayati maksud sebaliknya. Namun, generasi kini dilihat semakin kurang mengambil peduli dan perhatian terhadap keunikan dan kepentingan pantun. Tambahan pula, kajian yang menumpukan unsur air sebagai perlambangan dalam pantun masih kurang dijalankan secara mendalam.

Selain itu, kesedaran terhadap perlambangan yang terkandung dalam pantun semakin terhakis, menjadikan pantun dilihat sebagai hiburan ringan tanpa memahami makna tersirat yang dibawa. Dalam budaya moden yang sarat dengan kecanggihan teknologi, generasi kini lebih cenderung dengan kandungan hiburan dan tidak lagi tertarik kepada nilai-nilai tradisi. Menurut Siti Hajar Che Man (2013), dalam kajiannya menyatakan bahawa kemunculan dan perkembangan teknologi dan media massa seperti *facebook*, *instagram*, serta *twitter* pada masa kini telah menyebabkan keindahan pantun terancam kerana kehadiran bahasa yang tidak indah dan santun. Keaslian pantun semakin terhakis apabila generasi muda menulis pantun menggunakan bahasa yang dipengaruhi media massa. Ungkapan moden yang diambil melalui media sosial mengurangkan keindahan bahasa asal pantun dan merosotkan kreativiti budaya Melayu. Selain itu, unsur perlambangan alam, emosi dan nilai budaya yang kaya dalam pantun tradisional sering kali diabaikan atau digantikan dengan elemen yang kurang

bermakna, menyebabkan pantun moden menjadi lebih dangkal dan kehilangan keindahan makna.

Selain itu, menurut Lim Swee Tin (2014) dalam akhbar *Berita Harian* online menjelaskan bahawa generasi muda tidak mengambil peduli dalam menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik kecuali di era persekolahan. Selain itu, mereka juga tidak mempunyai minat untuk mendalami karya-karya sastera seperti pantun, gurindam, sajak, seloka dan sebagainya serta hampir melupakannya. Perkara ini membimbangkan kerana kehilangan minat terhadap pantun dan sastera tradisional lain bukan sahaja akan menyebabkan generasi muda kehilangan hubungan dengan identiti budaya Melayu, tetapi juga akan menghakis pemahaman mereka terhadap nilai-nilai dan prinsip hidup. Tambahan pula, apabila unsur-unsur alam seperti air yang digunakan dalam pantun tidak lagi difahami atau dihargai, ia akan menyebabkan makna mendalam yang sepatutnya disampaikan melalui perlambangan ini menjadi tidak relevan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menyampaikan kepentingan memahami dan menghargai pantun bukan sekadar sebagai bentuk puisi tradisional, tetapi sebagai medium penyampai nilai, budaya dan pemikiran masyarakat Melayu. Kajian ini ini membuka ruang kepada khalayak untuk menilai kekayaan simbolisme dan keindahan bahasa yang terdapat dalam karya sastera. Dengan itu, pantun dapat terus dihargai dan diangkat sebagai warisan budaya bangsa yang relevan dan signifikan sepanjang zaman.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan mengetengahkan tiga persoalan yang akan dijawab oleh pengkaji menerusi kajian iaitu:

- I. Apakah unsur air yang terdapat dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* ?
- II. Apakah konsep penggunaan unsur air dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* ?
- III. Bagaimanakah unsur air dapat dihubungkaitkan dengan kehidupan masyarakat Melayu ?

1.5 Objektif Kajian

Tiga objektif yang akan dikemukakan dalam kajian ini, iaitu:

- I. Mengenalpasti unsur air yang terdapat dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima*.
- II. Mengenalpasti konsep penggunaan unsur air dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima*.
- III. Menghubungkaitkan makna unsur air dengan kehidupan masyarakat Melayu.

1.6 Batasan Kajian

Terdapat beberapa kajian yang dibataskan oleh pengkaji. Pengkaji hanya menggunakan satu buku sahaja iaitu *Kumpulan Pantun Sama Rima* yang diselenggara oleh Mohamad Shahidan dan Faezah Muhyat. Buku ini dicetak pada tahun 2022. Jumlah keseluruhan buku ini adalah sebanyak 206 halaman. Buku ini juga mempunyai 14 buah buku kumpulan pantun. Sebanyak 1001 rangkap pantun sama rima telah dikumpulkan dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* ini.

Pengkaji hanya memfokuskan kepada pantun yang terkandung dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* yang telah dipilih sebagai bahan kajian utama. Pemilihan pantun dibuat berdasarkan unsur air yang seperti sungai, laut, hujan, mata air, tasik dan unsur-unsur lain yang berkaitan dengan air. Pantun-pantun yang tidak mengandungi unsur air secara langsung tidak termasuk dalam analisis. Hal ini bertujuan untuk memastikan fokus kajian kekal tertumpu kepada unsur air sebagai perlambangan. Kajian ini hanya menganalisis kepada perlambangan yang melibatkan unsur air sahaja. Sebarang perlambangan lain yang berkaitan dengan unsur alam semula jadi yang lain seperti tanah, api, angin dan lain-lain tidak termasuk. Unsur air membolehkan penyelidik meneliti dengan lebih mendalam bagaimana air dimanfaatkan sebagai lambang dalam pantun dari segi makna tersirat, nilai budaya, dan hubungan antara manusia dan alam dalam konteks masyarakat Melayu tradisional.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan teori ekologi bagi mengkaji interaksi alam dengan masyarakat Melayu. Teori ekologi merupakan sebuah teori yang mengkaji benda hidup dengan alam semulajadi dan persekitarannya. Menurut Anwar Ridhwan (2013), beliau berpendapat bahawa alam semulajadi bukan hanya berhubung dengan

manusia sahaja, tetapi berkait dengan organisma lain. Bagi kajian ini, pengkaji akan menggunakan ekosistem bagi mendapatkan interaksi manusia dengan unsur alam seperti air secara terperinci. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), ekosistem dapat didefinisikan sebagai sistem yang melibatkan interaksi antara suatu komuniti seperti haiwan, air dan tumbuhan dengan alam persekitaran yang tidak bernyawa.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti simbolik disebalik penggunaan unsur alam yang terkandung dalam pantun. Pengkaji secara langsung dapat mendalami asal-usul, simbol, makna yang terkandung dalam pantun dan dapat memperjelaskan dengan lebih terperinci melalui kajian yang dijalankan ini.

1.7.1 Kepentingan kepada individu

Kepentingan kajian ini kepada seseorang individu ialah dapat mencipta pemikiran yang kreatif dalam pantun. Individu dan generasi muda kini dapat mendalami dan meningkatkan keupayaan mereka dalam mencipta pantun. Penciptaan pantun dapat dilakukan melalui penggunaan pembayang yang bersesuaian dan bahasa yang indah agar keaslian pantun dapat dijaga.

1.7.2 Kepentingan kepada masyarakat

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat ialah dapat menyedarkan mereka tentang kebijaksanaan masyarakat Melayu terdahulu dalam menghubungkan unsur alam dengan kehidupan. Masyarakat juga akan lebih memahami maksud atau makna yang tersirat disebalik penggunaan unsur alam didalam pantun.

Kajian ini jelas menunjukkan betapa bijaknyanya masyarakat terdahulu menggunakan unsur alam menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka, lalu disampaikan menerusi pantun.

1.7.3 Kepentingan kepada negara

Kepentingan kajian ini kepada negara ialah agar kajian tentang penggunaan unsur alam seperti air dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji lain khususnya pelajar di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang melakukan kajian berkaitan penggunaan unsur alam didalam pantun pada masa akan datang mahupun dalam pembelajaran.

1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab 1 memberikan gambaran awal yang menyeluruh tentang kajian ini yang meneliti penggunaan unsur air sebagai perlambangan dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* melalui pendekatan Teori Ekologi. Pantun sebagai khazanah sastra tradisional masyarakat Melayu bukan sahaja mencerminkan nilai estetik dan pemikiran budaya, malah menjadi alat komunikasi yang halus dan simbolik. Dalam konteks ini, unsur air muncul bukan sekadar sebagai latar alam, tetapi sebagai medium penyampaian makna yang sarat dengan nilai kehidupan, emosi dan falsafah hidup masyarakat Melayu.

Bab ini juga telah menghuraikan latar belakang, permasalahan, persoalan, objektif, batasan serta kepentingan kajian dengan teliti. Permasalahan kajian telah dikenal pasti, antaranya ialah kurangnya perhatian terhadap perlambangan unsur air dalam pantun dalam kalangan generasi muda serta kekurangan kajian mendalam mengenai simbolisme air dalam sastra Melayu. Melalui persoalan dan objektif yang dikemukakan, kajian ini menekankan pentingnya kefahaman terhadap unsur alam bukan hanya sebagai hiasan bahasa tetapi sebagai perlambangan yang membawa pengertian tentang hubungan manusia dengan alam, nilai moral serta identiti budaya.

Penerapan Teori Ekologi yang diketengahkan dalam kajian ini memberikan satu kerangka analisis yang menyeluruh dalam meneliti hubungan antara pantun dan alam semula jadi. Teori ini bukan sahaja menekankan hubungan fizikal, tetapi juga aspek budaya, etika, bahasa dan kritikan terhadap interaksi manusia dengan persekitarannya. Dengan menggunakan prinsip-prinsip yang telah diperkenalkan oleh William Howarth (1996), pengkaji akan dapat meneliti secara lebih mendalam bagaimana unsur air

diguna pakai dalam pantun untuk menyampaikan makna secara tersirat. Semoga kajian ini bukan sahaja dapat mengisi jurang ilmu sedia ada, malah dapat menyumbang kepada pengayaan khazanah sastra Melayu khususnya dari segi pemahaman simbolisme dan kesedaran ekologi dalam pantun. Melalui kajian ini, masyarakat diharapkan dapat kembali menghayati dan menghargai warisan sastra tradisional yang mengandungi nilai falsafah tinggi serta mencerminkan hubungan harmoni antara manusia dan alam sekitar



BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pendahuluan

Berdasarkan bab 2, pengkaji menyentuh tentang penyelidikan atau kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik lain yang mengkaji unsur air dalam pantun menggunakan teori ekologi. Sehubungan itu, pengkaji akan menyertakan beberapa kajian terdahulu yang telah dilakukan pengkaji lain mengikut tema iaitu unsur air, pantun Melayu dan teori ekologi. Perbincangan ini berkait rapat dengan kajian awal yang telah dilaksanakan seperti kajian akademik, teks, penulisan, buku dan pandangan tokoh tentang kajian pantun Melayu. Perbincangan kajian lepas adalah mengenai bahan kajian yang dikaji iaitu *Penggunaan Unsur Air sebagai Perlambangan dalam Kumpulan Pantun Sama Rima menggunakan Teori Ekologi*. Seterusnya, dinyatakan juga kajian lepas yang berhubungkait dengan penggunaan teori yang dipilih untuk menjalankan kajian ini iaitu Teori Ekologi oleh William Howarth (1994). Ia berperanan dalam menyokong objektif kajian dengan memberikan bukti terhadap teori yang digunakan. Perbincangan mengenai kajian-kajian ini akan merangkumi dengan kajian-kajian relevan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan penyelidikan seperti tesis, maskhah buku, jurnal artikel dan lain-lain. Selain itu, bahan tinjauan juga boleh diakses melalui laman web di internet.

Kajian lepas amat penting dan berguna dalam menjalankan sebuah penyelidikan. Tujuan kajian lepas dilaksanakan adalah untuk mengukur kemampuan kefahaman pengkaji lepas yang telah melaksanakan penyelidikan terlebih dahulu. Seterusnya, kajian lepas ini berfungsi memberi gambaran penyelidikan dan memudahkan pengkaji membuat perbezaan melalui setiap kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas. Jelaslah bahawa menerusi kajian lepas yang disenaraikan dan dipecahkan, pengkaji dapat melihat secara terperinci sekiranya bersesuaian dan relevan untuk dimasukkan ke dalam penyelidikan yang akan dilaksanakan.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Unsur Air

2.2.1 Tesis

Kajian yang dijalankan oleh Hari Andrian (2022) bertajuk *Jenis Simbol dalam Antologi Puisi Langit Air Langit Basah* karya H. Akhmad T. Bacco: Kajian Semiotika. Kajian ini meneliti penggunaan simbol dalam puisi-puisi yang dimuatkan dalam antologi tersebut khususnya simbol air. Melalui pendekatan semiotik, kajian ini mengenal pasti bahawa unsur air dalam puisi tidak hanya berfungsi sebagai imej alam semata-mata, tetapi turut memainkan peranan penting sebagai simbol kehidupan, penderitaan dan kebahagiaan. Air digambarkan sebagai elemen yang menghubungkan emosi batin penyair dengan persekitaran di mana hujan, laut dan langit basah menjadi perlambangan kepada perjalanan hidup manusia yang penuh liku dan kerinduan. Dalam konteks ini, simbol air mencerminkan ketenangan, emosi serta harapan yang mengalir dalam setiap bait puisi. Kajian ini membuktikan bahawa elemen air memiliki kedudukan

yang signifikan dalam puisi sebagai alat penyampaian makna mendalam yang bersifat universal dan spiritual seiring dengan kepekaan penyair terhadap alam dan kehidupan.

2.2.2 Artikel Jurnal

Muhammad Khalil bin Khirruddin dan Mas Rynna Wati Ahmad (2023), dalam jurnalnya yang bertajuk *Perlambangan Unsur Alam dalam Pantun Melayu Terpilih Dari Sudut Pandangan Ekokritikan*. Kajian ini menganalisis perlambangan unsur alam dalam pantun Melayu termasuk unsur air seperti sungai dan laut. Pengkaji menggunakan pendekatan ekokritik berdasarkan teori William Howarth dan meneliti pantun-pantun dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*. Pengkaji mendapati bahawa unsur alam digunakan sebagai simbol untuk menyampaikan mesej berkaitan alam sekitar dan hubungan manusia dengan alam.

Seterusnya, jurnal yang dibuat oleh Maulana Al-Fin Che Man (2022), yang bertajuk *Latar Geografi Maritim dan Akal Budi Melayu dalam Pantun* yang memberi tumpuan kepada analisis unsur geografi maritim dalam pantun tradisional Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini memfokuskan kepada elemen geografi fizikal seperti pulau, tanjung, kuala, teluk, laut dan pantai yang terkandung dalam 408 pantun daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2013)*. Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubung kait antara pembayang dan maksud pantun secara mendalam sehingga menemui lapisan makna, falsafah, serta akal budi masyarakat Melayu. Hasil dapatan menunjukkan bahawa unsur seperti tanjung digunakan secara metafora untuk melambangkan tapak kasih sayang, manakala

pulau pula diinterpretasi sebagai simbol jarak dalam hubungan. Kajian ini sekaligus membuktikan bahawa unsur maritim dalam pantun bukan sekadar latar alam, tetapi mengandungi nilai estetika tinggi yang mencerminkan pemikiran simbolik dan kesantunan budaya Melayu tradisional.

Kajian oleh Zurinah Hassan (2019) dalam artikel *Interpretasi Unsur Alam dalam Puisi Melayu* mengupas secara terperinci penggunaan unsur-unsur alam seperti laut, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan peredaran waktu dalam pelbagai karya puisi Melayu. Unsur-unsur alam ini bukan sahaja berfungsi sebagai elemen pemandangan semula jadi dalam puisi, tetapi dijadikan lapisan tersurat yang membawa makna tersirat yang mendalam. Zurinah menegaskan bahawa penyair menggunakan simbolisme alam untuk menyampaikan pelbagai mesej moral, falsafah hidup dan nilai-nilai keagamaan yang terkandung dalam puisi. Sebagai contoh, laut melambangkan kekuatan dan ketabahan, manakala tumbuh-tumbuhan membawa makna pertumbuhan, perubahan dan harapan. Selain itu, kajian ini juga menyoroti kehadiran unsur dakwah yang tersirat dalam penggunaan simbol alam seperti memanfaatkan unsur alam sebagai medium untuk menyampaikan ajaran dan nasihat secara halus kepada pembaca. Pendekatan interpretatif digunakan untuk membuka ruang memahami puisi Melayu yang bukan hanya sebagai karya seni, tetapi sebagai alat pendidikan dan penyebaran nilai-nilai murni yang berteraskan hubungan harmoni antara manusia, alam dan tuhan.

Melalui artikel *Eko-Kritik dalam Puisi Melayu* oleh Siti Hajar Abdul Aziz (2018) membincangkan bagaimana puisi Melayu menggunakan unsur alam seperti air untuk menyampaikan mesej berkaitan dengan alam sekitar dan

tanggungjawab manusia menjaga alam. Dalam kajian ini, puisi dilihat bukan sahaja sebagai karya seni yang indah, tetapi juga sebagai medium yang mampu menyuarakan keprihatinan terhadap masalah ekologi seperti pencemaran dan kemusnahan alam semula jadi. Melalui simbolisme unsur air, penyair memberi peringatan supaya manusia menghargai dan memelihara alam sekitar demi kesejahteraan bersama. Pendekatan eko-kritik yang digunakan dalam artikel ini membuka mata pembaca tentang pentingnya menjaga hubungan harmoni antara manusia dan alam supaya generasi akan datang juga dapat menikmati keindahan alam.

Artikel Penggunaan Pembayang Unsur Alam dalam Pantun Siber: Analisis Kelogikan yang dikaji oleh Nor Adlyizan, Aqilah Aqbal, Nurul Atiqah dan Adriana Nazrul Hisham pada 2020 telah menjelaskan bahawa kajian yang dilakukan telah melihat kepada kelogikan penggunaan unsur alam dalam pantun siber. Hal ini demikian kerana pantun Melayu sangat popular dan terkenal sebagai satu tradisi lisan yang digunakan untuk berkomunikasi antara masyarakat Melayu. Pengkaji menyatakan bahawa pembayang dalam pantun biasanya menggunakan unsur alam yang dianalisis melalui pemerhatian penutur pantun. Contohnya, jika berada di tepi pantai penggunaan ombak, burung pasir dan sebagainya akan menjadi pembayang kepada pantuntersebut. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan sama ada masyarakat Melayu sendiri masih mengekalkan keindahan unsur alam ataupun adakah unsur alam digunakan secara logik dalam pantun siber.

Seterusnya, jurnal yang dikaji oleh Nordiana Ab Jabar yang bertajuk *Tumbuh-Tumbuhan Sebagai Sumber Perubatan Tradisional Dalam Pantun*

Melayu (2020), menyampaikan bahawa kajiannya berusaha untuk mentakrifkan peranan tumbuh-tumbuhan dalam kandungan pantun tradisional masyarakat Melayu. Unsur leksikal yang digunakan dalam penciptaan pantun membolehkan kita menilai fungsi tumbuh-tumbuhan seperti yang digambarkan dalam puisi masyarakat Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menelusuri peranan tumbuh-tumbuhan sebagaimana yang tergambar dalam kandungan pantun tradisional masyarakat Melayu, merentasi pelbagai tema. Elemen tumbuhan dalam puisi ini dianalisis berdasarkan aspek leksikal yang digunakan dalam pembinaan pantun, sekali gus mencerminkan nilai budaya dan fungsi simboliknya. Kajian ini menekankan bahawa antara fungsi utama tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan masyarakat ialah sebagai sumber dalam bidang perubatan tradisional. Berlandaskan pendekatan kualitatif, penyelidikan ini menggunakan Teori Estetika oleh Braginsky bagi meneliti hubungan saling melengkapi antara manusia dan alam tumbuhan dalam teks pantun. Kecintaan terhadap tumbuh-tumbuhan merupakan satu bentuk penghargaan abstrak yang sukar untuk diterapkan secara meluas dalam masyarakat. Justeru, tanggungjawab untuk melindungi dan memulihara alam sekitar perlu digalas oleh semua lapisan masyarakat.

2.2.3 Lain-Lain (Laman Sesawang)

Raja Ahmad Talmizi (2024) dalam penulisannya yang bertajuk *Citra Alam dalam Puisi Melayu* memberikan tumpuan kepada puisi *Di Tepi Sungai di Kaca Jendela* karya Baha Zain yang sarat dengan simbolisme alam seperti unsur sungai sebagai medium penyampaian mesej ekologi. Dalam kajian ini, sungai tidak hanya digambarkan sebagai unsur landskap semula jadi, tetapi diangkat sebagai simbol kehidupan yang mengalir selari dengan perjalanan manusia. Keadaan ini mencerminkan kitaran hidup, perubahan, serta hubungan manusia dengan alam sekitar yang perlu dihargai dan dipelihara. Melalui pemilihan diksi dan gambaran visual yang puitis, penyair memperlihatkan bagaimana sungai menjadi cerminan jiwa masyarakat sekaligus menekankan nilai kesedaran terhadap pemuliharaan alam. Penulisan ini membuktikan bahawa elemen alam seperti sungai dalam puisi Melayu mampu menyampaikan mesej moral dan membina hubungan spiritual antara manusia dan persekitarannya.

Zurinah Hassan (2021), dalam penulisannya bertajuk *Pantun Melayu dan Perlambangan dari Alam* membincangkan penggunaan perlambangan unsur alam dalam pantun. Elemen khusus yang dikaji adalah elemen air seperti laut dan gelombang. Beliau menghuraikan terdapat bentuk personifikasi seperti unsur alam yang tidak bernyawa diberi sifat manusia. Dalam konteks ini, laut dan gelombang berperanan sebagai simbol kehidupan yang melambangkan cabaran yang menguji diri manusia. Penulisan ini menekankan pentingnya simbolisme alam yang digunakan secara tersirat dalam pantun mencerminkan hubungan erat masyarakat Melayu dengan alam sekitarnya serta memperlihatkan kebijaksanaan budaya dalam menyampaikan nasihat dan nilai kehidupan melalui bahasa puitis.

Penulisan yang dibuat oleh Zurinah Hassan (2007) yang bertajuk *Perlambangan Alam dalam Puisi-Puisi Sabah* meneliti tentang simbolisme unsur alam seperti sungai dan laut dan dihuraikan secara menyeluruh untuk memahami bagaimana elemen-elemen semula jadi tersebut berperanan sebagai lambang atau metafora dalam karya sastera. Kupasan ini menumpukan perhatian kepada cara penyair-penyair Sabah menggunakan unsur alam bukan sekadar sebagai latar atau gambaran visual, tetapi sebagai medium untuk menyampaikan pengalaman hidup, perjalanan masa dan pelbagai cabaran yang dialami oleh masyarakat dan individu. Contohnya, sungai yang mengalir deras dalam puisi-puisi tersebut melambangkan perjalanan waktu dan usia yang berlalu dengan pantas, sekaligus menzahirkan perubahan yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan manusia. Selain itu, laut turut digambarkan sebagai simbol kekuatan dan kebesaran alam yang memberi gambaran tentang keperitan, kekuatan dan ketabahan menghadapi dugaan hidup. Penulisan ini turut memperlihatkan bagaimana penggunaan simbolisme unsur alam memperkaya makna puisi, menjadikan karya-karya tersebut lebih mendalam dan memberi kesan emosi yang kuat kepada pembaca. Melalui pemerhatian ini, Zurinah Hassan berjaya menonjolkan keunikan sastera Sabah yang berakar umbi dengan alam sekitar dan nilai budaya tempatan.

2.3 Kajian Lepas Mengenai Pantun Melayu

2.3.1 Tesis

Kajian oleh Esmail Mahmud Hussain (2018), yang bertajuk *Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu: Bingkisan Permata* menumpukan perhatian kepada penerokaan makna yang tersirat dalam pantun Melayu menerusi pendekatan semiotik. Kajian ini menggunakan teks dalam koleksi Bingkisan Permata sebagai korpus utama, dan meneliti pelbagai simbol dalam pantun Melayu yang membawa makna budaya, falsafah hidup dan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu tradisional. Melalui analisis semiotik, pengkaji mengenal pasti bahawa unsur-unsur alam seperti air, bulan, bintang, burung, dan bunga sering dijadikan sebagai tanda untuk menyampaikan makna simbolik seperti cinta, pengorbanan, kehalusan budi dan keteguhan prinsip. Simbolisme dalam pantun bukan sahaja berfungsi sebagai alat menyampaikan keindahan malah menjadi wahana komunikasi budaya yang menyalurkan kebijaksanaan dan pemikiran orang Melayu secara tersirat.

Kajian tentang penulisan teks dalam pantun melalui buku *Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) yang diselenggarakan oleh Harun Mat Piah telah dilaksanakan oleh Eizah Binti Mat Hussain (2016) yang bertajuk *Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Pengkaji menyatakan bahawa pantun dikategorikan sebagai genre puisi tradisional yang turun-temurun kepada masyarakat Nusantara dan dunia Melayu. Selain itu, dalam kajian ini pantun dianalisis menggunakan pendekatan Puitika Sastera Melayu yang dihasilkan oleh

Muhd Haji Salleh dengan menitikberatkan satu prinsip iaitu Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu. Kemudiannya menggunakan tiga sub-prinsip yang terkandung dalam prinsip Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu iaitu dunia luas yang telah dipadatkan, kiasan dan saranan serta dunia berjodoh yang menggambarkan suatu keindahan sesebuah penghasilan pantun.

Norhidayati Ismail (2013) dalam kajiannya yang bertajuk *Lambang dan Kesantunan Wanita Melayu dalam Pantun*. Tesis ini membahas tentang corak dan kehidupan wanita Melayu kini yang berbeza dengan zaman dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana berlakunya perbezaan arus pemodenan yang menyebabkan luntarnya nilai kesantunan terhadap wanita Melayu. Kesopanan dan kesantunan wanita diangkat dalam pantun Melayu melalui bait-baitnya. Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks pantun Melayu dan menganalisis lambang wanita Melayu melalui pantun *Kumpulan Pantun Melayu* dan teks pantun *Kurik Kundi Merah Saga* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Jelaslah bahawa nilai kesopanan dan kesantunan yang ditunjukkan dalam teks perlu dikekalkan oleh masyarakat dari zaman ke zaman agar tidak terus dilupakan.

Shuib Dan (2005), dalam kajiannya yang bertajuk *Konsep Alam dalam Pantun Melayu: Analisis Intertekstualiti* mengkaji secara mendalam bagaimana unsur-unsur alam dalam pantun Melayu dijadikan sebagai metafora untuk menyampaikan nilai budaya dan falsafah hidup masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan intertekstualiti, dengan memberi tumpuan kepada teks-teks pantun yang dikumpulkan oleh Zainal Abidin Bakar, lalu menganalisis kaitan antara unsur alam dan pemikiran masyarakat Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen seperti sungai, laut, gunung, dan ombak bukan

sekadar hiasan bahasa, tetapi sarat dengan simbolisme yang mencerminkan nilai seperti kasih sayang, kecekan, perpisahan dan peringatan moral. Kajian ini membuktikan bahawa pantun bukan sahaja menjadi wadah seni sastra lisan, malah mencerminkan hubungan erat antara manusia dan alam dalam kerangka pemikiran tradisional Melayu.

Selain itu, dalam kajian yang bertajuk *Pantun Melayu Sebagai Kebiasaan Perenggu Minda Melayu* yang dikaji oleh Nirwana Sudirman dan Zulkiefley Hamid (2016), menekankan bahawa pemikiran masyarakat Melayu terpengaruh dengan persekitaran alam iaitu alam flora dan fauna yang melatari kehidupan orang Melayu. Kajian ini juga mengandungi pelbagai metafora yang jelas menggambarkan minda orang Melayu tentang adat, kiasan, kasih sayang, nasihat, perantauan, jenaka, peribahasa, budi, agama dan perekonomian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori semantik kognitif sebagai landasan kajian.

Kajian oleh Hj. Mohd Rashid (2017), yang bertajuk *Nilai Kebijaksanaan Melayu Dalam Pantun* menyatakan bahawa kajian ini membuktikan kehadiran nilai kebijaksanaan Melayu dalam semua kegiatan yang dilakukan. Persoalan tentang kebijaksanaan masyarakat Melayu tergantung kepada kemampuan dan kebolehan seseorang individu dengan menggunakan akal dan fikiran yang dianugerahkan oleh Allah. Kajian ini menggunakan Teori Falsafah Bahasa yang memperlihatkan hubungan erat antara bahasa dan pemikiran. Secara keseluruhan, individu yang mempunyai tingkat kebijaksanaan yang tinggi dianggap mempunyai kelebihan dan layak mendapat kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Kajian lepas yang seterusnya bertajuk *Nilai Pendidikan dan Kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam Pantun dan Peribahasa* yang dikaji oleh Zaitol Azma Zainon Hamzah (2017). Kajian ini menjelaskan bahawa pantun Melayu mengungkapkan nilai-nilai seperti keagamaan, kemasyarakatan, pendidikan dan nilai ekonomi. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji nilai elemen yang menunjukkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat melayu yang terdapat dalam pantun Melayu dan membincangkan sejauhmanakah elemen yang terdapat dalam pantun Melayu dapat menyingkap nilai falsafah Melayu. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati beberapa aspek yang digunakan dalam pantun ini jelas mencerminkan aspek pemikiran, falsafah Melayu dan pengetahuan mereka.

2.3.2 Buku

Pantun dan Kebijaksanaan Melayu karya Ahmad Jelani Halimi (2010), membicarakan secara mendalam peranan pantun sebagai wadah penyampaian nilai-nilai kebijaksanaan dalam masyarakat Melayu tradisional. Penulis menekankan bahawa pantun tidak hanya bersifat estetik semata-mata, tetapi turut sarat dengan pemikiran tinggi, falsafah hidup dan nilai moral yang mencerminkan keintelektualan akal budi orang Melayu. Fokus utama buku ini adalah bagaimana masyarakat Melayu menggunakan pantun sebagai medium untuk menyampaikan nasihat, sindiran, teguran dan pengajaran secara halus, bersantun dan penuh hikmah. Menurut beliau pantun dianggap sebagai alat

komunikasi sosial yang berfungsi mendidik, menegur dan memperbetul tingkah laku tanpa menyinggung perasaan, sesuai dengan budaya timur yang mengutamakan kesopanan. Hal ini dapat dilihat dalam pantun-pantun yang mengandung peribahasa, perlambangan alam dan permainan kata yang memerlukan kehalusan pemikiran dalam memahaminya.

Berdasarkan buku Hashim Awang (2009), yang bertajuk *Pantun Melayu: Interpretasi dan Citra Budaya*, beliau memberikan penjelasan dengan mendalam tentang struktur dan makna pantun Melayu sebagai salah satu bentuk puisi tradisional yang sarat dengan nilai estetika, budaya dan falsafah. Beliau menegaskan bahawa pantun bukan sahaja menjadi wadah hiburan lisan, tetapi juga berfungsi sebagai medium pendidikan, penyampaian nasihat, sindiran halus dan akal budi orang Melayu. Hashim Awang meneliti kekuatan pantun dari aspek pemilihan diksi, susunan bait, serta simbolisme yang mencerminkan hubungan manusia dengan alam, masyarakat dan Tuhan. Buku ini memperlihatkan bahawa pantun mempunyai nilai peradaban tinggi yang melestarikan pemikiran, adat dan moral masyarakat Melayu secara tersirat dan tersurat.

Muhammad Haji Salleh (2003), melalui bukunya *Pantun: Warisan Puisi Melayu* menghimpunkan pelbagai jenis pantun dari seluruh Nusantara, termasuk Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Fokus utama diberikan kepada bentuk pantun seperti pantun dua kerat, empat kerat, tema dan fungsi pantun dalam konteks sosial masyarakat tradisional. Selain itu, buku ini turut meneliti teknik penciptaan pantun seperti penggunaan metafora, simbolisme dan irama selain mengetengahkan kepentingan unsur lisan dalam pemindahan pantun

secara turun-temurun. Muhammad Haji Salleh menegaskan bahawa pantun bukan sekadar alat komunikasi sastera, tetapi juga berperanan besar dalam mencerminkan nilai, pemikiran dan pandangan hidup masyarakat Melayu. Beliau turut menyentuh dimensi simbolik pantun yang membawa maksud tersirat berkait dengan falsafah hidup, tatasusila dan norma budaya.

2.3.3 Artikel Jurnal

Kajian oleh Nur Syazwani Mohd. Rafi dan Rahimah Hamdan (2023), meneliti keindahan aspek nasihat dan sindiran dalam *Pantun Peribahasa Melayu* gubahan Loo Mun yang meminati dan mengangkat warisan sastera tradisional Melayu. Artikel ini menggunakan Teori Keindahan Braginsky sebagai kerangka analisis untuk mengenal pasti bagaimana unsur nasihat dan sindiran digarap dalam pantun peribahasa tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa pantun-pantun ini sarat dengan unsur pendidikan yang disampaikan secara halus melalui gaya bahasa yang indah dan penuh kiasan. Keindahan dalam penyampaian nasihat dan teguran yang tersirat menunjukkan kemampuan Loo Mun menghayati nilai-nilai estetika dan pemikiran masyarakat Melayu. Selain itu, dapatan turut membuktikan bahawa pantun berupaya menjadi medium penyatuan masyarakat pelbagai kaum melalui penyampaian mesej universal seperti moral, etika dan budi pekerti. Kajian ini sekaligus memperkukuh kedudukan pantun sebagai khazanah sastera tradisional yang bukan sahaja bersifat estetika tetapi juga mendidik dan merentas sempadan bangsa serta budaya.

Menurut Zurinah Hassan (2016), dalam artikelnya yang bertajuk *Unsur Alam Sebagai Kias Ibarat Dalam Pantun Nasihat* menyatakan bahawa karya sastra Melayu banyak dipengaruhi oleh unsur alam. Beliau juga menegaskan bahawa pantun merupakan bentuk puisi yang paling erat hubungannya dengan alam sekitar. Alam yang dimaksudkan merujuk kepada alam fizikal yang boleh dilihat, didengar serta dirasai, seperti hujan, sungai, embun, mata air, laut, tumbuhan, haiwan dan sebagainya. Simbolik unsur alam yang digunakan secara bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan mampu meningkatkan nilai keindahan dan estetika dalam sesebuah pantun.

Berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Siti Hajar Che Man (2013) yang bertajuk *Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya* menyatakan bahawa pantun merupakan khazanah silam yang bernilai tinggi diwarisi oleh masyarakat Melayu sehingga kini. Pantun merupakan salah satu karya sastra yang mementingkan kesopanan dan budi bahasa. Idea - idea yang digunakan dalam penciptaan pantun bersifat berat namun disampaikan dalam bentuk yang mudah dan mempunyai makna yang mendalam. Pengkaji juga menyatakan bahawa pesanan yang disampaikan menerusi pantun akan menggunakan unsur alam seperti flora dan fauna agar dapat disampaikan secara lembut dan tidak menyinggung perasaan.

Menurut Nik Safiah Karim (1998), *Keindahan Pantun dari Sudut Sintaksis Bahasa Melayu* menampilkan keindahan pantun Melayu yang dicipta dari pelbagai aspek iaitu bentuk, keindahan pantun dan binaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana kebiasaannya pantun dilihat melalui rentak dan mesej yang hendak disampaikan kepada khalayak melalui hubungan antara

pembayang maksud dan baris maksud. Artikel ini turut menekankan bagaimana susunan sintaksis yang seimbang dan kemas dalam pantun mampu menyerlahkan nilai estetika bahasa dengan struktur ayat yang padat dan ringkas, namun tetap mengekalkan keindahan bunyi dan irama. Melalui artikel ini, dapat dilihat bahawa pantun bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian makna, tetapi juga sebagai cerminan kehalusan berbahasa dan ketelitian dalam pengolahan struktur ayat oleh masyarakat Melayu tradisional.

Artikel yang dihasilkan oleh Salinah Ja'far dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali yang bertajuk *Pemikiran, Diksi dan Bentuk Jenaka dalam Pantun Melayu* membincangkan pantun jenaka dengan melihat aspek pemilihan kata atau diksi. Artikel ini memperlihatkan bagaimana pantun-pantun Melayu memiliki unsur-unsur jenaka yang digubah dengan jelas sebagai hiburan dan sindiran. Menurut pengkaji, unsur-unsur jenaka secara tidak langsung dapat membayangkan corak pemikiran masyarakat Melayu yang kreatif dan unik. Pemilihan kata atau diksi yang digunakan dengan jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dahulu bijak dalam memilih kata-kata yang indah. Aspek jenaka yang dimuatkan dalam pantun disusun dengan teliti dan bersesuaian dengan rima dan irama pantun. Melalui kajian ini, unsur-unsur jenaka dalam pantun Melayu yang memperlihatkan pemikiran, diksi dan bentuk yang amat menarik untuk dibincangkan.

2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Ekologi

2.4.1 Tesis

Dalam kajian yang bertajuk *Penghayatan Alam Dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Satu Pendekatan Ekologi* yang dikaji oleh Nur Hazwa Azlin Mohd Nor (2022) menyatakan bahawa penerapan teori ekologi telah digunakan dalam kajiannya. Penelitian terhadap teks puisi “Jatuh Ke Laut Menjadi Pulau: Jilid I Sajak - sajak lengkap Muhammad Haji Salleh” telah mendapati bahawa terdapat kaitan antara penghayatan alam sekitar dan puisi. Puisi - puisi tersebut telah diselidik dengan lebih lanjut menggunakan kritikan eko yang dicipta oleh William Horwarth. Penyelidikan menunjukkan kesaling hubungan nilai alam dan manusia.

Kajian daripada Mike Tyson Anak Paing (2022), yang bertajuk *Kosmologi Flora dalam Pantun Iban: Satu Kajian Etnobotani di Sarawak Menggunakan Teori Ekologi*. Beliau mengkaji secara mendalam hubungan antara unsur flora dan budaya dalam pantun Iban. Kajian ini menggunakan pendekatan etnobotani dan teori ekologi untuk menganalisis bagaimana tumbuhan tertentu seperti cekur, kunyit, manjakani, dan pandan dipilih dan dimanfaatkan dalam pantun sebagai lambang simbolik yang menggambarkan pandangan hidup, nilai falsafah dan kosmologi masyarakat Iban. Pantun bukan sahaja berfungsi sebagai medium seni dan hiburan, tetapi turut menjadi saluran penting dalam menyampaikan ilmu tradisional berkaitan flora, perubatan tradisional, serta kepercayaan dan amalan adat yang diwarisi secara turun-temurun. Pendekatan teori ekologi membolehkan kajian ini menyorot interaksi kompleks antara manusia dan alam sekitar dalam konteks budaya, sekaligus

menekankan kepentingan flora sebagai elemen estetika dan juga sumber ilmu yang berperanan dalam pembentukan identiti dan falsafah hidup masyarakat Iban. Dapatan kajian membuktikan bahawa pantun Iban mengandungi nilai estetika yang mendalam dan memaparkan kesedaran ekologi serta kosmologi yang utuh menjadikan pantun sebagai khazanah warisan budaya yang kaya dan bermakna dalam hubungan manusia dengan alam.

Berdasarkan kajian Nur Azlin Muhammad Hisham (2021) yang bertajuk *Penelitian Unsur Alam Dalam Novel Suriati Karya Azizi Hj. Abdullah: Analisis Ekologi* menyatakan bahawa kajian ini menerapkan Teori Ekologi yang diilhamkan oleh William Horwarth 1994 bagi mengukuhkan analisis kajian. Penelitian dilakukan terhadap beberapa aspek yang merangkumi prinsip ekologi, prinsip etika, prinsip bahasa dan prinsip kritikan dilaksanakan dalam pendekatan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa dalam Novel Suriati karya Azizi Hj. Abdullah mengandungi unsur alam yang dapat memberikan kefahaman kepada pembaca tentang unsur alam.

Menurut kajian oleh Siti Aisyah binti Abdullah (2019), yang bertajuk *Analisis Hubungan Manusia dan Alam Berdasarkan Teori Ekologi dalam Kesusasteraan Melayu yang* menyatakan bahawa terdapat hubungan antara manusia dan alam sekitar. Pengkaji memberi tumpuan kepada bagaimana unsur-unsur alam seperti air, hutan, haiwan dan fenomena alam lain diserap dan digunakan secara simbolik dalam karya sastra untuk mencerminkan nilai-nilai harmoni, keseimbangan dan saling kebergantungan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional. Melalui pendekatan ekologi kultural, tesis ini menekankan kesedaran ekologi yang tersirat dalam kesusasteraan Melayu

sebagai medium penyampaian mesej penting mengenai pemeliharaan alam sekitar dan akibat buruk jika manusia mengabaikan tanggungjawab terhadap alam. Kajian ini juga membuka ruang perbincangan lintas disiplin antara bidang sastera dan ekologi, yang mana kedua-duanya boleh saling memperkayakan dan memberi kesan positif dalam pembangunan ilmu pengetahuan dan kesedaran masyarakat.

Kajian oleh Ahmad Fauzi (2019) bertajuk *Kajian Eko-Kritik Dalam Novel Melayu Kontemporari* menggunakan pendekatan teori ekologi yang dikembangkan oleh William Howarth untuk menganalisis karya-karya novel Melayu moden. Pengkaji menekankan peranan simbolisme unsur alam seperti air, hutan dan haiwan sebagai medium untuk menyampaikan mesej berkaitan isu ekologi dan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar. Melalui pendekatan ekokritik ini, kajian tersebut berjaya menunjukkan bagaimana novel-novel kontemporari Melayu bukan sahaja menggambarkan keindahan alam tetapi juga memaparkan konflik antara manusia dan alam yang mencerminkan keresahan terhadap kerosakan ekosistem. Selain itu, kajian ini menegaskan bahawa penggunaan simbol alam dalam karya sastera berfungsi sebagai alat pendidikan yang menyuntik nilai-nilai moral dan tanggungjawab terhadap alam sekitar dalam kalangan pembaca. Dengan demikian, kajian ini memperkukuhkan peranan teori ekologi William Howarth sebagai pendekatan analisis yang relevan dan efektif dalam memahami hubungan kompleks antara manusia dan alam dalam konteks kesusasteraan Melayu kontemporari.

Kajian lepas oleh Maharam Mamat (2015), yang mencertuskan kepada *Alam Sekitar dalam Novel-Novel Penulisan Sarawak: Analisis Kritikan Eko.*

Kajian ini mengkaji punca sesuatu yang menyebabkan kemerosotan kualiti persekitaran dan kesan terhadap unsur alam. Hal ini demikian kerana, melalui dapatan kajian pengkaji mendapati bahawa pengarang cenderung untuk mengangkat elemen alam yang berupaya memberi kesedaran kepada pembaca tentang pentingnya alam sekitar supaya dapat memberikan cerminan kesan dan impak terhadap persekitarannya.

2.4.2 Buku

Sueipto Hariyanto, Bambang Irawan dan Thin Soedorti (2008) dalam buku yang bertajuk *Teori dan Praktik Ekologi*. Buku tersebut diterbitkan bagi memberi pendedahan kepada pelajar dan mahasiswa tentang teori ekologi. Kajian ini juga berfokuskan kepada penelitian unsur alam yang terdapat dalam teks Suriati yang mengaplikasi teori ekologi.

2.4.3 Artikel Jurnal

Kajian oleh Unik Hanifah Salsabila (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Teori Ekologi Bronfenbrenner sebagai sebuah kajian Teori Ekologi Bronfenbrenner*. Kajian ini membahaskan teori ekologi Bronfenbrenner yang terdiri daripada lima sistem lingkungan berlapis yang saling berhubung iaitu mikrosistem, ekosistem, mesosistem, makrosistem dan kronosistem. Artikel ini juga mengkaji perkembangan kokurikulum Pendidikan Agama Islam dalam kajian Teori Ekologi Bronfenbrenner dan subsistem budaya sekolah. Namun demikian, artikel ini berbeza dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji kerana kajian ini mengkaji Teori ekologi Bronfenbrenner sebagai sebuah pendekatan dalam perkembangan kokurikulum dalam Pendidikan Agama Islam. Manakala kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji mengenai penelitian unsur air dalam pantun berpandukan kepada analisis ekologi yang berpandukan kepada prinsip dalam Teori Ekologi oleh William Howarth (1994).

Kajian bertajuk *An Ecocritical Approach to Haifaa Al-Sanoussi's Departure of the Sea* yang diterbitkan dalam *Journal of English Language and Literature Studies (JOELL)* oleh Abdulhamid Alansary (2017) yang menggunakan pendekatan ekokritik berdasarkan prinsip yang digariskan oleh William Howarth. Kajian ini meneliti bagaimana alam semula jadi seperti unsur laut, rumah lama dan peralatan tradisional bukan sahaja berfungsi sebagai latar fizikal dalam penceritaan, tetapi sebagai simbol yang mencerminkan hubungan mendalam antara manusia dan alam sekitar. Melalui analisis kajian ini memperlihatkan bagaimana alam mempengaruhi kehidupan dan psikologi watak-watak serta bagaimana manusia pula memberikan impak terhadap kelestarian

alam secara positif mahupun negatif. Penulis mengangkat isu pemeliharaan nilai tradisi dan alam sekitar dalam konteks globalisasi dan perubahan zaman dengan menekankan bahawa sastera mampu berfungsi sebagai medium refleksi terhadap krisis ekologi yang dihadapi masyarakat. Pendekatan ekologi yang digunakan dalam kajian ini membuktikan bahawa unsur alam dalam karya sastera bukan sekadar gambaran visual tetapi menjadi cerminan nilai budaya, etika dan tanggungjawab manusia terhadap alam. Kajian ini menjadi bukti kukuh bagaimana teori ekologi oleh William Howarth boleh diterapkan dalam memahami dimensi mendalam antara teks sastera dan alam sekitar.

Terdapat juga kajian jurnal oleh Noor Fazreena Rasngat, Kamal Azmi Abd Rahman dan Mohd Zuhdi Marsuki (2013) dalam kajian *Prinsip Asas Teori Ekologi Dalam (Deep Ekologi): Suatu Pandangan Perspektif Islam*. Kajian ini dilakukan bagi menilai lapan prinsip asas ekologi oleh Arne Naess melalui perspektif islam. Dapatan kajian ini telah mengenalpasti bahawa prinsip ekologi dapat memberikan pandangan yang tepat dengan pandangan Islam. Namun, artikel ini mempunyai perbezaan dengan kajian yang dilaksanakan kerana artikel ini memfokuskan kepada kajian suatu pandangan perspektif Islam yang berteraskan kepada lapan prinsip ekologi.

Seterusnya, kajian jurnal yang dilakukan oleh oleh Tri Na'imah (2012) dalam kajiannya *Pendidikan Karakter: Kajian dari Teori Ekologi Perkembangan*. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik pendidikan perwatakan dengan pendidikan holistik. Kajian ini menggunakan Teori ekologi Perkembangan dengan menggunakan tiga pendekatan ekologi iaitu mikrosistem, ekosistem dan makrosistem. Pengkaji mengkaji dengan terperinci mengenai

pendidikan karakter berpandukan kepada kajian teori ekologi mengikut subsistem yang terkandung di dalam teori tersebut. Namun, kajian dalam artikel ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana kajian dalam artikel ini mengkaji mengenai pendidikan perwatakan dengan menggunakan tiga pendekatan yang terkandung dalam teori ekologi perkembangan Bronfenbrenner. Berbeza dengan kajian yang akan dilakukan yang melibatkan penelitian ussur air dalam pantun.

2.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian lepas membuktikan bahawa pantun Melayu telah menjadi tumpuan utama dalam pelbagai bentuk penyelidikan, khususnya dari aspek bahasa, budaya, nilai moral dan estetika. Namun begitu, aspek perlambangan unsur semula jadi terutamanya air masih kurang diberikan perhatian secara mendalam oleh para pengkaji terdahulu. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompongan tersebut dengan memberi fokus khusus kepada unsur air sebagai satu elemen penting dalam pantun Melayu yang berperanan menyampaikan makna tersembunyi dan nilai budaya yang mendalam. Kajian ini memanfaatkan teori ekologi sebagai kerangka analisis untuk meneliti hubungan antara unsur air dan kehidupan masyarakat Melayu yang tercermin dalam pantun. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat memahami bahawa unsur air bukan sahaja berfungsi sebagai simbol dalam sastra, malah turut mencerminkan keseimbangan antara manusia dan alam dalam pemikiran tradisional masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja melengkapkan kekurangan dalam

penyelidikan sedia ada, malah turut menyumbang kepada pengembangan ilmu dalam bidang sastra Melayu yang lebih menyeluruh.

Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan penting kepada pengkaji dan peminat sastra Melayu dalam memahami peranan unsur air sebagai perlambangan yang sarat dengan makna dalam pantun. Dengan memperlihatkan bagaimana air digunakan untuk menyampaikan pelbagai nilai, norma masyarakat, serta falsafah kehidupan orang Melayu, kajian ini turut memperkukuh kefahaman tentang hubungan erat antara manusia dan alam dalam tradisi lisan Melayu. Implikasi kajian ini juga membuka peluang kepada penyelidikan lanjutan yang boleh mengaitkan unsur-unsur semula jadi lain dalam pantun atau karya sastra Melayu, sekaligus memperluas horizon ilmu dalam bidang sastra dan budaya tempatan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Berdasarkan bab ini, pengkaji akan menerangkan mengenai kaedah-kaedah yang akan diguna pakai oleh pengkaji bagi menjalankan penyelidikan. Metodologi kajian amatlah penting kegunaannya dalam pelaksanaan sebuah penyelidikan bagi memperolehi pelbagai sumber maklumat yang berhubungkait dengan tajuk kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji sambil mengetahui reka bentuk dan kaedah kajian yang bersesuaian untuk digunakan. Selain itu, terdapat juga teknik pengumpulan data penyelidikan dan cara bagaimana menjalankan proses penganalisan data kajian yang dilakukan. Dalam bab ini, metodologi kajian memaparkan dengan lebih mendalam mengenai kajian melalui proses-proses yang terdapat dalam bab ini.

Menurut Ang Kean Hua (2016), metodologi bermaksud satu kaedah yang digunakan dalam melaksanakan suatu kajian untuk mengumpul dan mengambil maklumat melalui jalan yang berkesan bagi menjawab permasalahan kajian. Bab ini juga bertujuan untuk menjelaskan kaedah hasil kajian dilaksanakan serta data-data yang diperoleh itu adalah tepat. Pengkaji akan mengemukakan beberapa bahagian iaitu reka bentuk kajian, kaedah kajian, pengumpulan dan pemprosesan data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Bahagian ini, pengkaji akan mengaplikasikan satu pendekatan yang dipilih dan bersesuaian dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan iaitu pendekatan kualitatif yang dijadikan sebagai bentuk pengumpulan data dalam meneliti dan menjalankan proses penganalisan data kajian. Pengkaji akan menerangkan penggunaan cara penyelidikan secara kualitatif dijalankan menerusi konteks penyelidikan. Kaedah kajian yang berbentuk kualitatif digunakan dalam pelaksanaan kajian ini bagi memenuhi objektif penyelidikan yang telah dikemukakan.

Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan, pengkaji telah memilih untuk memfokuskan kaedah kualitatif menerusi tinjauan secara literatur dalam proses pelaksanaan kajian. Selain itu, tinjauan secara kajian lepas juga penting bagi memudahkan proses pemerolehan analisis data bagi mengelakkan berlakunya persamaan tajuk kajian yang telah dijalankan. Penyelidikan secara kualitatif diertikan sebagai proses pemahaman yang berlandaskan kaedah menganalisis dokumen secara pengumpulan data. Oleh itu, reka bentuk kajian secara kualitatif ditentukan oleh pengkaji adalah menerusi kepada objektif-objektif yang telah dikemukakan dalam penyelidikan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk memahami dengan teliti suatu konsep, idea, pemikiran dan pengalaman dalam penyelidikan yang dilaksanakan. Oleh hal yang demikian, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif ini untuk menganalisis data yang berbentuk tekstual mahupun dokumen yang dijadikan sokongan dalam menjayakan kajian.

3.2.1 Dokumentasi

Menurut Bryman & Bell dokumentasi merupakan kajian yang telus dan jelas. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis ini menilai corak dan perubahan yang berlaku dalam suatu jangka masa yang dijalankan. Selain itu, dokumentasi pula terbahagi kepada dua yang berfungsi sebagai teknik kajian iaitu pengumpulan data dan menjadi alatan analisis data dokumen. Namun demikian, kajian ini menekankan kepada kaedah dokumentasi terhadap penelitian teks. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis yang akan dilakukan adalah terhadap teks *Kumpulan Pantun Sama Rima*.

Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah analisis ini merujuk kepada bahagian yang dipilih oleh pengkaji untuk dijadikan bahan rujukan semasa melaksanakan kajian. Oleh itu, pantun yang dipilih dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* dengan perlambangan unsur air dikaji dengan lebih teliti untuk dijadikan bukti mengikut panduan objektif kajian.

Seterusnya, teori ekologi telah dipilih oleh pengkaji kerana teori ini unik dan mempunyai kelebihan dalam mencari makna tentang alam. Teori ekologi ini mempunyai ciri-ciri yang dijadikan rujukan dan panduan dalam mengkaji unsur air sebagai perlambangan dalam pantun. Hal ini dikatakan demikian kerana prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam teori ekologi oleh William Horwarth mempunyai hubung kait antara alam semula jadi dan budaya. Oleh itu, kaedah dokumentasi adalah pendekatan yang paling penting dalam sebuah

penyelidikan. Keberkesanan terhadap kaedah ini dapat membantu pengkaji untuk mengumpul dan menyimpan data yang diperoleh.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data ini dilakukan bagi meneliti sesuatu penulisan secara terperinci. Kaedah ini dilakukan oleh pengkaji bagi menganalisis teks *Kumpulan Pantun Sama Rima* bagi mendapatkan data kajian. Teks ini dipilih bagi meneliti secara mendalam bagi kesemua data yang diperoleh dan menganalisis penggunaan unsur air sebagai perlambangan yang berhubung kait dengan kehidupan masyarakat Melayu. Data-data diperoleh melalui teknik analisis data kualitatif iaitu bacaan, penerangan data dan analisis data.

3.3.1 Kaedah kepustakaan

Tajuk kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji berkaitan unsur air ialah Penggunaan Unsur Air sebagai Perlambangan dalam Kumpulan Pantun Sama Rima melalui teori ekologi. Penyelidikan ini akan menggunakan penyelidikan yang bersumberkan maklumat yang diperolehi daripada teks yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Hasilnya, selain menggunakan teks bertulis, tesis, jurnal artikel dan laman web lain sebagai rujukan, pengkaji juga akan menggunakan sumber dan bahan lain untuk menghasilkan kajian yang teratur dan kemas. Pengkaji akan menggunakan sumber perpustakaan untuk memperoleh bahan tambahan bagi mendalami analisis dan perbincangan penyelidikan yang dijalankan.

Menurut Siti Sarah (2015), kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang amat penting dalam sesebuah penyelidikan bagi mendapatkan sebarang rujukan, data dan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian yang berbentuk teks penulisan. Pengkaji akan menggunakan kaedah yang berbentuk kualitatif, maka kaedah kepustakaan amat membantu dalam menjayakan kajian yang dilakukan. Tujuan pengumpulan data dilaksanakan merupakan kaedah yang memudahkan pengkaji memperoleh data-data yang berbentuk fakta ataupun asli yang berkait rapat dengan penyelidikan secara lebih mendalam dan terperinci. Sebelum melakukan kajian, pengkaji juga akan mendapatkan data dan maklumat melalui bahan-bahan ilmiah seperti buku, jurnal, tesis dan sebagainya yang telah dilaksanakan oleh pengkaji ataupun sarjana terdahulu berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan di perpustakaan agar data yang diperoleh adalah maklumat yang berasas. Dengan itu, pengkaji memperoleh semua kesemua bahan-bahan rujukan dan data maklumat seperti yang dinyatakan di atas sebagai maklumat dalam penyelidikan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok.

3.3.2 Analisis Dokumen

Analisis dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian adalah perkara yang dilakukan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat. Kaedah ini memerlukan pemerhatian terperinci supaya tidak melanggar etika semasa penulisan dalam kajian. Setiap aspek diambil untuk mengumpul

maklumat berkaitan dengan kajian bagi melengkapkan hujah. Maklumat yang diperoleh mungkin dalam pelbagai bentuk seperti tulisan, gambar, rajah, simbol dan lain-lain yang berkaitan. Analisis dokumen ini dapat mengutip maklumat yang tepat berkaitan kajian pengkaji dan memastikan semua sumber yang diperoleh adalah tepat.

Kaedah analisis ini adalah tentang memilih bahagian tertentu dalam buku untuk dikaji dengan teliti. Dalam hal ini, pengkaji memilih pantun-pantun yang bersesuaian dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* yang mempunyai unsur air sebagai perlambangan. Pengkaji akan menggunakan pantun-pantun ini sebagai bukti dan data kajian penyelidikan.

Teori ekologi digunakan untuk membantu pengkaji memahami dan menghayati maksud perlambangan yang menggunakan unsur air dan hubung kaitnya dengan masyarakat Mekayu terdahulu. Secara keseluruhannya, teori ini membantu pengkaji melihat dan menghayati keindahan di bahagian-bahagian yang berlainan dalam kesusasteraan Melayu.

3.3.2.1 Analisis Teks

Analisis teks dijalankan untuk menjadi salah satu bahan rujukan kepada pengkaji untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Kaedah ini amat penting bagi memperoleh data dan maklumat untuk dimasukkan ke dalam bahagian dapatan kajian. Melalui tajuk dan objektif kajian yang

dikemukakan, pengkaji mendapati bahawa kaedah analisis teks merupakan suatu kaedah yang bersesuaian dalam menjalankan proses mengenalpasti dan menganalisis kajian. Menerusi kaedah analisis teks, pembacaan yang sangat terperinci dan mendalam perlu dilaksanakan bagi memperolehi maklumat dan data berkaitan dengan penyelidikan yang dilaksanakan. Oleh itu, terdapat teks penulisan yang akan digunakan oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam penyelidikan.

Unsur air
Laut
Perigi
Taufan
Ombak
Embun
Pulau
Teluk
Sungai
Pantai
Kuala

Jadual 3.1: Unsur Air Berdasarkan Kumpulan Pantun Sama Rima

3.3.2.2 Artikel Jurnal dan Buku

Analisis dokumen bagi artikel, jurnal dan buku telah digunakan sepanjang kajian dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana bahan-bahan yang didapati daripada analisis dokumen dapat membantu pengkaji dalam pengumpulan data. Semua data dan sumber dikumpul sebagai bahan rujukan dan bahan bacaan diperolehi daripada sumber kepustakaan iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang diakses melalui internet. Jelaslah bahawa penggunaan sumber rujukan yang diperolehi dapat membantu pengkaji mengumpul data yang diperlukan bagi menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian.


3.3.2.3 Sumber Internet

Pengkaji menggunakan beberapa sumber untuk menjayakan penyelidikan ini termasuklah internet. Pengkaji menggunakan internet sebagai sumber untuk mengumpul data dan maklumat lain yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan bagi memudahkan penyelidikan dapat disiapkan dengan baik. Maklumat yang dikumpul kemudiannya akan digunakan untuk menyokong penyelidikan yang telah dijalankan. Selain itu, pengkaji telah melayari beberapa laman web yang berkaitan untuk mengumpul maklumat bagi penyelidikan yang telah dijalankan. Antara laman web yang digunakan adalah *Google Scholar*, *My Thesis Online (MyTo)*, *Academia.edu*, *UMK Repository (DiSCol)*, artikel jurnal dalam talian, *Scientific Blooger* dan akhbar

dalam talian serta laman web lain yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Keadah Internet banyak membantu penyelidik mendapatkan maklumat dan membuat pengukuhan data dalam kajian ini.

3.3.3 Analisis Tematik

Analisis tematik merupakan kaedah yang efektif setelah penelitian dibuat untuk mengupas data-data kualitatif secara terperinci yang berkaitan dengan pola-pola dalam sesebuah kajian yang telah dilaksanakan (Fereday & Muir Cochrane, 2006). Manakala, menurut Braun & Clarke (2006) berpendapat bahawa analisis tematik adalah salah satu proses untuk menganalisis data yang bertujuan untuk mencari dan mengenalpasti tema dalam data kualitatif yang telah dikumpulkan oleh pengkaji. Analisis tematik juga membantu pengkaji untuk menganalisis dan menggambarkan data secara terperinci (Badzis, 2020). Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik kerana ianya sesuai dengan penggunaan data kualitatif. Selain itu, terdapat beberapa proses dalam analisis tematik ini. Antaranya adalah proses transkripsi, pengkodan, tema, menyusun tema, membuat laporan dan akhir sekali triangulasi.



Rajah 3.1: Analisis Tematik

Sumber : Nurul Athirah Iliya Binti Hashim (2025)

- a. **Analisis Data** - Pengkaji membaca keseluruhan tes kajian iaitu *Kumpulan Pantun Sama Rima* dan mencuba memberikan makna dari data tersebut..
- b. **Pengekoden** - Pengekoden merupakan satu proses yang penting untuk menganalisis data. Linneberg & Korsgaard (2009), menyatakan bahawa proses ini merupakan asas untuk pengkaji mengenalpasti makna dalam data yang diperolehi.
- c. **Tema**- Tema adalah langkah untuk menyatakan sesuatu perkara penting mengenai data dan persoalan kajian mengenai transkripsi teks.
- d. **Menyusun tema**- Penyusunan tema akan dibuat mengikut kategori.
- e. **Analisis Data**- Setiap laporan dalam penyelidikan haruslah dibuat secara menyeluruh dan tidak terikat pada huraian data untuk membuat pembahasan. Oleh itu, pengkaji telah menghasilkan laporan berdasarkan data yang diperolehi.
- f. **Triangulasi Data** - Triangulasi data merupakan proses penggabungan sumber data, metodologi dan teori dalam mengkaji sebuah kajian yang dilaksanakan. Menurut Chua (2006), kaedah triangulasi merupakan perlu melihat dan mengkaji sesuatu perkara dari sudut yang berbeza untuk mendapat gambaran secara keseluruhan dengan jelas dan tepat.

3.4 Pengenalan Teori Ekologi


Teori atau pendekatan bermaksud satu pandangan yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh tertentu yang ingin menerangkan sesuatu perkara. Teori ini menjadi asas untuk perkembangan sesuatu ilmu atau perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana teori atau pendekatan yang dikemukakan menjadi panduan yang tepat dan tetap untuk menjadikan sesuatu kajian itu lengkap berasaskan teori yang tepat. Oleh itu, penggunaan teori atau pendekatan adalah sangat tepat dan penting dalam sesuatu kajian.

3.4.1 Kaedah Penerapan Teori

Penggunaan teori digunakan sebagai panduan dalam menjalankan kajian secara mendalam dan terperinci serta dapat mengukuhkan lagi analisis data dalam kajian. Bagi menganalisis penggunaan unsur air sebagai perlambangan dalam pantun, kajian ini menggunakan teori ekologi. Pantun Melayu merupakan kesusasteraan lisan yang merangkumi pelbagai keindahan yang tersirat dan tersurat di sebalik rangkap pantun dan setiap barisnya. Oleh itu, melalui penerapan Teori Ekologi yang digunakan dan diterapkan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan lagi penjelasan dan pemahaman terhadap penggunaan unsur air sebagai perlambangan bagi menjawab kesemua objektif kajian serta persoalan kajian yang perlu disertakan dengan fakta-fakta dalam teori ekologi.

3.4.2 Teori Ekologi

Teori ekologi merujuk kepada teori berkaitan hubungan antara kesusasteraan dan alam. Teori ekologi merupakan peluasan kaedah pengajaran mengenai kajian kesusasteraan berdasarkan teks yang berkaitan dunia bukan manusia dan hubungan antaranyai. Kepekaan pengkaji dengan alam dapat dilihat dalam karya pantun dengan pelbagai bentuk interaksi iaitu laut, sungai, embun, hujan, ribut dan lain-lain. Pengkaji hanya memilih satu tokoh iaitu William Horwarth sebagai landasan bagi membincangkan hasil analisis kajian yang akan dilakukan kelak. Hal ini dikatakan demikian kerana teori ekologi oleh William Horwarth dapat dijadikan panduan kepada pengkaji melalui prinsip-prinsip yang diperkenalkan. Terdapat empat prinsip yang ditemukan oleh William Horwarth (1994) :



Rajah 3.2: Prinsip-prinsip dalam teori ekologi oleh William Horwarth (1996)

Sumber : Nurul Athirah Iliya Binti Hashim

3.4.2.1 Prinsip Ekologi

Antara prinsip atau pendekatan pertama yang dikemukakan oleh William Horwarth ialah prinsip ekologi. *“Ecology describes the relations between nature and culture”*. Menurut William Horwarth (1996), alam semula jadi tidak hanya berinteraksi dengan manusia tetapi juga dengan organisma lain. Ekologi manusia yang meneliti ekosistem merupakan salah satu daripada cabang ekologi yang terjadi akibat kesan daripada perbuatan manusia. Ekosistem adalah sesuatu unit asas yang terdapat hasil daripada tindakan antara komponen abiotik dan biotik. Contohnya, tanah runtuh, banjir kilat, banjir lumpur, sungai yang tercemar, bunyi dan sebagainya. Umum mengetahui bahawa ekosistem terbahagi kepada beberapa komponen iaitu abiotik, biotik, penghurai, pola makanan, faktor, pemahaman, pakar dan unit hidup.

3.4.2.2 Prinsip Etika

Selain itu, prinsip yang kedua ialah prinsip etika. Etika ekologi dapat difahami dengan berpandukan kepada dua lingkungan *environmantalis* yang terbahagi kepada dua pergerakan iaitu *‘deep ecological movement’* dan *‘shallow ecological movement’*. Menurut campbell (1996), pergerakan ini diwujudkan oleh Arne Naess yang merupakan salah seorang tokoh falsafah dari Norway. *‘Deep ecological movement’* merupakan etika yang memerihalkan setiap unsur alam sekitar yang saling berkaitan antara satu sama lain dan manusia harus menjaga

hubungan ini. Manakala pergerakan yang berdasarkan kepada '*shallow ecological movement*' membawa maksud memiliki perilaku dan kegiatan yang menuju kepada yang memusnahkan alam sekitar sehingga memunculkan krisis yang membawa ancaman kepada kesejahteraan manusia.

3.4.2.3 Prinsip Bahasa

Prinsip seterusnya adalah prinsip bahasa dan kritikan. Prinsip bahasa dan kritikan mempunyai perkaitan antara satu sama lain dan boleh digabungkan. Horwarth menyatakan bahawa bahasa adalah alat yang digunakan oleh pengarang untuk mengungkapkan mengenai kehidupan manusia dan bukan manusia tetapi dalam konsep kritikan eko. Menerusi kajian sastera, permasalahan alam sekitar yang timbul dapat disampaikan secara kreatif iaitu disampaikan dengan menggunakan gaya bahasa yang indah dan sesuai dengan hakikat sastera sebagai seni bahasa yang cantik atau tersusun.

3.4.2.4 Prinsip Kritikan


Kritikan adalah penelitian dan penilaian antara kualiti hubungan antara bahasa dan ekologi dan etika ekologi. Prinsip ini menilai kualiti, integriti, dan keberkesanan karya sastera dalam menyampaikan mesej ekologi. Ia juga melihat bagaimana karya tersebut memberi kesedaran, mengkritik

sikap manusia terhadap alam, serta mempengaruhi pembaca untuk lebih peka dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 3.3: Kerangka Konseptual

Sumber: Nurul Athirah Iliya Binti Hashim

3.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah menjelaskan dengan terperinci berkaitan dengan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji. Perbincangan dalam bab tiga ini merangkumi pengenalan, reka bentuk kajian, kaedah kajian, pengumpulan dan pemerolehan data. Perbincangan ini meliputi metodologi kajian di mana terdapat kaedah dan proses pengkaji mencari, mengumpul dan merekod maklumat berdasarkan sumber yang sahih dan fakta yang benar berkaitan data-data dalam bentuk kualitatif deskriptif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah Internet dan kaedah analisis teks. Selain itu, kaedah kajian daripada sumber-sumber sekunder juga membantu dalam memudahkan pengkaji memperoleh maklumat yang diperlukan bagi memahami dengan lebih mendalam tentang kajian yang dilaksanakan ini. Metodologi kajian ini dijangka akan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian penyelidikan pengkaji. Di samping itu, pendekatan yang digunakan oleh pengkaji adalah untuk membantu dan memastikan kejituan dan ketetapan kajian dapat diperkukuhkan lagi dengan menggunakan Teori Ekologi.

Tambahan pula, pemilihan metodologi yang sistematik dan terancang ini membolehkan pengkaji meneliti penggunaan unsur air sebagai perlambangan dalam kumpulan pantun sama rima secara lebih objektif dan menyeluruh. Dengan menggabungkan pelbagai kaedah pengumpulan data serta penerapan teori ekologi, kajian ini bukan sahaja dapat mengupas makna tersirat di sebalik perlambangan air, malah mampu mengaitkan unsur tersebut dengan nilai budaya, pemikiran dan falsafah hidup masyarakat Melayu. Keseluruhan proses metodologi yang dirangka ini diharap

dapat menghasilkan dapatan yang bermakna, sahih dan boleh dijadikan rujukan dalam bidang sastra Melayu serta memberi sumbangan kepada pengembangan ilmu berkaitan pantun dan perlambangan alam dalam kesusasteraan tradisional.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Dalam bab empat ini, pengkaji akan memfokuskan kepada ketiga-tiga objektif bagi melihat dengan lebih mendalam unsur penggunaan air sebagai perlambangan yang terdapat dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima*. Melalui objektif yang pertama, pengkaji akan mengenalpasti unsur-unsur air yang terdapat dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* berdasarkan prinsip ekologi dan kemudian pengkaji akan membuat jadual bagi menyenaraikan pantun-pantun yang mengandungi unsur air sebagai perlambangan didalamnya. Objektif kedua, mengenalpasti fungsi penggunaan air melalui prinsip bahasa. Objektif ketiga pula adalah menghuraikan simbolik penggunaan unsur air dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Kajian ini menggunakan kaedah penganalisan data melalui kaedah analisis tekstual, analisis struktural berdasarkan pantun dan kaedah analisis teoritikal. Oleh hal yang demikian, kaedah pengumpulan data dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah laman sesawang juga digunakan untuk mengkaji secara lebih mendalam tentang estetika dan kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisi menggunakan unsur air sebagai perlambangan dalam pantun Melayu berdasarkan Teori Ekologi.

Masyarakat Melayu tradisi sangat akrab dengan alam semulajadi seperti tumbuhan, haiwan, cakrawala dan unsur air. Hal ini kerana masyarakat pada masa tersebut sering berinteraksi dengan alam yang berada di sekeliling mereka sama ada di laut, sungai, hutan, bendang dan lain-lain. Harun Mat Piah (1989), menjelaskan bahawa penggunaan lambang-lambang dan simbol-simbol daripada alam perlu diketahui untuk memahami maksud pantun. Selain itu, pantun juga dikaitkan dengan alam semulajadi sebagai perbandingan dan perlambangan yang berfungsi sebagai sumber pengajaran dan nasihat.

Menurut Jamilah Hj. Ahmad (1993), pantun dapat berfungsi dalam hampir setiap aktiviti kehidupan masyarakat Melayu. Terdapat pelbagai jenis pantun yang mempunyai tema tertentu yang berkait rapat dengan perasaan cinta, kasih sayang, puji-pujian, nasihat, agama, adat dan corak hidup masyarakat. Tema yang ingin diketengahkan, kebiasaannya disisipkan dengan latar alam seperti unsur air. Oleh sebab alam itu indah, maka unsur air seperti hujan, sungai, laut dan lain-lain diaplikasikan di dalam setiap rangkap pantun yang disampaikan atau dicipta. Segala pengalaman hidup, pandangan hidup dan falsafah yang ingin dikemukakan di dalam pantun menggunakan unsur air sebagai pembayang. Unsur-unsur sedemikian secara tidak langsung memperlihatkan keakraban masyarakat Melayu lama dengan alam semulajadi seperti unsur air.

4.2 Unsur Air yang terdapat dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* melalui Prinsip Ekologi

Pantun adalah bentuk puisi yang unik dan istimewa dalam perbendaharaan sastra lisan Melayu. Pantun juga merupakan simbol artistik masyarakat sejak ratusan tahun yang lalu. Pantun bersifat ringkas dan menarik kerana melalui pantun masyarakat dapat mengetengahkan inspirasi mereka. Setiap baris dan rangkap pantun sarat dengan unsur kiasan dan perlambangan untuk menyerlahkan keindahan dalam bait-bait pantun. Keindahan yang terdapat dalam pantun bukan sahaja terletak pada pemilihan kata serta kalimatnya yang berirama malahan membawa makna dan falsafah yang baik serta dapat menunjukkan pancaran pemikiran masyarakat Melayu terdahulu. Keindahan dan nilai estetika pantun terletak pada pemikiran, bahasa, bentuk dan struktur, ilmu dan falsafah, kealmaan dan kemanusiaan serta mengandungi nilai moral dan pengajaran. Justeru itu, unsur-unsur keindahan banyak dipersembah dan dipaparkan dalam pantun Melayu dari pelbagai sudut.

4.2.1 Hujan

Hujan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) adalah air yang turun dan menitik dengan banyaknya. Hujan merupakan fenomena di mana titisan air yang terbentuk di awan akibat pengeluaran air jatuh ke bumi. Ia boleh berlaku dalam beberapa tahap keamatan seperti hujan renyai, hujan sederhana dan hujan lebat yang bergantung kepada kadar air yang turun. Hujan juga mempunyai pelbagai peranan penting dalam kitaran air dan ekosistem di bumi, di mana ia membantu menyediakan sumber air tawar dan mengekalkan keseimbangan alam sekitar.

Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) mendefinisikan hujan sebagai titik-titik air yang jatuh dari udara kerana proses pendinginan. Hujan juga dapat diartikan secara kiasan sebagai sesuatu yang datang secara banyak. Berdasarkan ilmu meteorologi, hujan adalah presipitasi dalam bentuk cecair yang turun dari atmosfera ke permukaan bumi. Hujan terbentuk apabila wap air dalam udara mengalami kondensasi menjadi titik-titik air yang cukup berat untuk jatuh ke bumi. Proses ini berlaku akibat kelembapan yang bergerak di sepanjang zon yang mempunyai perbezaan suhu dan kelembapan yang dikenali sebagai bidang cuaca. Hujan biasanya turun daripada awan perolakan seperti awan kumulonimbus yang mempunyai gerakan menaik yang kuat. Sesetengah keadaan, hujan mungkin tersejat sebelum sampai ke permukaan bumi dan fenomena ini dipanggil virga. Terdapat beberapa kelas hujan mengikut kadar penghujanan bermula dengan hujan renyai, hujan sederhana dan hujan lebat. Pengukuran hujan dibuat menggunakan tolok hujan yang mengumpul air hujan pada permukaan mendatar dan tidak telap bagi tempoh masa tertentu.

Dalam pantun, selain faktor waktu, cuaca juga mempengaruhi emosi. Hasil ini termasuklah cuaca terang, panas terik, redup, mendung, hujan, ribut dan sebagainya. Salah satu fenomena cuaca yang sering digambarkan dalam pantun ialah hujan. Hujan menjadi salah satu perlambangan yang amat ketara di dalam puisi Melayu baik puisi tradisional atau puisi moden. Perkara ini terjadi kerana hujan menyekat perjalanan manusia. Keadaan yang samar dan kabur dikaitkan dengan rasa yang tidak menentu. Keadaan ini digambarkan sama seperti hujan yang menitis menyerupai air mata yang mengalir. Masyarakat terdahulu telah menormalisasikan bahawa hujan yang turun

diumpamakan sebagai sesuatu kebahagiaan yang tidak kekal lama seperti hujan di tengah hari.

Berdasarkan Prinsip Ekologi yang dikemukakan oleh William Horwarth, setiap unsur alam wujud melalui hubungan yang saling bergantung, saling mempengaruhi dan saling melengkapi dalam pembentukan keseimbangan ekologi. Dalam konteks ini, hujan bukan sahaja fenomena fizikal, tetapi merupakan komponen utama dalam sistem ekologi yang mempengaruhi hidupan, ruang, serta corak tingkah laku manusia. Prinsip interaksi dan saling keterhubungan menjelaskan bahawa hujan menjadi penghubung antara atmosfera, tumbuhan, tanah dan manusia melalui kitaran air yang berterusan. Hujan membantu menyuburkan alam, memastikan tanaman tumbuh, menyediakan air untuk sumber minuman dan pertanian, serta menyokong kewujudan sungai, tasik dan laut yang menjadi habitat bagi manusia dan hidupan lain.

Prinsip ketergantungan pula memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu tradisi bergantung kepada hujan untuk menentukan aktiviti harian seperti bercucuk tanam, menangkap ikan atau membuat perjalanan. Hujan yang hadir atau ketiadaannya memberi kesan langsung kepada kehidupan seharian mereka dan unsur ini akhirnya diangkat sebagai perlambangan dalam pantun. Hujan dilihat bukan sekadar fenomena alam, tetapi satu unsur yang boleh menggambarkan situasi batin manusia seperti ketidakpastian, kesedihan, gangguan emosi atau perubahan hidup. Hal ini menunjukkan bagaimana alam membentuk imaginasi dan kepekaan masyarakat terhadap sekeliling, sejajar

dengan prinsip pengaruh persekitaran terhadap budaya dan bahasa dalam Teori Ekologi.

Selain itu, prinsip dinamik dan perubahan yang ditekankan oleh Horwarth menerangkan bahawa hujan bersifat tidak tetap. Kejadian hujan boleh berlaku secara tiba-tiba, lebat atau perlahan dan mengubah keadaan persekitaran dari terang menjadi mendung. Sifat ini diterjemahkan oleh masyarakat Melayu ke dalam pantun sebagai simbol perubahan nasib atau emosi yang tidak kekal. Perubahan cuaca yang cepat diumpamakan seperti perubahan perasaan manusia iaitu daripada gembira berganti duka, cerah berganti mendung.

Prinsip keseimbangan ekologi juga dapat dilihat apabila hujan membawa kesuburan dan kesejukan, tetapi pada masa yang sama boleh menyebabkan bencana seperti banjir. Dalam pantun, keseimbangan ini diterjemahkan sebagai falsafah hidup masyarakat Melayu bahawa setiap perkara membawa hikmah dan ujian. Justeru, hujan sebagai perlambangan bukan hanya unsur fizikal, tetapi unsur yang menghubungkan manusia dengan alam dan menggambarkan hubungan harmoni antara persekitaran dan pengalaman manusia.

4.2.2 Embun

Definisi embun menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) adalah wap air yang turun pada waktu malam kerana sejuk dan wap yang telah mengendap menjadi titik-titik pada daun lain-lain. Embun terbentuk apabila wap air di udara yang sejuk bertukar menjadi cecair dan mengendap pada permukaan

yang sejuk seperti daun, rumput atau objek lain terutama ketika suhu turun dengan ketara semasa waktu malam. Fenomena ini penting dalam ekosistem kerana ia membantu menyuburkan tumbuhan dan mengekalkan kelembapan dalam persekitaran semula jadi.

Berdasarkan penulisan blog yang dikarang oleh Anim Hosnan, embun hanya berlaku apabila udara tepu melebihi kapasiti lembapannya, berbeza daripada kondensasi biasa. Merujuk prinsip fizik asas meteorologi embun terbentuk melalui proses pengembunan apabila wap air di udara yang sejuk bertukar menjadi cecair dan mengendap pada permukaan sejuk seperti daun atau rumput, terutama malam hari. Fenomena embun ini menyuburkan tumbuhan dan mengekalkan kelembapan ekosistem, seperti yang dicatat Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dalam Data Suhu Batu Embun untuk ramalan cuaca. Secara pertanian, embun mengurangkan keperluan pengairan di kawasan kering, selaras dengan penjelasan Quipper Blog yang merujuk pakar geografi.

Melalui Teori Ekologi William Horwarth, embun dapat difahami sebagai unsur yang wujud hasil interaksi antara suhu, kelembapan udara dan tumbuhan, sejajar dengan prinsip interaksi dan keterhubungan. Embun terbentuk apabila wap air di udara mengalami kondensasi pada permukaan daun atau rumput pada waktu malam. Fenomena ini menunjukkan hubungan rapat antara atmosfera dan permukaan bumi, di mana tumbuhan menjadi medium penting dalam proses pembentukan embun. Hubungan ini memperlihatkan prinsip ketergantungan ekologi, iaitu kehidupan tumbuhan bergantung kepada air yang diserap daripada

embun pada awal pagi, manakala embun pula hanya wujud melalui permukaan biotik seperti daun dan rumput.

Dalam konteks pantun Melayu, embun sering menjadi perlambangan kelembutan, kesegaran dan kesucian. Hal ini selari dengan prinsip pengaruh persekitaran terhadap budaya dan bahasa, di mana masyarakat tradisional menjadikan fenomena alam sebagai rujukan dalam membentuk makna simbolik. Embun yang jernih dan halus ditafsir sebagai lambang perasaan halus manusia seperti kasih, harapan atau ketenangan. Embun yang mudah hilang apabila matahari terbit pula digunakan sebagai perlambangan sifat rasa atau kebahagiaan yang tidak kekal lama. Fenomena sifat embun yang sementara menunjukkan prinsip dinamik dan perubahan dalam ekologi ini diterjemahkan oleh penyair ke dalam pantun sebagai lambang sifat sesuatu yang rapuh, mudah hilang dan perlahan-lahan lenyap.

Selain itu, embun juga melambangkan permulaan baharu kerana lazimnya hadir pada waktu dini hari. Ini bertepatan dengan prinsip keseimbangan ekologi, yang menekankan bahawa alam mempunyai ritma tersendiri antara siang dan malam. Maka, embun dalam pantun bukan sekadar fenomena fizikal, tetapi simbol kitaran kehidupan manusia seperti pengakhiran malam yang sejuk dan permulaan hari yang baharu. Keadaan ini memperlihatkan bahawa unsur embun dalam pantun menyerlahkan hubungan rapat antara manusia dan alam, seperti yang digariskan oleh Howarth.

4.2.3 Ombak

Definisi ombak menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) adalah gerakan air yang turun naik atau bergulung-gulung seperti gelombang kecil. Ombak biasanya terbentuk di permukaan air laut akibat tiupan angin di atasnya yang menghasilkan gelombang. Fenomena ini sering kali kelihatan di pantai apabila ombak menghempas daratan, membawa kesan seperti bunyi dan gerakan air yang berterusan. Ombak memainkan peranan penting dalam ekosistem laut dan kegiatan manusia.

Ombak terbentuk apabila angin meniup di atas permukaan air, mengubah tenaga ke molekul air dan menghasilkan gelombang yang boleh bergerak beribu kilometer sebelum mencapai pantai. Proses ini bermula dengan alunan air kecil yang berkembang menjadi ombak besar bergantung kepada kelajuan angin, jarak tiupan angin dan kedalaman air seperti yang dijelaskan dalam prinsip oceanografi. Di pantai, ombak menghempas daratan menghasilkan bunyi gemuruh dan semburan air yang membentuk proses hakisan semula jadi yang mempengaruhi bentuk pantai.

Ombak memainkan peranan penting dalam ekosistem laut dengan memindahkan nutrisi, oksigen dan organisma marin ke zon pantai, menyokong biodiversiti seperti karang dan ikan. Secara ekonomi, ombak menyokong aktiviti seperti perikanan tradisional Melayu, sukan selancar, dan pelancongan pantai, manakala dalam konteks bencana, ombak besar boleh menyebabkan tsunami atau banjir pantai. Dalam perspektif simbolik sastera Melayu, ombak

sering digambarkan sebagai metafora ketabahan manusia menghadapi cabaran hidup

4.2.4 Sungai

Sungai menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) merujuk kepada tali air yang semula jadi. Sungai merupakan saluran air yang mengalir secara semula jadi di permukaan bumi, biasanya bermula dari tempat yang tinggi seperti gunung atau bukit dan mengalir ke arah laut, tasik atau takungan air yang lebih besar. Sungai juga biasanya mempunyai anak sungai yang merupakan cabang-cabang kecil daripada sungai utama dan bahagian hujung sungai yang bertemu dengan laut dikenali sebagai muara atau hilir, manakala bahagian permulaan sungai disebut hulu. Sungai memainkan peranan penting dalam ekosistem dan kehidupan manusia sebagai sumber air, pengangkutan serta habitat banyak kehidupan.

Malaysia mempunyai lebih daripada satu juta kilometer persegi lembangan sungai dan kawasan daratan (JAS, 1994) yang berpotensi tinggi daripada segi ekonomi, sosial, budaya serta nilai estetika yang amat berharga. Sungai merupakan khazanah yang amat bernilai kerana ia memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia seharian. Ia merupakan suatu sistem yang kompleks terdiri daripada tanah, tumbuh-tumbuhan, haiwan serta rangkaian anak-anak sungai di sepanjang koridor sungai berkenan. Air adalah suatu keperluan harian semula jadi yang sangat berharga serta memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia, haiwan, tumbuhan dan organisma akuatik.

Manusia menggunakan air sebagai sumber minuman, perindustrian, pembuatan, perkilangan dan sebagainya.

Sungai merupakan harta yang tidak ternilai yang perlu dijaga dan dilindungi supaya tidak terus dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain itu, sistem sungai juga berfungsi secara semulajadi dalam membantu kelancaran aliran air sungai, pergerakan sedimen serta mengawal keseimbangan suhu. Oleh itu, sebarang perubahan yang berlaku dalam ekosistem sungai akan memberi impak yang besar terhadap keadaan fizikal, kimia serta proses semulajadi.

Melalui Teori Ekologi William Howarth, sungai dapat difahami sebagai unsur yang wujud hasil interaksi antara aliran air, sedimen, flora dan fauna, sejajar dengan prinsip interaksi dan keterhubungan. Sungai terbentuk melalui proses semula jadi di mana air dari hulu mengalir ke hilir, membawa sedimen dan mengekalkan keseimbangan suhu. Fenomena ini menunjukkan hubungan rapat antara permukaan bumi dan ekosistem sungai, di mana tumbuhan dan haiwan menjadi medium penting dalam proses pemeliharaan sungai. Hubungan ini memperlihatkan prinsip ketergantungan ekologi, iaitu kehidupan akuatik bergantung kepada air dan sedimen yang diangkut oleh sungai, manakala sungai pula hanya lestari melalui rangkaian biotik seperti pokok riparian dan organisma sungai.

Dalam konteks pantun Melayu, sungai sering menjadi perlambangan aliran kehidupan, kesuburan dan perjalanan masa. Hal ini selari dengan prinsip pengaruh persekitaran terhadap budaya dan bahasa, di mana masyarakat tradisional menjadikan fenomena alam sebagai rujukan dalam membentuk

makna simbolik. Sungai yang mengalir deras ditafsir sebagai lambang semangat atau hasrat yang kuat, manakala sungai yang tenang melambangkan ketenangan dan harmoni. Sungai yang boleh banjir atau kering pula digunakan sebagai perlambangan sifat kehidupan yang tidak menentu dan bergantung kepada keseimbangan alam. Fenomena sifat sungai yang dinamik menunjukkan prinsip perubahan dalam ekologi, hal ini diterjemahkan oleh penyair ke dalam pantun sebagai lambang sifat sesuatu yang bergerak, saling berkait dan boleh terganggu.

4.2.5 Laut

Definisi laut menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menyatakan bahawa laut merupakan kumpulan air masin yang menggenangi sebahagian besar permukaan bumi. Laut meliputi lebih daripada 70 peratus permukaan bumi dan berfungsi sebagai elemen utama dalam mengawal iklim global serta kitaran kehidupan ekosistem di planet ini. Berbeza dengan tasik yang berskala lebih kecil serta mengandungi air tawar, laut mempunyai skala yang jauh lebih besar dan kandungan airnya adalah masin. Dalam kajian hidrologi dan oseanografi, laut boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu laut pedalaman, yang dikelilingi secara separa oleh daratan, dan laut pinggir yang mempunyai sempadan yang terbuka kepada lautan lebih besar seperti lautan global.

Pembentukan ombak dan arus di laut dipengaruhi oleh faktor fizikal seperti angin, suhu air, tekanan udara, serta konfigurasi geografi dasar laut dan pesisir, yang secara kolektif mempengaruhi dinamik ekosistem marin serta

aktiviti manusia seperti pelayaran, perikanan, dan perdagangan maritim. Arus laut yang terbentuk melalui perbezaan suhu dan saliniti air memainkan peranan penting dalam pengangkutan nutrien dan organisma marin. Keadaan ini sekaligus menyokong keanekaragaman laut dan produktiviti perikanan yang berlanjutan.

Laut juga mempunyai kepentingan sosial dan ekonomi yang besar. Laut menyediakan sumber makanan utama bagi sebahagian besar populasi dunia melalui industri perikanan dan akuakultur. Ia juga berperanan dalam pengurusan sumber asli seperti minyak dan gas asli serta menjadi laluan utama bagi perdagangan antarabangsa. Dalam konteks perubahan iklim, laut berfungsi sebagai penyerap karbon dioksida dan pengawal suhu bumi, menjadikannya komponen penting dalam mitigasi pemanasan global.

Laut merupakan ekosistem terbesar di bumi dan dalam ekologi Howarth, laut menjadi contoh terbaik bagi prinsip kepelbagaian diversiti kerana mengandungi pelbagai bentuk hidupan, arus dan zon ekologi yang kompleks. Prinsip interaksi jelas kelihatan melalui pergerakan arus laut yang mempengaruhi iklim, kehidupan marin dan aktiviti manusia. Masyarakat pesisir pula bergantung pada laut untuk menangkap ikan, berdagang dan melakukan pelayaran, menunjukkan prinsip ketergantungan ekologi yang kukuh. Dalam pantun Melayu, laut menjadi perlambangan yang kaya dan pelbagai kekuasaan, kedalaman perasaan, rindu yang luas atau cabaran hidup. Sifat laut yang luas dan tidak bertepi selari dengan prinsip dinamik dan perubahan, kerana ombak sentiasa bergerak tanpa henti. Oleh itu, laut digunakan sebagai lambang perasaan yang besar, tidak stabil, atau sukar dikawal. Laut juga melambangkan

sesuatu yang misteri dan tidak diketahui, sesuai dengan prinsip kompleksiti ekologi yang menegaskan bahawa alam mempunyai banyak lapisan makna. Simbol laut dalam pantun lahir daripada pemerhatian mendalam masyarakat Melayu terhadap unsur air ini, membuktikan bagaimana persekitaran membentuk bahasa dan budaya seperti yang diterangkan oleh HorwarTH.

4.2.6 Tasik

Definisi tasik menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) menjelaskan bahawa tasik merupakan kawasan air yang luas dan dikelilingi oleh daratan, atau dalam istilah lain dikenali sebagai danau. Tasik adalah takungan air pedalaman yang mempunyai skala lebih besar, lebih dalam, dan lebih luas berbanding kolam, dan ia jelas berbeza daripada lautan yang lebih besar dengan air masin. Dari segi pembentukan, tasik boleh terbentuk secara semula jadi melalui pelbagai proses geologi seperti pergerakan tektonik kerak bumi yang mencipta cekungan, aktiviti glasier yang meninggalkan lembah berisi air selepas glasier cair serta aktiviti vulkanik yang menghasilkan kawah tasik. Selain pembentukan semula jadi, tasik juga boleh diwujudkan secara buatan oleh manusia melalui pembinaan empangan untuk tujuan pengawalan air, pengairan, dan hidroelektrik.

Tasik memainkan peranan ekologi yang kritikal dalam menyokong biodiversiti daratan dan akuatik. Ia merupakan habitat penting bagi pelbagai spesies flora dan fauna, termasuk ikan air tawar, hidupan mikro, burung air, dan tumbuhan akuatik yang menyediakan sokongan ekosistem yang seimbang

dan kompleks. Selain itu, tasik bertindak sebagai zon penyangga yang mengawal limpahan air hujan dan banjir, membantu mengekalkan keseimbangan hidrologi. Dari segi kegunaan manusia, tasik menyediakan sumber air tawar yang penting untuk minuman, pertanian dan industri di samping menjadi lokasi rekreasi dan pelancongan yang berpotensi ekonomi tinggi.

Dalam konteks saintifik, kajian terhadap tasik merangkumi bidang hidrologi, ekologi, geologi dan kajian perubahan iklim kerana tasik sensitif terhadap perubahan kondisi alam sekitar dan aktiviti manusia. Status fizikal dan kimia air tasik, seperti suhu, keasidan (pH), kandungan nutrien dan kehadiran bahan pencemar menjadi petunjuk penting dalam pemantauan kualiti dan kesihatan tasik. Dengan kepelbagaian fungsi dan kedudukannya dalam kitaran ekologi dan ekonomi manusia, tasik menjadi fokus utama dalam bidang pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber air lestari.

Tasik adalah komponen penting dalam sistem alam yang menghubungkan hidupan daratan dan akuatik, memberi manfaat besar dari segi ekosistem dan sosial ekonomi serta memerlukan pendekatan holistik dalam pemantauan dan pemeliharaannya agar dapat terus memberikan fungsi ekologi dan manfaat kepada manusia pada masa depan.

4.2.7 Teluk

Teluk merupakan geografi pesisir yang ditanda oleh lekukan besar di garis pantai yang sebahagian besar atau secara separa dikelilingi oleh daratan. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2017), teluk adalah kawasan perairan yang memiliki sempadan daratan yang lebih luas dan jelas dibandingkan dengan kuala dan pantai, serta memiliki hubungan terbuka dengan badan air yang lebih besar seperti laut atau lautan. Dari segi geomorfologi, teluk terbentuk melalui proses tekanan erosi dan sedimentasi yang berterusan yang mempengaruhi pembentukan garis pantai serta ciri-ciri fizikalnya seperti kedalaman, panjang dan lebar. Proses ini boleh melibatkan interaksi faktor-faktor seperti gelombang, arus laut, pasang surut dan pengaruh manusia dalam bentuk pembangunan pesisir.

Teluk berfungsi sebagai habitat penting bagi biodiversiti marin dan menyediakan kawasan pembiakan dan perlindungan bagi pelbagai spesies ikan, burung dan organisma akuatik yang lain. Teluk yang mempunyai pasang surut boleh menjadi tempat yang kaya dengan nutrien dan mendukung produktiviti tinggi ekosistem marin. Ia juga berperanan dalam proses kitaran air dan sedimentasi yang kritikal dalam mengekalkan kesihatan ekosistem pesisir. Dari perspektif sosial dan ekonomi, teluk sering dijadikan tapak pelabuhan, pusat perikanan, serta lokasi untuk aktiviti rekreasi dan pelancongan yang memberi manfaat ekonomi kepada komuniti pesisir.

Dalam kajian saintifik, teluk menarik perhatian para ahli geografi, ekologi dan sains laut kerana keunikannya yang menggabungkan elemen air laut, daratan, dan ekosistem estuari yang kompleks. Penyelidikan terhadap teluk meliputi aspek hidrodinamika, seperti arus, gelombang, dan proses sedimen, serta kesan perubahan iklim dan aktiviti manusia terhadap keberlanjutan ekosistem ini. Pendekatan pengurusan bersepadu amat penting untuk mengekalkan fungsi semula jadi teluk dan mengoptimumkan manfaatnya untuk kesejahteraan manusia serta konservasi alam sekitar.

Oleh itu, teluk bukan sahaja merupakan unsur geografi pesisir yang signifikan, tetapi juga sistem ekologi dan ekonomi yang kompleks, yang memerlukan pemahaman mendalam dan pengurusan yang berkesan bagi memastikan kelangsungan ekosistem dan manfaat sosial ekonomi yang lestari bagi generasi akan datang.

4.2.8 Kuala

Kuala merupakan suatu bentuk geomorfologi pesisir yang merujuk kepada kawasan pertemuan antara sungai dengan badan air yang lebih besar seperti laut atau lautan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017), kuala ditakrifkan sebagai tempat pertemuan sungai dengan laut atau tempat bermulanya sungai bertemu dengan perairan lebih besar. Kuala lazimnya menampakkan perubahan ketara pada keadaan air, aliran, dan bentuk geomorfologi kerana adanya percampuran antara air tawar dan air masin.

Dari sudut geomorfologi, pembentukan kuala melibatkan proses semula jadi seperti hakisan, pemendapan, dan pergerakan arus yang berterusan. Proses ini menyebabkan perubahan dinamik pada struktur dasar sungai, kedalaman air serta bentuk muara yang boleh berubah mengikut musim, kadar hujan dan kesan aktiviti manusia. Kuala berperanan sebagai zon peralihan hidrologi yang sangat aktif di mana interaksi antara arus sungai dan arus laut menghasilkan ciri-ciri fizikal seperti bentuk delta kecil, liang sedimen dan kawasan berlumpur yang luas.

Kuala merupakan ekosistem estuari yang sangat produktif dan kaya dengan biodiversiti. Campuran nutrien daripada sungai dan laut menjadikan kawasan ini habitat penting bagi pelbagai spesies ikan, krustasia dan plankton. Kuala juga berfungsi sebagai kawasan pembiakan, tempat mencari makan dan laluan migrasi hidupan akuatik. Ekosistem estuari seperti kuala menyumbang kepada kestabilan rantaian makanan marin dan memainkan peranan penting dalam kitaran biogeokimia, termasuk kitaran nitrogen dan karbon.

Dari perspektif sosial dan ekonomi, kuala sering menjadi lokasi strategik bagi aktiviti manusia. Banyak komuniti nelayan membina penempatan di kawasan kuala kerana sumber ikan yang melimpah serta keadaan air yang lebih tenang. Kuala juga sesuai untuk pembangunan pelabuhan kecil, kawasan tambatan bot dan aktiviti rekreasi seperti memancing serta pelancongan alam. Selain itu, kawasan kuala menyumbang kepada ekonomi setempat melalui industri perikanan, akuakultur dan ekopelancongan.

Dalam bidang penyelidikan, kuala menarik minat ahli hidrologi, oseanografi, ahli geografi, dan pakar ekologi kerana sifatnya yang dinamik serta kepekaan terhadap perubahan iklim dan aktiviti antropogenik. Kajian terhadap kuala melibatkan aspek kualiti air, corak arus, kadar sedimentasi, dan impak pembangunan pesisir seperti penambakan, pencemaran, dan perubahan guna tanah. Pengurusan bersepadu zon kuala amat penting bagi memastikan kelestarian ekosistem sensitif ini demi menjamin keseimbangan antara keperluan manusia dan pemeliharaan alam sekitar.

Oleh yang demikian, kuala bukan sahaja merupakan unsur fizikal dalam sistem sungai dan pesisir pantai, tetapi juga sebuah ekosistem kompleks yang memainkan peranan kritikal dalam keseimbangan hidrologi, kesihatan biodiversiti, dan pembangunan sosioekonomi masyarakat. Pemahaman mendalam serta pengurusan lestari terhadap kuala diperlukan bagi memastikan kelangsungan manfaat ekologi dan ekonomi untuk generasi akan datang.

4.2.9 Pantai

Pantai merupakan bentuk fizikal pesisir yang terletak pada pertemuan antara daratan dan laut, serta menjadi zon peralihan penting antara kedua-dua sistem tersebut. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017), pantai ditakrifkan sebagai tepi laut atau kawasan daratan yang berbatasan dengan laut, tasik atau sungai yang lazimnya terdiri daripada pasir, kerikil, lumpur atau batuan. Pantai berfungsi sebagai sempadan geografi dan

ekologikal yang sentiasa berubah kerana dipengaruhi oleh faktor semula jadi dan aktiviti manusia.

Dari sudut geomorfologi, pantai terbentuk melalui proses hakisan, pemendapan sedimen, dan tindakan ombak serta arus laut yang berterusan. Proses-proses ini membentuk ciri-ciri fizikal pantai seperti lebar pantai, kecerunan, saiz sedimen, bentuk pesisir dan kestabilan garis pantai. Pantai boleh bersifat dinamik, mengembang dan mengecut mengikut musim, pola angin monsun, paras air laut serta intensiti ombak. Perubahan semula jadi ini menjadikan pantai satu sistem terbuka yang sensitif terhadap perubahan alam sekitar dan perubahan iklim global, termasuk peningkatan paras laut dan kejadian ribut yang lebih kerap.

Pantai menyediakan habitat bagi pelbagai bentuk hidupan marin dan pesisir seperti ketam, moluska, burung pantai, tumbuhan halofit serta mikroorganisma yang hidup di zon intertidal. Pantai turut memainkan peranan dalam memastikan kestabilan ekosistem pesisir dengan menyerap tenaga ombak, mengurangkan hakisan dan menyokong proses kitaran nutrien. Pantai berlumpur, berpasir atau berbatu masing-masing mempunyai komuniti biologi yang berbeza menjadikannya kawasan penting bagi biodiversiti pesisir dan sistem rantai makanan marin.

Dari perspektif sosial dan ekonomi, pantai merupakan kawasan bernilai tinggi yang dimanfaatkan untuk pelbagai aktiviti manusia. Pantai sering dijadikan lokasi pelancongan, rekreasi, industri perikanan, perkapalan kecil, serta pembangunan kawasan kediaman dan komersial. Industri pelancongan pantai, khususnya, menyumbang secara signifikan kepada ekonomi tempatan

melalui pembinaan resort, pusat peranginan dan perniagaan berbentuk perkhidmatan. Selain itu, pantai berfungsi sebagai sistem perlindungan semula jadi yang membantu mengurangkan impak bencana pesisir seperti tsunami, hakisan besar-besaran, ribut dan banjir.

Dalam konteks penyelidikan saintifik, pantai menjadi fokus kajian ahli geografi fizikal, ahli oseanografi, ahli ekologi dan jurutera pesisir kerana sifatnya yang kompleks dan dinamik. Penyelidikan dilakukan melibatkan aspek hidrodinamika seperti gelombang, arus dan corak angkutan sedimen di kawasan pesisir pantai. Pembangunan tidak terkawal boleh mengubah morfologi pantai dan menjejaskan kestabilan ekosistem.

Oleh itu, pantai bukan sahaja merupakan unsur landskap fizikal yang signifikan di pertemuan daratan dan laut, tetapi juga sistem ekologi dan sosioekonomi yang kompleks. Pemahaman menyeluruh tentang struktur, fungsi dan sensitiviti pantai amat diperlukan bagi memastikan kesinambungan ekosistem pesisir serta kelestarian manfaat ekonomi dan sosial bagi dinikmati oleh masyarakat kini dan generasi akan datang.

Pantai ialah kawasan pertemuan antara laut dan daratan, menjadikannya contoh jelas bagi prinsip zon peralihan ecotone dalam ekologi. Menurut Horwarth, zon peralihan adalah kawasan paling kaya dengan interaksi biotik dan abiotik. Pantai mengalami perubahan berterusan akibat pasang surut, angin dan ombak menunjukkan prinsip dinamik dan perubahan dalam sistem ekologi. Ia juga menjadi habitat bagi pelbagai organisma seperti moluska, ketam dan tumbuhan pantai, seiring dengan prinsip kepelbagaian ekologi.

Dalam pantun Melayu, pantai menjadi perlambangan pertemuan, perpisahan, batas dan rindu. Kedudukan pantai sebagai kawasan antara dua alam iaitu laut dan darat menjadikan simboliknya sangat kuat. Pantai sering digunakan untuk menggambarkan jarak antara dua insan, harapan yang terdampar atau hubungan yang tidak dapat dipertemukan. Hal ini selaras dengan prinsip interaksi ekologi, iaitu pantai ialah ruang pertemuan unsur yang berbeza tetapi saling mempengaruhi. Prinsip keseimbangan ekologi juga dapat dilihat melalui pantai yang berubah bentuk disebabkan ombak dan angin. Perubahan ini diterjemahkan ke dalam pantun sebagai simbol kehidupan yang sentiasa berubah, tidak statik dan perlu diterima dengan redha. Maka, pantai bukan sekadar ruang fizikal, tetapi lambang falsafah hidup masyarakat Melayu yang memahami alam melalui pengalaman harian mereka.

4.2.10 Perigi

Perigi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) ialah lubang yang digali di tanah untuk mendapatkan air telaga dengan contoh seperti perigi buta yang merujuk kepada perigi yang tidak berair lagi. Definisi ini menekankan aspek praktikal perigi sebagai sumber air bawah tanah yang bergantung kepada infiltrasi air hujan dan paras air tanah menjadikannya elemen penting dalam pengurusan sumber air masyarakat tradisional.

Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) mendefinisikan perigi sebagai sumur atau sumber air termasuk jenis seperti perigi buta atau sumur kering dan perigi wakaf. Secara saintifik, perigi merupakan struktur antropogenik yang mengeksploitasi akuifer untuk air tawar, menyokong kitaran hidrologi dengan mengumpul air infiltrasi dari hujan dan permukaan tanah.

Melalui Teori Ekologi William Howarth, perigi dapat difahami sebagai unsur yang wujud hasil interaksi antara tanah, air bawah tanah dan manusia. Perigi terbentuk melalui proses infiltrasi di mana air hujan meresap dan dikumpul pada lubang yang digali. Keadaan ini menunjukkan hubungan rapat antara permukaan bumi dan lapisan bawah tanah. Fenomena ini memperlihatkan prinsip kebergantungan ekologi iaitu kehidupan masyarakat bergantung kepada air perigi yang bersih, manakala perigi pula bergungsi melalui rangkaian hidrologi seperti hujan dan tanah.

Jadual 4.2.1 : Unsur Air dan Rangkap Pantun dalam Kumpulan Pantun Sama Rima

Sumber : Nurul Athirah Iliya binti Hashim

Unsur Air	Rangkap Pantun	Sumber
Hujan	Guruh berbunyi di pagi hari, Kilat memancar hujan pun berderai, Sepuluh dapat dicari, Hendak di hati belum sampai.	(Hati Mesra: hlm. 67)
	Hujan renyai-renyai, Pacat naik kaki, Orang bujang ramai-ramai, Pacat cari laki.	(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 553)
	Kalau nak hujan hujan sekali, Boleh saya bertudung kain, Nak buang buang sekali, Boleh saya mencari lain.	(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 50)
Embun	Angin bertiup bercampur embun , Ombak memukul dengan taufan, Apa guna harta bertimbun, Sudah mati selesai kapan.	(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 462)
	Mustika embun tinggi warga, Dikulum anak Raja Naga, Tak termasuk pada sangka, Mata tidur bantal terjaga.	(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 439)
	Tengah malam embun berderai, Seludang pecah mayang mengurai, Berani candang bunyi murai, Sayup Alamat tanda bercerai.	(Hati Mesra: hlm. 161)
Ombak	Ombak dilaut meniti buih, Ombak datang dari seberang, Antara budi dengan kasih, Mana satu dikenang orang?	(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 399)
	Pasang ombak di laut tinggi, Gelombang macam di Tanjung Puri, Jika abang berjiwa tinggi, Jika sungguh menyerah diri.	(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 372)
	Tirai berombak-ombak , Bantal bertekat di tepi dinding, Biar undur hendak berkuak, Pengantin nak masuk bersanding,	(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 623)
	Angin bertiup bercampur embun,	

	Ombak memukul dengan taufan, Apa guna harta bertimbun, Sudah mati selesai kapan.	(Kurik Kundi Merah Saga: hlm.406)
Sungai	Bagaimana saya nak mandi, Buaya besar melintang sungai, Bagaimana nikah nak jadi, Belanja besar wang tunai. Bagaimana saya nak mandi, Buaya besar melintang sungai, Bagai mana saya nak janji, Janji yang besar belum ditunai. Dari Pagoh sampai ke sungai, Batu berendam nama diberi, Tanahnya subur indah dan damai, Berkenan raja membuka negeri. Ke pekan Kelang kita pergi, Pekan dibina di tepi sungai, Ingatlah tuan petang dan pagi, Bersihkan hati elokkan perangai. Orang menjala di mulut sungai, Kelat layu condong ke pantai, Papan ditarah tukang tak pandai, Cacat kayu buruk tak pakai.	(Hati Mesra: hlm. 221) (Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 40) (Himpunan Puisi Klasik: hlm. 62) (Pantun: hlm. 38) (Hati Mesra: hlm. 219)
Laut	Ada anjung tingkatnya empat, Satu pintu hadap ke laut, Anak dagang mencari tempat, Sebagai ajal ditunda maut. Bila berjalan menuju ke laut, Belilah ikan dibawa ke darat, Apabila puan malu menyebut, Berikan saja tanda isyarat. Kapal berlayar Tengah lautan, Tenggelam timbul pukul taufan, Datang rebut barat Selatan, Belum saya buang muatan. Laut bukan sebarang laut, Laut tenang senang memukat, Mulut bukan sebarang mulut, Mulut orang pantang disumbat. Olok-olok burung di laut, Ogak-ogak burung di bukit, Rupa elok Bagai diraut, Akan Penawar hati yang sakit.	(Hati Mesra: hlm. 108) (Khazanah Pantun Melayu Riau: hlm.415) (Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 527) (Khazanah Pantun Melayu Riau: hlm 212) (Pantun Melayu: hlm. 5)

	Yang luas tentulah laut, Yang sempit tentulah selat, Orang malas tentulah hanyut, Orang pelit tentulah jahat. Berlayar ke laut naik sampan, Sampan dikayuh ke Pulau Aman, Hati belot disimpan-simpan, Umpama kudis dihinggap kuman.	(<i>Khazanah Pantun Melayu Riau</i>: hlm. 238) (<i>Pantun</i>: hlm. 48)
Tasik	Tasik teduh airnya tenang, Tempat pengail main rakit, Nak pilih jodoh bukannya senang, Kena fikir macam bukit. Tasik Chini airnya tenang, Tempat kedidi selalu terbang, Hamba kini dalam bimbang, Akibat janji dilupai orang.	(<i>Kurik Kundi Merah Saga</i>: hlm. 9) (<i>Kurik Kundi Merah Saga</i>: hlm. 37)
Teluk	Api siapa di teluk itu, Tempat budak membakar kurau, Anak siapa secantik itu, Bolehkah kami menumpang gurau. Berkawan-kawan perahu nelayan, Tinggalkan teluk masuk harungan, Merawan-rawan lagu nelayan, Bayangkan cinta kenang-kenangan.	(<i>Kurik Kundi Merah Saga</i>: hlm. 32) (<i>Langgam Sastera Lama</i>: hlm. 160)
Kuala	Apung terendam di Seberang sana, Beting berpaut dari kuala, Menanggung dendam semalam di sana, Siang Barat malam Utara. Bemban di kuala dibuat simpai, Bendam sirat bakul padi, Jangan diserak jangan rungkai, Sudah berbebat simpul mati.	(<i>Kajian Puisi Melayu</i>: hlm. 9) (<i>Hati Mesra</i>: hlm. 66)
Pantai	Anak lipan sawah padi, Cari makan tepi pantai, Senjata simpan dalam peti, Jumpa musuh baru pakai. Duduk di tepi pantai, Tengok orang pancing selampai, Jika tidak bunga di tangkai, Banyak kumbang hidup tak sampai. Jika tuan pergi ke pantai, Telur itik golek di lantai, Sungguh wangi bunga rampai,	(<i>Kurik Kundi Merah Saga</i>: hlm. 637) (<i>Kurik Kundi Merah Saga</i>: hlm.108) (<i>Pantun Melayu</i>: hlm.91)

	Hendak dipetik tidak bertangkai. Kalau tuan bawa kemudi, Kemudi di bawa di tepi pantai, Kalau kenang kurang budi, Sirih layu lekat di tangkai. Kalau tuan pergi ke pantai, Petik bunga tiga setangkai, Sudah kutahu bungaku rampai, Hendak kusunting tidak bertangkai. Ke tasik ke Inderagiri, Singgah bermalam di tepi pantai, Pinjami saya lesung seguri, Akan penumbuk emping bertangkai. Lumba-lumba di dalam padi, Tanam selasih di tepi pantai, Cuba cari ubat tak mati, Supaya kasih jangan bercerai. Orang duduk tepi pantai, Naik ke darat menanam padi, Sungguh hebat bunga di tangkai, Kenapa putik tidak menjadi? Orang tua di tepi pantai, Encik Hanum menjual beli, Buah lebat di hujung tangkai, Masak ranum tergantung tinggi. Pilih-pilih tempat mandi, Pertama teluk kedua pantai, Pilih-pilih tempat menjadi, Pertama elok kedua pandai. Pilih-pilih tempat nak mandi, Esa teluk kedua pantai, Pilih-pilih mencari bini, Pertama elok kedua pandai. Pilih-pilih tempat nak mandi, Pertama teluk kedua pantai, Asyik memilih kain sekodi, Manakan laku kain sehelai. Anak buruk di tepi pantai, Masuk ke ladang mencari ubi, Biar buruk kain dipakai, Asal pandai mengambil hati.	(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 606) (Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 606) (Pantun Melayu: hlm. 167) (Pantun Melayu: hlm. 99) (Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 441) (Hati Mesra: hlm. 161) (Pantun Melayu: hlm. 11) (Kalong Bunga: hlm. 169) (Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 653) (Kalong Bunga: hlm. 169)
--	--	--

	Anak buruk di tepi pantai , Pandai melompat pandai berlari, Biar buruk kain dipakai, Asal hidup pandai berbudi.	<i>(Puisi Melayu Tradisi: hlm. 13)</i>
Perigi	Bila gugur masuk perigi, Di situ ditanam pula, Dalam tidur menjadi mimpi, Jika bangun diingat pula. Dari teluk ke tepi perigi, Singgah berhenti di tepi pantai, Sahajalah pungguk tak sedar diri, Bulan yang tinggi hendak dicapai. Ada bunga tidak bertangkai, Tanam budak tepi perigi, Sama biasa main di pantai, Haram tak takut berpantang mati. Asam paya tepi perigi, Mari diletak di kayu jati, Jangan percaya mulut lelaki, Berani sumpah takut ke mati.	<i>Kumpulan Pantun Melayu: hlm 29</i> <i>Pantun Melayu: hlm.47</i> <i>Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 638</i> <i>Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 34</i>

4.3 Fungsi Penggunaan Air dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Tradisi melalui Prinsip Bahasa

Air merupakan sumber kehidupan yang paling asas dan penting bagi semua makhluk bumi. Tanpa air, tidak ada kehidupan yang dapat berlangsung kerana air memainkan peranan utama dalam proses-proses biologi dan ekologi yang menyokong kewujudan semua makhluk hidup. Air berfungsi sebagai pelarut universal yang mampu melarutkan pelbagai zat penting seperti nutrisi, vitamin dan mineral yang kemudiannya diserap dan digunakan oleh tubuh manusia, haiwan dan tumbuhan. Ia juga berfungsi dalam pengangkutan zat-zat ini melalui sistem peredaran darah dan sistem pengangkutan lain, sekaligus memastikan keberlangsungan metabolisme dan proses kehidupan yang lain. Selain itu, air mempunyai peranan penting dalam mengawal suhu badan, membantu proses pencernaan penting dan mengekalkan keseimbangan elektrolit dalam tubuh. Air juga adalah sumber utama dalam menjaga kebersihan diri serta persekitaran yang secara langsung mencegah penyebaran penyakit dan mengekalkan kesihatan masyarakat.

Selain daripada fungsi biologi, air turut berperanan besar dalam aspek ekonomi, budaya dan keagamaan. Ia menjadi sumber rezeki seperti hasil laut dan pertanian yang menyokong kehidupan masyarakat. Dalam tradisi dan kepercayaan pelbagai budaya termasuk masyarakat Melayu, air dianggap sebagai simbol kesucian dan keberkatan yang digunakan dalam pelbagai ritual keagamaan dan upacara adat. Daripada sudut alam sekitar, air menjaga keseimbangan ekosistem dan menyokong habitat bagi pelbagai flora dan fauna. Oleh itu, kita dapat memahami bahawa air adalah sumber yang tidak ternilai dan memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan

kelangsungan hidup dan pembangunan makhluk di bumi. Dengan kesedaran ini, setiap individu dan komuniti harus bertanggungjawab dalam menjaga keberlangsungan sumber air supaya ia dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Dalam kerangka Teori Ekologi William Howarth, bahasa dianggap sebagai medium utama yang mencerminkan hubungan antara manusia dan alam sekitarnya. Prinsip bahasa dalam ekologi menegaskan bahawa cara manusia berbahasa, membina metafora, simbol dan perlambangan sangat dipengaruhi oleh persekitaran fizikal yang mereka alami. Oleh itu, fungsi penggunaan air dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi bukan sahaja bersifat praktikal, tetapi turut membentuk sistem bahasa dan pemikiran kolektif masyarakat tersebut. Air menjadi unsur alam yang paling dekat dengan kehidupan seharian masyarakat Melayu, lalu diterjemahkan secara meluas dalam pantun sebagai lambang nilai, emosi dan pengalaman hidup.

Fungsi Air	Contoh dalam Pantun	Kepentingan Budaya
Seharian	Mandi, minum	Keperluan asas
Ekonomi	Nelayan, perdagangan	Sumber rezeki
Keagamaan	Wuduk, mandi	Ibadah
Ekosistem	Siraman tanaman	Keseimbangan alam

4.3 Fungsi Air dalam Kehidupan Masyarakat Melayu

Sumber : Nurul Athirah Iliya Binti Hashim

4.3.1 Fungsi Air dalam Kehidupan Sehari-hari

Air memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu tradisi. Menurut Mohd Taib Osman (1988), kehidupan masyarakat Melayu tradisional sangat berkait rapat dengan alam semula jadi, khususnya sumber air seperti sungai, perigi dan air hujan yang menjadi asas kepada kelangsungan hidup harian. Air digunakan untuk memenuhi keperluan asas seperti minum dan memasak, yang menjadi keperluan utama bagi memastikan kelangsungan hidup manusia. Tanpa bekalan air yang mencukupi, kehidupan sehari-hari masyarakat tidak dapat berjalan dengan lancar.

Abdul Halim Ali (2011), menyatakan bahawa air bukan sahaja memenuhi keperluan fizikal malah membentuk rutin kehidupan harian masyarakat Melayu. Selain untuk keperluan minuman, air digunakan secara meluas dalam urusan penyediaan makanan. Aktiviti membasuh bahan mentah, membersihkan peralatan memasak dan menyediakan hidangan semuanya memerlukan air. Dalam masyarakat Melayu tradisi, penyediaan makanan sering dilakukan secara bersama, terutamanya semasa kenduri dan majlis keramaian, sekali gus menunjukkan peranan air dalam menyokong aktiviti sosial masyarakat.

Air juga berfungsi sebagai elemen yang menyokong kesihatan dan kebersihan. Menurut Ismail Hamid (1991), amalan kebersihan dalam masyarakat Melayu tradisi amat dipengaruhi oleh ketersediaan sumber air, terutamanya sungai dan perigi. Kebersihan diri dan persekitaran dianggap

penting dalam memastikan kesejahteraan hidup dan hal ini sering disiratkan melalui perlambangan alam dalam pantun. Selain itu, air berfungsi untuk membersihkan persekitaran tempat tinggal. Aktiviti mencuci halaman rumah, membersihkan kawasan dapur dan peralatan rumah memerlukan air yang mencukupi. Kebersihan persekitaran membantu mencegah penyakit dan memastikan suasana kampung berada dalam keadaan yang selesa dan selamat untuk didiami.

Dalam kerangka Teori Ekologi William Howarth, bahasa berfungsi sebagai medium yang mencerminkan hubungan timbal balik antara manusia dan alam sekitarnya. Hubungan rapat masyarakat Melayu tradisi dengan sumber air dalam kehidupan seharian seperti mandi, minum dan penyediaan makanan telah membentuk pola bahasa yang kaya dengan imejan air. Air yang digunakan secara berterusan dalam rutin harian menjadikan unsur ini dekat dengan pengalaman hidup masyarakat, lalu diterjemahkan dalam bahasa kiasan, metafora dan perlambangan dalam pantun. Air sering dilambangkan sebagai elemen kesucian, ketenangan dan kesederhanaan hidup sejajar dengan nilai masyarakat Melayu yang mementingkan kebersihan lahiriah dan batiniah.

Prinsip bahasa yang berasaskan unsur air ini menunjukkan bahawa pengalaman hidup harian masyarakat Melayu tidak dapat dipisahkan daripada alam. Pantun-pantun Melayu yang memanfaatkan unsur air seperti sungai yang mengalir tenang atau air yang jernih mencerminkan pemikiran kolektif masyarakat yang menghargai keharmonian, kesederhanaan dan keseimbangan hidup. Melalui prinsip bahasa ekologi, jelas bahawa air bukan sekadar

memenuhi keperluan fizikal, tetapi turut membentuk struktur pemikiran dan cara masyarakat Melayu mentafsir kehidupan melalui bahasa.

4.3.2 Fungsi Air sebagai Sumber Ekonomi

Air berfungsi sebagai salah satu sumber ekonomi utama dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Pelbagai aktiviti ekonomi, khususnya pertanian dan perikanan sangat bergantung kepada kewujudan sumber air yang mencukupi dan berterusan. Tanaman padi yang menjadi makanan ruji masyarakat Melayu memerlukan bekalan air yang stabil bagi menjamin hasil yang baik serta mencukupi keperluan penduduk. Menurut Wan Hashim Wan Teh (1996), kebanyakan penempatan awal masyarakat Melayu berkembang di kawasan berhampiran sungai dan pesisir pantai kerana sumber air menyediakan pelbagai peluang ekonomi seperti pertanian, perikanan dan perdagangan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa air berperanan sebagai nadi utama kepada kelangsungan kegiatan ekonomi tradisional masyarakat Melayu.

Selain pertanian, sungai, tasik dan laut menyediakan pelbagai sumber perikanan yang menjadi punca pendapatan masyarakat. Aktiviti menangkap ikan, udang dan hasil air yang lain dijalankan secara tradisional dan menjadi sumber ekonomi utama bagi keluarga. Hasil tangkapan ini bukan sahaja digunakan untuk kegunaan sendiri, tetapi juga dijual untuk menambah pendapatan. Air juga berfungsi sebagai laluan perdagangan dan pengangkutan. Sungai digunakan untuk membawa hasil pertanian dan perikanan ke pasar atau kawasan lain. Laluan air memudahkan pergerakan barangan dan membuka

peluang perdagangan antara kawasan yang berbeza, sekali gus menyokong perkembangan ekonomi masyarakat. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (2002) menyatakan bahawa sungai berfungsi sebagai jalan perhubungan utama sebelum kewujudan jalan darat, sekali gus memudahkan pergerakan barangan dan aktiviti ekonomi. Fungsi ini sering disiratkan dalam pantun melalui gambaran perahu, sungai dan laut. Dalam kehidupan pesisir, laut menjadi ruang penting bagi kegiatan ekonomi seperti pelayaran dan perdagangan. Penggunaan perahu dan bot kecil membolehkan masyarakat menjalankan aktiviti ekonomi secara lebih meluas. Air menjadi medium yang menghubungkan masyarakat dengan peluang ekonomi yang lebih besar.

Kebergantungan masyarakat Melayu tradisi terhadap air sebagai sumber ekonomi utama turut memberi kesan yang signifikan terhadap pembentukan bahasa dan perlambangan budaya. Sungai, laut dan tasik bukan sahaja menjadi medium aktiviti pertanian, perikanan dan perdagangan malah membentuk simbol ekonomi dalam bahasa Melayu. Menurut prinsip bahasa ekologi, persekitaran fizikal yang dialami secara berterusan akan mempengaruhi cara manusia berbahasa. Oleh itu, pengalaman masyarakat Melayu yang bergantung kepada air untuk mencari rezeki diterjemahkan dalam pantun melalui gambaran perahu, ombak, sungai dan laut sebagai lambang usaha, rezeki dan kelangsungan hidup.

Penggunaan unsur air dalam pantun ekonomi ini mencerminkan pemikiran masyarakat yang melihat rezeki sebagai sesuatu yang mengalir, tidak tetap dan memerlukan kebijaksanaan untuk diusahakan. Air yang mengalir sering dikaitkan dengan perjalanan hidup dan cabaran mencari rezeki. Melalui

bahasa, masyarakat Melayu menzahirkan kesedaran bahawa kelangsungan ekonomi mereka sangat bergantung kepada keharmonian hubungan dengan alam. Hal ini memperlihatkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi menjadi wadah untuk merakam pengalaman ekonomi dan falsafah hidup masyarakat Melayu tradisi.

4.3.3 Fungsi Air dalam Keagamaan

Air memainkan peranan yang penting dalam amalan keagamaan masyarakat Melayu tradisi. Ia digunakan sebagai medium utama untuk membersihkan diri sebelum menjalankan ibadah, seperti berwuduk dan mandi wajib. Amalan ini menunjukkan bahawa air mempunyai kedudukan istimewa dalam memastikan kesucian dan kesiapsiagaan rohani seseorang. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), air dalam budaya Melayu-Islam dilihat sebagai unsur penyucian yang menghubungkan manusia dengan nilai kerohanian dan ketuhanan. Pandangan ini diperkukuhkan oleh Abdul Rahman Abdullah (1999) yang menyatakan bahawa kebersihan diri dan kesucian rohani merupakan asas penting dalam amalan keagamaan masyarakat Melayu. Air menjadi medium utama untuk membersihkan diri secara fizikal dan simbolik sebelum melaksanakan ibadah dan upacara keagamaan.

Selain itu, air turut digunakan dalam amalan tradisi yang berkait dengan kepercayaan dan adat. Menurut Mohd Taib Osman (1989), air sering digunakan dalam upacara tertentu sebagai lambang pembersihan, perlindungan dan kesejahteraan. Walaupun bersifat tradisi, amalan ini menunjukkan kepercayaan

masyarakat terhadap peranan air dalam kehidupan rohani. Air juga digunakan untuk membersihkan tempat ibadah dan peralatan keagamaan. Kebersihan kawasan ibadah amat dititikberatkan bagi memastikan suasana yang sesuai untuk beribadah. Air menjadi medium utama untuk mengekalkan kebersihan dan kesucian ruang ibadah. Dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi, air turut digunakan dalam amalan penyembuhan yang berkaitan dengan kepercayaan agama. Air yang dibacakan doa digunakan sebagai ikhtiar untuk mendapatkan kesembuhan dan ketenangan. Amalan ini menunjukkan bahawa air dilihat sebagai medium yang membawa keberkatan.

Dalam konteks keagamaan, air mempunyai kedudukan yang istimewa dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi, khususnya dalam amalan Islam. Prinsip bahasa ekologi menjelaskan bahawa unsur alam yang mempunyai nilai spiritual akan membentuk simbol dan metafora dalam bahasa. Air yang digunakan dalam wuduk dan mandi wajib dilihat sebagai medium penyucian, bukan sahaja secara fizikal tetapi juga secara rohani. Konsep ini diterjemahkan dalam bahasa Melayu melalui penggunaan simbol air jernih, air bersih dan aliran air sebagai lambang kesucian jiwa dan hubungan manusia dengan Tuhan.

Pantun-pantun Melayu sering menggunakan unsur air sebagai perlambangan ketenangan, keikhlasan dan kesucian hati, selari dengan nilai-nilai keagamaan yang dianuti oleh masyarakat. Penggunaan bahasa berunsurkan air ini menunjukkan bagaimana pengalaman spiritual masyarakat Melayu dipengaruhi oleh persekitaran alam mereka. Melalui prinsip bahasa dalam teori ekologi, jelas bahawa air bukan sekadar elemen ibadah, tetapi turut membentuk

sistem simbolik dan cara masyarakat menzahirkan konsep ketuhanan dan kerohanian melalui bahasa.

4.3.4 Fungsi Air sebagai Sumber Rezeki

Air juga berfungsi sebagai sumber rezeki yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Menurut Wan Hashim Wan Teh (1996), kebergantungan masyarakat Melayu terhadap alam menjadikan sumber air sebagai punca utama rezeki, terutamanya melalui pertanian dan perikanan. Kehidupan masyarakat pesisir dan sungai sangat bergantung kepada hasil yang diperoleh daripada air. Sawah padi dan tanaman lain memerlukan bekalan air yang mencukupi untuk memastikan hasil yang baik. Kejayaan musim tanaman bergantung kepada ketersediaan air, dan ini menentukan kesejahteraan ekonomi keluarga. Dalam sektor pertanian, air merupakan faktor utama yang menentukan keberhasilan tanaman. Kegagalan mendapatkan bekalan air yang mencukupi boleh menjejaskan hasil dan seterusnya kehidupan masyarakat. Oleh itu, air dianggap sebagai anugerah yang membawa rezeki dan kesejahteraan.

Air turut menyokong aktiviti perusahaan kecil seperti pemprosesan hasil pertanian dan perikanan. Aktiviti seperti membasuh ikan, menyediakan hasil pertanian dan menghasilkan produk makanan memerlukan air. Ini menunjukkan bahawa air berperanan secara langsung dalam menjana pendapatan masyarakat. Dalam kehidupan pesisir, laut menyediakan peluang rezeki melalui pelayaran perdagangan. Masyarakat memanfaatkan laluan air untuk menjalankan urusan

ekonomi dan mencari rezeki di kawasan lain. Air menjadi medium yang membuka peluang kehidupan yang lebih luas.

Air sebagai sumber rezeki utama masyarakat Melayu tradisi turut memainkan peranan penting dalam pembentukan bahasa dan pemikiran kolektif. Kebergantungan kepada air untuk pertanian, perikanan dan pelayaran menjadikan unsur ini sebagai lambang rezeki dan kelangsungan hidup dalam bahasa Melayu. Prinsip bahasa ekologi menegaskan bahawa pengalaman hidup yang berulang akan membentuk metafora bahasa. Oleh itu, air sering digambarkan dalam pantun sebagai lambang nasib, usaha dan ketentuan rezeki yang berada di luar kawalan manusia.

Melalui penggunaan bahasa yang berasaskan unsur air, masyarakat Melayu menzahirkan kesedaran bahawa rezeki perlu diusahakan dengan tekun dan disertai kesabaran. Air yang tenang atau bergelora dalam pantun mencerminkan keadaan kehidupan yang tidak menentu, namun tetap perlu diharungi. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa pantun berfungsi sebagai refleksi pemikiran masyarakat yang memahami rezeki sebagai anugerah alam yang perlu dijaga dan dihargai, sejajar dengan prinsip ekologi yang menekankan hubungan harmoni antara manusia dan alam.

4.3.5 Fungsi Air kepada Alam Sekitar dan Ekosistem

Air memainkan peranan yang sangat penting dalam mengekalkan keseimbangan alam sekitar dan ekosistem. Sungai, tasik dan laut menyediakan habitat bagi

pelbagai jenis hidupan akuatik. Kewujudan sumber air yang bersih dan mencukupi memastikan kelangsungan hidup flora dan fauna yang bergantung kepada persekitaran air. Selain menyokong hidupan air, air membantu menyuburkan tanah dan menyokong pertumbuhan tumbuhan. Hujan dan aliran air memastikan tanah kekal lembap dan subur, sekali gus menyokong ekosistem daratan. Keadaan ini penting bagi mengekalkan keseimbangan alam sekitar.

Air juga berfungsi untuk mengawal suhu persekitaran dan iklim setempat. Kehadiran sumber air membantu menyejukkan kawasan sekeliling dan mewujudkan persekitaran yang selesa untuk hidupan. Ini menunjukkan peranan air dalam memastikan kestabilan ekosistem. Selain itu, air membantu membersihkan alam sekitar melalui proses aliran semula jadi. Sungai dan hujan membawa bahan buangan dan memastikan persekitaran tidak tercemar secara berlebihan. Proses ini penting untuk mengekalkan kualiti alam sekitar.

Air memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan alam sekitar, ekosistem. Prinsip bahasa ekologi menegaskan bahawa bahasa berfungsi sebagai cerminan kesedaran ekologi masyarakat terhadap alam sekitar. Sungai, hujan dan laut sering digunakan dalam pantun sebagai lambang keseimbangan, kelangsungan dan keharmonian alam. Penggunaan unsur air dalam bahasa ini mencerminkan kefahaman masyarakat Melayu tentang kepentingan menjaga alam sebagai sumber kehidupan.

Pantun-pantun yang menggambarkan aliran air, hujan yang menyuburkan tanah dan sungai yang memberi kehidupan menunjukkan hubungan erat antara manusia dan alam. Bahasa digunakan untuk menyampaikan mesej tentang kepentingan menjaga keseimbangan ekosistem

dan menghormati alam sekitar. Melalui pendekatan ekologi bahasa, jelas bahawa air bukan sekadar elemen alam, tetapi menjadi simbol yang membentuk kesedaran kolektif masyarakat Melayu terhadap tanggungjawab menjaga alam demi kelangsungan hidup generasi akan datang.

4.4 Simbolik Penggunaan Unsur Air sebagai Perlambangan dalam Kehidupan Masyarakat Melayu melalui Prinsip Kritikan

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam baris awal pantun atau pembayang tidak hanya berfungsi untuk menerbitkan rima semata-mata tetapi turut berperanan membangkitkan makna dan suasana. Setiap perkataan yang digunakan dalam pantun dan puisi sebenarnya membawa peranan yang besar. Pantun menjadi indah dengan gambaran suasana alam tempatan serta imej dan budaya Melayu. Pantun seringkali menggunakan gambaran alam seperti sungai, laut, gunung, hujan, tumbuh-tumbuhan dan haiwan iaitu flora dan fauna sebagai pembayang. Objek alam ini digunakan bagi menggambarkan kehidupan dan perilaku manusia, di samping menyampaikan pemikiran, memberi nasihat dan pedoman hidup. Hal ini biasanya terdapat dalam pantun yang dikenali sebagai pantun kiasan dan pantun peribahasa. Oleh itu, pada bahagian ini pengkaji akan membincangkan penciptaan pantun dan penggunaan unsur air sebagai perlambangan. Ini akan dibahagikan kepada beberapa elemen iaitu laut, hujan, sungai dan lain-lain.

Pantun memiliki komponen penting iaitu pemikiran dan perasaan. Pemikiran merangkumi pandangan hidup, nasihat, pedoman dan falsafah, manakala perasaan atau emosi adalah satu gambaran mengenai rasa sedih, suka, bahagia, kagum sayu dan sebagainya. Seorang sasterawan atau pengkarya sering mengungkap tentang sesuatu

yang bermain di fikiran dan perasaanya melalui penulisan. Oleh itu, mereka mencipta karya-karya yang dapat menyentuh perasaan pembaca dari sentuhan emosi. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembaca akan berfikir secara kritis tentang apa yang diutarakan oleh penulis tersebut. Sebagaimana hasil sastera Melayu yang lain, emosi dan pemikiran itu tidak dicurahkan dengan secara berterus terang tetapi dengan menggunakan unsur-unsur air sebagai perlambangan. Penggunaan unsur air ini akan menambah nilai estetika atau keindahan sesebuah pantun.

Menggunakan alam sebagai perlambangan bermaksud menyamakan sesuatu dengan alam. Diaul Khaerah (2018) menyatakan bahawa pemilihan diksi seperti pepohon, sungai, air, ombak dan sebagainya dalam karya sastera membuktikan pemanfaatan unsur alam oleh pengarang. Begitu juga dengan penggunaan unsur air sebagai perlambangan. Kata pantun itu sendiri adalah dari kata sepantun iaitu menyamakan atau mengumpamakan seperti terlihat di dalam baris pantun. Karya sastera mengemukakan pemikiran melalui sentuhan emosi atau deria. Karya sastera yang bermutu adalah jalinan yang harmoni di antara penggunaan bahasa, gaya penceritaan dan subjek yang disampaikan. Tambahan, unsur air atau alam yang digunakan dalam pantun akan memberikan kesan audio dan kesan visual. Apabila kedua perkara ini bersatu dan berpadu ia dengan jelas akan menyampaikan makna pantun yang ingin disampaikan. Kesan audio atau kesan bunyi merujuk kepada cara penyair menyusun kata-kata dengan menggunakan unsur rima,ulangan perkataan, asonansi, aliterasi, bilangan suku kata pada setiap baris dan bilangan baris pada setiap rangkap.

4.4.1 Simbolik Hujan

Hujan merupakan fenomena cuaca yang sering digambarkan di dalam pantun. Hujan menjadi perlambangan yang amat ketara di dalam puisi Melayu baik puisi tradisi atau moden. Perkara ini terjadi kerana hujan menyekat perjalanan atau aktiviti manusia. Manusia terpaksa menghentikan sebarang aktiviti dan perlu mencari tempat berteduh seperti di dalam rumah. Walau bagaimanapun, hujan di dalam pantun bukanlah sentiasa menjadi suatu perlambangan yang tidak menyenangkan seperti menjadi gangguan kepada kebahagiaan. Hujan juga digunakan bagi membawa pengertian rahmat dan rezeki sesuai dengan sifatnya sebagai sumber air untuk meneruskan kehidupan manusia. Hujan menyuburkan tanaman lalu ia menjadi perlambangan sesuatu yang membawa harapan baru atau membawa sinar kebahagiaan. Sehubungan itu, seseorang yang menunggu dan mengharap kebahagiaan diumpamakan sebagai sedang menunggu hujan turun. Oleh itu, masyarakat tradisi dahulu sering menasihatkan supaya tidak meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap sesuatu yang tidak pasti. Sikap terlalu berharap dan yakin ini dianggap sebagai mengharap hujan di langit.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, hujan dijadikan simbolik dalam pantun sebagai lambang pelbagai makna yang berkait rapat dengan kehidupan seharian dan nilai budaya. Hujan dalam pantun bukan sahaja mencerminkan keadaan cuaca, tetapi juga melambangkan perasaan, nasib dan perubahan dalam kehidupan manusia. Misalnya, hujan kerap dikaitkan dengan kesedihan, kesedihan dan kerinduan yang mana turunya titisan hujan menyerupai air mata

yang mengalir. Melalui simbol ini, masyarakat dapat menyampaikan perasaan tersembunyi secara halus dan puitis dalam pantun dengan menjadikan hujan sebagai medium ekspresi emosi yang mendalam.

Selain itu, hujan dalam pantun juga berperanan sebagai lambang rahmat dan rezeki. Dalam tradisi agraria, masyarakat Melayu menjadikan hujan sebagai sumber kehidupan yang menyuburkan tanaman dan menjamin hasil tuaian. Oleh itu, hujan dalam pantun sering melambangkan harapan dan kebahagiaan, di mana turunnya hujan membawa satu berita baik dan keberkatan. Simbol ini mencerminkan kepercayaan masyarakat terhadap alam dan ketentuan ilahi yang memberi pengajaran tentang kesabaran dan kebergantungan kepada kuasa Tuhan. Hujan bukan sahaja menyejukkan bumi, tetapi juga membawa sinar harapan dan menjadi penyelamat dalam kancuh kehidupan yang kadang kala mencabar.

Dalam konteks sosial dan budaya, penggunaan hujan sebagai simbol dalam pantun juga memperlihatkan cara masyarakat Melayu menggunakan alam sebagai metafora untuk menggambarkan pengalaman hidup dan hubungan interpersonal. Hujan yang turun di waktu tertentu boleh menandakan perubahan keadaan baik dari segi emosi, keadaan sosial, pertemuan dan perpisahan. Oleh itu, pantun yang menggunakan simbol hujan bukan sekadar karya seni yang indah tetapi sarat dengan mesej tersirat yang menguatkan ikatan budaya dan warisan lisan masyarakat Melayu tradisional.

Hujan sebagai simbol dalam pantun memainkan peranan penting dalam menyampaikan makna-makna yang lebih mendalam tentang kehidupan masyarakat terdahulu. Melalui pantun, hujan menjadi lambang yang kaya dengan

nilai emosi, spiritual dan budaya yang diwariskan secara turun-temurun. Ia bukan hanya menggambarkan fenomena alam tetapi juga mencerminkan perasaan manusia, pengharapan dan ajaran moral yang membentuk identiti dan pemahaman masyarakat Melayu terhadap dunia di sekeliling mereka.

4.4.1.1 Lambang Kesedihan dan Kekecewaan

Kesedihan dan kekecewaan merupakan antara emosi manusia yang sering lahir daripada kegagalan mencapai harapan, kehilangan sesuatu yang bernilai atau berhadapan dengan ketidaktentuan dalam kehidupan. Dalam konteks masyarakat Melayu, perasaan ini lazimnya tidak dizahirkan secara terbuka, sebaliknya disampaikan secara berlapis dan bersifat tersirat melalui bahasa kiasan serta perlambangan alam. Hal ini sejajar dengan sifat budaya Melayu yang menekankan kesantunan berbahasa serta pengawalan emosi dalam interaksi sosial. Dalam kesusasteraan Melayu, unsur hujan sering digunakan sebagai simbol yang mewakili perasaan duka, resah dan kekecewaan yang sukar diungkapkan secara langsung.

Pemaknaan ini memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam memanfaatkan unsur alam sebagai medium simbolik bagi menggambarkan konflik emosi manusia. Melalui perlambangan dalam pantun, pengalaman kesedihan dan kekecewaan dapat disampaikan dengan lebih halus dan mendalam, sekali gus membolehkan khalayak memahami emosi tersebut tanpa perlu ungkapan yang bersifat literal. Justeru, penggunaan unsur hujan dalam pantun Melayu bukan sekadar

berfungsi sebagai hiasan bahasa, sebaliknya membawa makna simbolik yang mendalam dalam menzahirkan konflik emosi dan pengalaman batin manusia.

Guruh berbunyi di pagi hari,
Kilat memancar hujan pun berderai,
Sepuluh dapat dicari,
Hendak di hati belum sampai.

(*Hati Mesra*: hlm. 67)

Melalui pantun ini, unsur hujan hadir bersama guruh dan kilat bagi melambangkan gelora perasaan serta konflik dalaman yang dialami oleh subjek pantun. Walaupun terdapat banyak pilihan atau peluang tersedia melalui penggunaan frasa “sepuluh dapat dicari”, namun apa yang benar-benar diinginkan masih belum tercapai. Frasa ini menggambarkan kelimpahan pilihan dalam realiti kehidupan, namun kegagalan mencapai “yang di hati” menzahirkan jurang antara kehendak emosi dan kemampuan manusia untuk mengawal takdirnya sendiri. Hujan dalam pantun ini berfungsi sebagai simbol kekecewaan, resah jiwa dan ketidaktentuan emosi, sejajar dengan suasana alam yang bergelora. Perlambangan ini menekankan bahawa keinginan hati manusia tidak selalu seiring dengan realiti kehidupan, sekali gus mencerminkan pengalaman hidup yang penuh dengan cabaran dan ketidakpastian.

Penggunaan unsur alam seperti hujan, guruh dan kilat dalam pantun ini selari dengan pandangan Muhammad Haji Salleh (1999) yang menyatakan bahawa alam dalam kesusasteraan Melayu sering dijadikan medium untuk memantulkan perasaan dalaman manusia secara simbolik

dan tersirat. Fenomena alam yang tidak stabil mencerminkan ketidakseimbangan emosi manusia, khususnya apabila berhadapan dengan kegagalan mencapai keinginan hati. Dalam konteks ini, hujan bukan sekadar berfungsi sebagai latar peristiwa, tetapi bertindak sebagai metafora emosi yang memperlihatkan tekanan psikologi serta perasaan kecewa yang dialami oleh subjek pantun. Hubungan rapat antara alam dan emosi ini memperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu memahami alam sebagai cerminan jiwa dan pengalaman batin manusia.

Dari sudut kritikan ekologi pula, William Howarth (1996) menegaskan bahawa hubungan manusia dengan alam mencerminkan keadaan moral dan emosi manusia itu sendiri. Oleh itu, penggunaan unsur hujan dan alam yang bergelora dalam pantun ini memperlihatkan ketegangan antara kehendak manusia dengan batasan realiti kehidupan. Kekecewaan yang digambarkan melalui hujan menekankan hakikat bahawa manusia tidak berkuasa sepenuhnya terhadap takdir, sebaliknya perlu menerima ketentuan alam dan kehidupan dengan penuh kesedaran. Perlambangan hujan dalam pantun ini bukan sahaja menyampaikan emosi peribadi, malah mencerminkan falsafah hidup masyarakat Melayu yang akur terhadap hukum alam, mengamalkan kesabaran serta berserah kepada ketentuan Ilahi dalam menghadapi kesedihan dan kekecewaan hidup.

4.4.1.2 Lambang Keadaan Sosial dan Realiti Kehidupan

Keadaan sosial dan realiti kehidupan merujuk kepada situasi sebenar yang dihadapi oleh individu dalam masyarakat, termasuk tekanan sosial, persaingan, norma budaya serta hubungan antara sesama manusia. Dalam masyarakat Melayu, isu-isu sosial sering dibicarakan secara tersirat dan berlapis melalui bahasa kiasan serta perlambangan alam bagi mengelakkan teguran yang bersifat langsung. Pendekatan ini mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam menyampaikan pandangan, kritikan dan sindiran terhadap realiti kehidupan tanpa menyinggung perasaan pihak tertentu. Dalam kesusasteraan Melayu, unsur alam seperti hujan sering dimanfaatkan sebagai simbol yang menggambarkan suasana sosial yang tidak stabil, mencabar atau sarat dengan tekanan. Justeru, hujan bukan sahaja berfungsi sebagai latar peristiwa, malah menjadi medium simbolik untuk menyingkap realiti kehidupan masyarakat secara halus dan berseni

Hujan renyai-renyai
 Pacat naik kaki,
 Orang bujang ramai-ramai,
 Pakat cari laki.

(*Kurik Kundi Merah Saga*:hlm.553)

Dalam pantun ini, hujan renyai-renyai tidak melambangkan kesedihan, sebaliknya berfungsi sebagai latar simbolik yang menggambarkan keadaan sosial yang serba tidak selesa dan penuh sindiran. Hujan yang turun secara berterusan mewujudkan suasana

lembap, sekali gus menyebabkan pacat muncul dan melekat pada kaki. Secara simbolik, pacat melambangkan individu atau pihak tertentu yang mengambil kesempatan terhadap situasi yang wujud. Keadaan ini mencerminkan realiti kehidupan masyarakat, khususnya dalam konteks hubungan sosial dan persaingan, di mana keadaan yang tidak stabil sering mendedahkan sikap sebenar manusia. Baris maksud pantun yang menyentuh tentang golongan bujang pula membawa nada jenaka sinis, namun secara tersirat mengkritik tekanan sosial serta pandangan masyarakat terhadap isu jodoh dan perkahwinan.

Penggunaan unsur alam dalam pantun ini selari dengan pandangan Harun Mat Piah (1989) yang menyatakan bahawa pantun Melayu sering berfungsi sebagai wahana kritikan sosial yang disampaikan secara kiasan dan berlapik. Hujan renyai-renyai melambangkan situasi sosial yang berlarutan dan tidak menunjukkan perubahan, manakala kemunculan pacat menggambarkan kewujudan tekanan serta persaingan dalam kehidupan bermasyarakat. Kritikan terhadap fenomena sosial seperti persaingan jodoh, penghakiman masyarakat dan sikap oportunistik disampaikan secara simbolik melalui alam, sekali gus memperlihatkan kehalusan pemikiran serta kebijaksanaan orang Melayu dalam menegur realiti sosial tanpa konfrontasi secara langsung.

Dari sudut kritikan ekologi, Garrard (2004) menjelaskan bahawa alam dalam teks sastra sering digunakan sebagai medium untuk menyingkap hubungan kompleks antara manusia dan persekitarannya,

termasuk realiti sosial yang melingkari kehidupan manusia. Dalam pantun ini, hujan berfungsi sebagai unsur yang mendedahkan sisi rapuh serta oportunistik dalam hubungan sosial. Apabila keadaan menjadi tidak stabil atau “lembap”, sikap sebenar manusia mula terserlah. Oleh itu, hujan dalam pantun ini bukan sahaja menggambarkan fenomena alam, malah berfungsi sebagai simbol kepada keadaan sosial yang kompleks, penuh persaingan dan mencerminkan realiti kehidupan masyarakat Melayu secara kritis tetapi berseni.

4.4.1.3 Lambang Ketegasan

Ketegasan merujuk kepada keupayaan individu untuk membuat keputusan secara jelas, konsisten dan tidak berbelah bahagi, khususnya dalam situasi yang melibatkan prinsip, maruah dan hala tuju kehidupan. Dalam konteks masyarakat Melayu, nilai ketegasan sering dikaitkan dengan kebijaksanaan dalam menilai keadaan serta keberanian untuk bertindak setelah sesuatu keputusan dipertimbangkan secara matang. Walaupun masyarakat Melayu terkenal dengan sifat berlembut dan berlapik, ketegasan tetap dianggap sebagai nilai penting, terutamanya apabila berhadapan dengan situasi yang menuntut pendirian yang tegas dan muktamad. Dalam kesusasteraan Melayu, unsur alam seperti hujan sering digunakan sebagai perlambangan bagi menzahirkan sifat ketegasan ini, khususnya melalui gambaran tindakan alam yang berlaku secara menyeluruh dan tidak teragak-agak. Justeru, hujan bukan sahaja melambangkan fenomena alam, malah berfungsi sebagai simbol

kekuatan dalaman dan keberanian manusia untuk membuat keputusan penting dalam kehidupan.

Kalau nak hujan hujan sekali,
Boleh saya bertudung kain,
Nak buang buang sekali,
Boleh saya mencari lain.

(*Kurik Kundi Merah Saga*: hlm.50)

Melalui pantun ini, hujan digunakan sebagai simbol ketegasan dan tindakan muktamad dalam membuat keputusan. Ungkapan “kalau nak hujan, hujan sekali” membawa maksud bahawa sesuatu tindakan perlu dilakukan secara menyeluruh dan tidak berbelah bahagi. Hujan digambarkan sebagai fenomena alam yang turun dengan jelas dan pasti, sekali gus melambangkan keberanian untuk menghadapi perubahan tanpa ragu-ragu. Baris maksud pantun yang menyatakan “nak buang buang sekali” serta “boleh saya mencari lain” menunjukkan kesediaan individu untuk melepaskan sesuatu yang tidak lagi sesuai dan memulakan fasa baharu dalam kehidupan. Dalam konteks ini, hujan berfungsi sebagai simbol pembebasan diri daripada keterikatan emosi dan situasi yang membebankan.

Perlambangan hujan sebagai lambang ketegasan dalam pantun ini selari dengan pemikiran Melayu tradisional yang menekankan kepentingan kejelasan dalam membuat keputusan penting. Ketegasan yang ditonjolkan bukan bersifat tergesa-gesa, sebaliknya lahir daripada pertimbangan yang matang dan kesedaran terhadap implikasi tindakan yang diambil. Hujan yang turun “sekali” melambangkan keputusan

muktamad yang tidak boleh ditarik semula, sejajar dengan prinsip hidup masyarakat Melayu yang menghargai kejujuran, ketulusan dan keberanian untuk bertanggungjawab terhadap pilihan sendiri. Melalui perlambangan alam, pantun ini menzahirkan nilai ketegasan sebagai asas kepada pembentukan jati diri dan kestabilan emosi individu.

Dari sudut kritikan ekologi, William Howarth (1996) menyatakan bahawa unsur air dalam imaginasi sastera sering melambangkan proses pembersihan, transformasi dan kelahiran semula. Dalam pantun ini, hujan berfungsi sebagai agen perubahan yang membolehkan individu membersihkan diri daripada beban emosi serta memulakan kehidupan dengan kesedaran baharu. Keputusan untuk “mencari lain” selepas hujan melambangkan keberanian untuk berubah dan bergerak ke hadapan tanpa terikat pada masa lalu. Oleh itu, perlambangan hujan dalam pantun ini bukan sahaja mencerminkan ketegasan dalam tindakan, malah memperlihatkan hubungan erat antara alam dan kekuatan dalaman manusia dalam menghadapi perubahan serta membina kehidupan yang lebih seimbang dan bermakna.

4.4.2 Simbolik Embun

Dalam pantun Melayu, embun menjadi simbol yang membawa makna dan peranan penting dalam menyampaikan mesej puitis kepada masyarakat. Embun melambangkan sesuatu yang bersifat sementara dan tidak kekal. Keadaan ini menggambarkan keadaan yang rapuh dan mudah hilang seperti kasih sayang atau keindahan yang fana. Simbolik embun ini digunakan oleh

pengkarya untuk menyampaikan perasaan kerinduan, kelembutan serta cabaran dalam menghadapi perubahan hidup yang tidak menentu. Embun yang muncul di awal pagi akan hilang bersama sinar matahari melambangkan keindahan dan harapan yang muncul seketika. Selain itu, embun membawa makna kelembutan dan kehalusan perasaan dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Ia sering dikaitkan dengan kelembutan hati dan sikap penuh kasih sayang dalam hubungan. Dalam pantun, embun juga menggambarkan perasaan yang penuh pengharapan dan mengingatkan sifat dunia yang sementara dan perlunya manusia menghargai saat-saat indah dalam kehidupan. Oleh itu, simbol embun dalam pantun memberi pengajaran tentang kesederhanaan dan penghargaan terhadap keindahan yang sementara.

Dalam konteks budaya dan sosial, penggunaan simbol embun berperanan sebagai gambaran nilai kesopanan dan kehalusan budi pekerti yang sangat dihargai dalam masyarakat Melayu. Embun yang lembut dan sejuk mencerminkan sifat pemalu, rendah hati dan penuh hormat yang menjadi ciri-ciri terpuji dalam hubungan sosial. Pantun dengan simbol embun berfungsi sebagai alat komunikasi yang halus dalam menyampaikan nasihat, sindiran atau ungkapan perasaan tanpa menyinggung perasaan pihak lain, sesuai dengan norma budaya Melayu.

Embun sebagai simbol dalam pantun mewakili pelbagai aspek penting dalam kehidupan masyarakat Melayu seperti kepantasan, kefanaan kehidupan, kelembutan perasaan, nilai budi pekerti dan kesopanan. Melalui pantun, embun menjadi metafora yang kuat untuk mengungkapkan keindahan dan dalam satu

masa yang sama menjadikan warisan sastra Melayu kaya dengan makna dan relevan untuk dipelajari serta dihargai.

4.4.2.1 Lambang Kefanaan dan Sementara

Kefanaan dan kesementaraan merujuk kepada sifat kehidupan manusia yang tidak kekal dan sentiasa berada dalam putaran masa yang terbatas. Dalam pemikiran masyarakat Melayu, kesedaran terhadap kefanaan hidup merupakan asas penting dalam pembentukan nilai moral dan kerohanian, khususnya dalam mengingatkan manusia tentang keterbatasan diri serta kepentingan persediaan menghadapi akhir hayat. Konsep ini sering dizahirkan secara tersirat melalui perlambangan alam dalam karya sastra, sejajar dengan kecenderungan masyarakat Melayu yang menekankan kebijaksanaan, keinsafan dan penghayatan hidup secara sederhana. Unsur alam seperti embun sering dimanfaatkan sebagai simbol yang menggambarkan sifat sementara, rapuh dan mudah lenyap, sekali gus menjadi peringatan tentang hakikat kehidupan duniawi yang tidak berkekalan. Justeru, embun dalam kesusasteraan Melayu bukan sekadar fenomena alam, malah berfungsi sebagai lambang kefanaan hidup dan ketidakkekalan kewujudan manusia.

Angin bertiup bercampur embun,
Ombak memukul dengan taufan,
Apa guna harta bertimbun,
Sudah mati selesai kapan.

(*Kurik Kundi Merah Saga*: hlm.462)

Dalam pantun ini, embun digunakan sebagai simbol kefanaan dan ketidakkekalan kehidupan duniawi. Kehadiran embun yang bersifat sementara dan mudah lenyap dipadankan dengan persoalan tentang harta dan kekayaan, sekali gus menegaskan bahawa segala kemewahan dunia tidak membawa makna setelah kematian. Embun melambangkan kehidupan manusia yang singkat dan rapuh, manakala unsur alam lain seperti ombak dan taufan menggambarkan kekuatan alam yang jauh mengatasi keupayaan manusia. Pertentangan antara kelembutan embun dan keganasan taufan memperlihatkan keterbatasan manusia dalam mengawal kehidupan serta hakikat bahawa segala yang dimiliki bersifat sementara.

Dari sudut pemikiran Melayu tradisional, pantun ini mencerminkan falsafah hidup yang menekankan kesedaran terhadap akhir hayat dan kepentingan nilai kerohanian berbanding kebendaan. Penggunaan embun sebagai perlambangan memperlihatkan nasihat moral yang mengajak manusia agar tidak terlalu terikat dengan harta dunia, sebaliknya menilai kehidupan melalui perspektif keinsafan dan persediaan rohani. Embun berfungsi sebagai peringatan simbolik bahawa kehidupan bersifat singkat dan manusia perlu sentiasa bersedia menghadapi kematian. Melalui pendekatan simbolik ini, kebijaksanaan pengkarya Melayu terserlah dalam mengaitkan unsur alam dengan pengajaran moral serta panduan hidup yang berteraskan kesedaran spiritual.

Berdasarkan prinsip kritikan ekologi yang diketengahkan oleh William Howarth (1996), alam semula jadi perlu difahami sebagai sistem hidup yang mempunyai nilai intrinsik dan berfungsi mencerminkan hubungan etika antara manusia dengan persekitarannya. Dalam konteks pantun ini, embun melambangkan kefanaan hidup sejajar dengan pandangan Howarth bahawa alam sering menjadi cermin kepada keterbatasan manusia. Kehadiran embun yang bersifat sementara mengingatkan manusia tentang ketidakmampuan untuk menguasai sepenuhnya alam dan kehidupan. Prinsip ekologi Howarth yang menekankan kesedaran terhadap had dan keseimbangan semula jadi menjadikan simbol embun dalam pantun ini sebagai peringatan agar manusia menilai semula sikap materialistik serta menghargai keharmonian antara kehidupan dunia dan nilai kerohanian.

4.4.2.2 Lambang Kehalusan, Keindahan dan Harapan

Kehalusan, keindahan dan harapan merupakan antara nilai estetik dan emosi yang sering dikaitkan dengan pengalaman batin manusia yang bersifat lembut, tersirat dan sukar dizahirkan secara langsung. Dalam pemikiran masyarakat Melayu, nilai-nilai ini lazimnya disampaikan melalui bahasa kiasan dan perlambangan alam yang halus serta penuh simbolik. Pendekatan ini memperlihatkan kecenderungan masyarakat Melayu untuk mengungkapkan perasaan dan harapan secara tidak langsung, namun sarat dengan makna dan keindahan. Unsur alam seperti embun sering digunakan dalam kesusasteraan Melayu sebagai simbol

yang melambangkan kelembutan, kesucian dan keindahan yang hadir secara senyap, sekali gus menjadi perlambangan kepada harapan dan impian yang tersimpan dalam jiwa manusia. Justeru, embun bukan sahaja mencerminkan fenomena alam yang indah, malah berfungsi sebagai medium simbolik bagi menggambarkan pengalaman emosi yang halus dan penuh harapan

Mustika embun tinggi warga,
Dikulum anak Raja Naga,
Tak termasuk pada sangka,
Mata tidur bantal tejaga.

(*Kurik Kundi Merah Saga*: hlm. 439)

Pantun ini menampilkan embun sebagai lambang kehalusan, keindahan dan sesuatu yang bernilai tinggi tetapi sukar digapai. Istilah “mustika embun” memperlihatkan embun sebagai unsur yang berharga, indah dan bersifat halus, sekali gus melambangkan sesuatu yang istimewa dan bernilai dalam kehidupan manusia. Keadaan ini menggambarkan harapan atau impian yang tersembunyi serta tidak disangka-sangka, sebagaimana yang dinyatakan melalui baris “tak termasuk pada sangka”. Embun dalam pantun ini membawa makna simbolik sebagai sesuatu yang hadir secara senyap dan penuh misteri, namun memberi kesan yang mendalam kepada perasaan dan pemikiran manusia.

Dalam konteks emosi dan psikologi, embun melambangkan perasaan halus yang tersimpan dalam jiwa, seperti kerinduan, harapan terpendam dan keinginan yang tidak terungkap secara langsung.

Ungkapan “mata tidur bantal teja” menunjukkan kegelisahan emosi yang dialami secara batin, meskipun lahirnya kelihatan tenang. Keadaan ini memperlihatkan konflik dalaman yang bersifat lembut tetapi berterusan, selari dengan sifat embun yang hadir secara perlahan dan tidak mencolok. Oleh itu, embun dalam pantun ini berfungsi sebagai simbol perasaan dalaman yang lembut, suci dan penuh harapan, sekali gus mencerminkan kehalusan jiwa manusia dalam menghadapi emosi dan impian hidup.

Berdasarkan prinsip kritikan ekologi yang diketengahkan oleh William Howarth (1996), hubungan antara manusia dan alam bersifat saling bergantung, di mana unsur alam berfungsi sebagai bahasa simbolik kepada pengalaman batin manusia. Dalam pantun yang memaparkan “mustika embun”, embun melambangkan keindahan dan harapan yang lahir secara senyap dan tidak mencolok, selari dengan prinsip ekologi yang mengiktiraf nilai keindahan alam sebagai pengalaman estetika dan etika. Kehadiran embun yang tidak memaksa dan berlaku mengikut ritma semula jadi alam mencerminkan hubungan harmoni antara manusia dan persekitarannya. Justeru, perlambangan embun dalam pantun ini menegaskan bahawa keindahan dan harapan dalam kehidupan hanya dapat dirasai apabila manusia menghormati keseimbangan alam dan menghayati nilai-nilai halus yang terkandung dalam hubungan tersebut.

4.4.2.3 Lambang Perpisahan

Perpisahan merupakan pengalaman emosi yang lazim dalam kehidupan manusia dan sering dikaitkan dengan perasaan kehilangan, kesedihan serta penerimaan terhadap perubahan yang tidak dapat dielakkan. Dalam konteks masyarakat Melayu, perpisahan jarang diungkapkan secara terus atau lantang, sebaliknya disampaikan secara tersirat melalui bahasa kiasan dan perlambangan alam yang bersifat halus. Pendekatan ini mencerminkan kehalusan budi dan kesantunan budaya Melayu dalam mengungkapkan emosi yang mendalam. Unsur alam seperti embun sering dimanfaatkan sebagai simbol bagi menggambarkan suasana emosi yang lembut, sunyi dan penuh makna, sekali gus menjadi medium simbolik untuk menyampaikan pengalaman perpisahan secara berseni dan berkesan.

Tengah malam embun berderai,
Seludang pecah mayang mengurai,
Berani candang bunyi murai,
Sayup alamat tanda berceraai.

(*Hati Mesra*: hlm. 161)

Melalui pantun ini, embun melambangkan kesedihan halus serta petanda kepada perpisahan yang bakal berlaku. Kehadiran embun yang berderai pada waktu tengah malam mewujudkan suasana sunyi, hening dan pilu, selari dengan emosi kehilangan dan perpisahan yang tidak dapat diluahkan secara terang-terangan. Unsur embun dalam pantun ini berfungsi sebagai isyarat emosi yang lembut namun mendalam,

menggambarkan perasaan duka yang terpendam dalam jiwa manusia. Suasana malam yang senyap serta bunyi murai yang sayup turut menguatkan lagi gambaran perpisahan yang bersifat senyap dan menyentuh perasaan.

Selain itu, embun dalam pantun ini turut menjadi simbol perubahan dan peralihan fasa kehidupan. Perpisahan yang digambarkan bukan sekadar pemisahan fizikal antara individu, tetapi merangkumi perubahan emosi dan ketentuan takdir hidup. Seperti embun yang akan lenyap apabila menjelang pagi, hubungan dan perasaan manusia juga boleh berakhir tanpa dapat dielakkan. Pantun ini memperlihatkan bagaimana embun digunakan sebagai metafora alam yang halus bagi menyampaikan makna kehilangan serta keperluan untuk menerima perubahan hidup dengan penuh kesedaran dan keinsafan.

Dalam kerangka kritikan ekologi yang dikemukakan oleh William Howarth (1996), perubahan alam seperti kemunculan dan lenyapnya embun mencerminkan kitaran semula jadi yang tidak dapat dielakkan. Prinsip ini diaplikasikan dalam pantun yang menggambarkan embun sebagai petanda perpisahan, di mana perubahan emosi manusia disepadukan dengan perubahan alam. Embun yang berderai pada waktu malam melambangkan transisi dan ketidakkekalan, selari dengan pandangan Howarth bahawa manusia perlu menerima perubahan sebagai sebahagian daripada keseimbangan ekologi. Oleh itu, perlambangan embun dalam pantun ini bukan sahaja menyampaikan pengalaman perpisahan, malah mengajar manusia untuk menerima kehilangan dan

peralihan hidup dengan kesedaran ekologi yang menghormati hukum alam serta ketentuan kehidupan.

4.4.3 Simbolik Ombak

Dalam puisi tradisional, ombak sering dijadikan simbolik dalam pantun sebagai perwujudan pelbagai makna yang mencerminkan kondisi kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Ombak yang digambarkan melalui gerakan naik turun dan gelora berterusan menjadi lambang emosi dan cabaran hidup. Gerakan ombak yang tidak menentu melambangkan ketidakpastian nasib dan kehidupan manusia serta pergolakan yang perlu dihadapi dengan sabar dan tabah. Melalui simbolik ombak sebagai perlambangan dalam pantun, ia menyampaikan mesej bahawa kehidupan tidak selalunya tenang, tetapi penuh dengan gelombang perasaan, ujian dan kecelakaan.

Selain itu, ombak dalam pantun juga membawa makna perhubungan dan komunikasi dalam masyarakat Melayu. Ombak yang bergerak ke pantai melambangkan suara dan perasaan yang sampai ke hati. Keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya hubungan sosial yang erat dan kefahaman antara individu. Ombak menjadi lambang interaksi yang berterusan antara manusia dengan alam. Malah, ombak juga melambangkan kasih sayang, dendam dan rinu yang diibaratkan sebagai ombak yang datang dan pergi. Simbol ini mengingatkan masyarakat agar sentiasa peka terhadap perasaan dan keadaan orang lain dalam membina hubungan sosial yang harmoni. Menurut dimensi spiritual dan falsafah Melayu, ombak melambangkan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ancaman atau kesusahan. Gerakan ombak yang

kuat dan berterusan menunjukkan keperluan untuk berani menghadapi arus kehidupan dengan keberanian dan keteguhan hati. Ombak menggambarkan kuasa alam yang besar dan tidak dapat dihindari. Melalui pantun, simbolik ombak mengajak masyarakat untuk menghayati nilai-nilai keimanan dan kesabaran sebagai persiapan mengharungi kehidupan dunia.

Simbolik ombak dalam pantun jelas memperlihatkan kedalaman dan kekayaan makna yang berfungsi sebagai gambaran pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Ombak sebagai lambang pergolakan hidup, hubungan sosial serta kekuatan spiritual yang memberikan panduan moral dan identiti budaya kepada masyarakat. Melalui seni pantun, ombak bukan sekadar fenomena alam, tetapi satu simbolik yang mengeratkan hubungan antara manusia, alam dan Tuhan dalam masyarakat Melayu tradisi.

4.4.3.1 Lambang Penentangan dan Pilihan Hidup

Penentangan dan pilihan hidup merujuk kepada situasi di mana manusia dihadapkan dengan dilema dalam membuat keputusan yang melibatkan nilai moral, hubungan sosial dan pertimbangan emosi. Dalam masyarakat Melayu, dilema seperti ini sering disampaikan secara tersirat melalui bahasa kiasan dan simbol alam, selaras dengan sifat budaya yang menghargai kesantunan, kebijaksanaan serta pengawalan emosi. Unsur alam seperti ombak dalam kesusasteraan Melayu sering dimanfaatkan sebagai lambang cabaran, ketidakstabilan dan dinamika hidup, sekaligus menjadi metafora bagi konflik dalaman manusia dalam memilih antara nilai yang berbeza atau pilihan yang sukar dalam kehidupan. Justeru, ombak bukan sahaja menggambarkan fenomena alam yang bergerak dan berubah, malah berfungsi sebagai medium simbolik untuk menyampaikan dilema serta pertimbangan moral manusia.

Ombak dilaut meniti buih,
Ombak datang dari seberang,
Antara budi dengan kasih,
Mana satu dikenang orang ?

(*Kurik Kundi Merah Saga*: hlm. 399)

Dalam pantun ini, ombak digunakan sebagai simbol penentangan serta dilema dalam membuat pilihan hidup. Pergerakan ombak yang datang dari seberang melambangkan cabaran, godaan dan situasi yang tidak dijangka dalam kehidupan manusia. Buih yang bersifat sementara menandakan nilai atau pengalaman yang mudah hilang jika tidak berakar

kukuh. Ungkapan pertanyaan antara “budi” dan “kasih” memperlihatkan konflik nilai antara keikhlasan moral dan perasaan peribadi, yang sering menjadi pertimbangan utama dalam interaksi sosial. Ombak yang sentiasa bergerak mencerminkan ketidakstabilan emosi manusia apabila berhadapan dengan keputusan yang sukar, sekaligus menjadi metafora kepada cabaran dan dilema dalam menentukan pilihan hidup yang bermakna.

Dari sudut budaya masyarakat Melayu, budi dianggap sebagai nilai yang kekal dan dikenang sepanjang hayat, berbeza dengan kasih yang boleh berubah mengikut keadaan. Pantun ini menekankan bahawa manusia perlu bijak menilai nilai yang lestari dan mampu memberi impak jangka panjang dalam kehidupan. Penggunaan unsur ombak sebagai simbol menunjukkan bahawa setiap keputusan hidup perlu dibuat dengan pertimbangan matang, mengimbangi keperluan peribadi dengan tanggungjawab moral dan sosial.

Berdasarkan prinsip kritikan ekologi oleh William Howarth (1996), alam semula jadi berperanan mencerminkan hubungan etika manusia dengan persekitarannya. Ombak yang tidak pernah berhenti bergerak menggambarkan bahawa kehidupan manusia sentiasa dinamik dan saling bergantung dengan hukum alam. Prinsip ekologi ini menekankan bahawa pilihan manusia harus selari dengan nilai keseimbangan dan tanggungjawab moral, sebagaimana alam bergerak mengikut aturan semula jadinya. Oleh itu, simbol ombak dalam pantun

ini mengajak manusia untuk memilih nilai yang bersifat lestari, bermakna dan harmoni dengan kehidupan serta alam sekitarnya.

4.4.3.2 Ombak sebagai Lambang Keteguhan Jiwa dan Pengorbanan

Keteguhan jiwa dan pengorbanan merujuk kepada sifat manusia yang tabah, berani menghadapi cabaran, dan sanggup menanggung beban demi kepentingan diri, orang lain atau masyarakat. Dalam konteks masyarakat Melayu, keteguhan jiwa sering dikaitkan dengan nilai kesabaran, keberanian, kesanggupan berkorban dan keikhlasan dalam menghadapi ujian hidup. Unsur alam seperti ombak dalam kesusasteraan Melayu digunakan sebagai simbol yang menggambarkan kekuatan dalaman manusia, ketabahan menghadapi cabaran, serta pengorbanan yang diperlukan untuk menegakkan nilai dan tanggungjawab. Justeru, ombak bukan sekadar fenomena alam yang bergerak, tetapi menjadi medium simbolik bagi menzhahirkan keteguhan jiwa dan nilai pengorbanan dalam kehidupan manusia.

Pasang ombak di laut tinggi,

Gelombang macam di Tanjung Puri,

Jika abang berjiwa tinggi,

Jika sungguh menyerah diri.

(*Kurik Kundi Merah Saga*: hlm. 372)

Pantun ini menampilkan ombak sebagai simbol keteguhan jiwa, keberanian dan pengorbanan. Ombak yang tinggi dan bergelora melambangkan cabaran besar yang perlu dihadapi dalam kehidupan,

khususnya dalam konteks hubungan interpersonal dan tanggungjawab sosial. Ungkapan “berjiwa tinggi” menekankan kekuatan dalaman dan kesanggupan individu untuk menghadapi ujian dengan penuh kesabaran, keikhlasan dan ketabahan. Ombak yang sentiasa memukul pantai menjadi metafora bagi usaha dan pengorbanan yang berterusan, sekaligus menzahirkan keberanian manusia untuk mempertahankan nilai, janji dan tanggungjawab terhadap diri sendiri serta orang lain.

Dalam pemikiran masyarakat Melayu, keteguhan jiwa bukan sekadar kekuatan individu, tetapi juga kesediaan untuk berkorban demi kebaikan bersama. Ombak yang bergelora dan tidak pernah berhenti memukul pantai mencerminkan sifat tabah dan tidak mudah menyerah kalah. Pantun ini menekankan bahawa keteguhan jiwa dan pengorbanan memerlukan kesedaran terhadap tanggungjawab moral, sosial dan hubungan dengan persekitaran, selari dengan nilai-nilai tradisional Melayu yang menghargai kesabaran dan integriti.

Berdasarkan prinsip kritikan ekologi oleh William Howarth (1996), kekuatan alam seperti ombak harus difahami sebagai sebahagian daripada sistem kehidupan yang saling bergantung. Ombak yang tinggi tidak wujud secara terasing, sebaliknya terhasil daripada interaksi antara angin, air dan bumi. Prinsip ini selari dengan konsep pengorbanan manusia, yang memerlukan kesedaran terhadap hubungan dengan orang lain serta persekitaran. Oleh itu, simbol ombak dalam pantun ini menekankan bahawa keteguhan jiwa dan pengorbanan manusia harus

selari dengan keharmonian, tanggungjawab dan keseimbangan dalam sistem kehidupan yang lebih luas, sekali gus mengajar nilai keberanian, kesabaran dan kesedaran moral dalam menghadapi cabaran hidup.

4.4.3.3 Ombak sebagai Lambang Keterbatasan Hidup dan Keinsafan

Tirai berombak-ombak,
Bantal bertekat di tepi dinding,
Biar undur hendak berkuak,
Pengantin nak masuk bersanding,

(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 623)

Angin bertiup bercampur embun,
Ombak memukul dengan taufan,
Apa guna harta bertimbun,
Sudah mati selesai kapan.

(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 406)

Dalam rangkap pantun ini, ombak melambangkan keterbatasan hidup dan keinsafan terhadap hakikat kematian. Ombak yang memukul dengan taufan menggambarkan kekuatan alam yang mengatasi kemampuan manusia, manakala suasana majlis perkahwinan yang dilukiskan secara tersirat mengingatkan bahawa kegembiraan duniawi tetap berada dalam lingkungan sementara. Peralihan daripada suasana bahagia kepada kesedaran tentang kematian menunjukkan kontras kehidupan yang bersifat sementara.

Secara simbolik, ombak berfungsi sebagai peringatan bahawa kehidupan manusia sentiasa berada di ambang perubahan dan tidak

dapat lari daripada ketentuan alam. Kekayaan dan status sosial tidak mampu menahan kekuasaan alam dan masa. Oleh itu, ombak dalam pantun ini membawa makna keinsafan, mengajak manusia supaya tidak terlalu terikat pada kebendaan dan sentiasa mengingati keterbatasan hidup.

Dalam kerangka kritikan ekologi William Howarth (1996), alam bukan sekadar latar pasif, tetapi agen moral yang mengingatkan manusia tentang had dan tanggungjawab mereka. Ombak dan taufan mencerminkan kuasa alam yang perlu dihormati, selaras dengan prinsip ekologi yang menolak sikap dominasi manusia terhadap alam. Simbol ombak dalam pantun ini menegaskan keperluan kesedaran ekologi dan kerendahan diri manusia dalam menghadapi hukum alam serta ketentuan kehidupan.

4.4.4 Simbolik Sungai

Dalam masyarakat Melayu tradisi, sungai merupakan salah satu unsur air yang kaya dengan simbolisme dan sering digunakan dalam pantun sebagai pembayang dan lambang pelbagai makna yang mendalam. Sungai bukan sahaja berperanan sebagai sumber kehidupan dengan menyediakan air untuk keperluan manusia dan pertanian, tetapi sungai juga melambangkan perjalanan hidup dan aliran masa atau waktu. Sungai sering digambarkan sebagai suatu perjalanan yang berterusan, menggambarkan liku-liku kehidupan manusia yang penuh cabaran, perubahan dan perjuangan. Oleh itu, sungai menjadi metafora

bagi perjalanan kehidupan yang tidak pernah berhenti serta mengajak masyarakat untuk menerima perubahan dengan sabar dan tabah.

Selain itu, sungai dalam pantun juga melambangkan hubungan sosial dan perhubungan antara manusia. Contohnya, air sungai yang mengalir dan menyatu dengan aliran lain menuju ke laut menunjukkan kepentingan kerjasama, perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat. Sungai menggambarkan aliran kasih sayang dan perasaan yang mengikat individu dalam komuniti, memperkuat nilai kekeluargaan dan persaudaraan dalam budaya Melayu. Simbolisme ini mengingatkan masyarakat agar sentiasa menjaga hubungan dan berbuat baik sesama insan demi kesejahteraan bersama. Manakala, melalui konteks spiritual dan falsafah, sungai juga melambangkan pembersihan dan pembaharuan. Aliran air yang mengalir dianggap mampu membersihkan segala kotoran dan membawa kehidupan baru. Dalam pantun, sungai dijadikan lambang harapan dan pemulihan bagi menunjukkan bahawa segala kesulitan dan penderitaan akan berlalu bersama bagai arus sungai yang mengalir, membuka ruang bagi permulaan yang baru dan lebih bermakna. Makna ini turut mencerminkan kepercayaan masyarakat Melayu terhadap kuasa alam dan pengaruhnya dalam membentuk kehidupan manusia secara seimbang dan harmoni.

Simbol sungai dalam pantun memainkan peranan penting dalam menggambarkan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu tradisi daripada perjalanan hidup, hubungan sosial, spiritual dan pembaharuan. Pantun yang memaparkan simbol sungai bukan sahaja sebagai karya seni, tetapi juga sebagai medium penerusan warisan budaya dan panduan moral yang memperkukuh

identiti dan pandangan hidup masyarakat Melayu. Melalui simbol sungai ini, kehidupan yang penuh warna dan dinamik dapat diwujudkan secara puitis dan berkesan dalam tradisi lisan Melayu.

4.4.4.1 Sungai sebagai Lambang Halangan dan Cabaran Hidup

Halangan dan cabaran hidup merujuk kepada situasi di mana manusia dihadapkan dengan rintangan yang menguji daya tahan, kebijaksanaan dan ketabahan mereka dalam menempuh kehidupan. Dalam konteks masyarakat Melayu, halangan ini sering digambarkan melalui simbol alam yang mudah difahami, tetapi sarat dengan makna tersirat. Sungai dalam kesusasteraan Melayu berfungsi sebagai metafora perjalanan hidup, di mana arus, kedalaman dan halangan di dalamnya menggambarkan cabaran, risiko dan konflik yang perlu dihadapi oleh manusia. Unsur alam ini bukan sahaja menyampaikan pengalaman fizikal, tetapi juga pengalaman moral, emosi dan sosial, yang memerlukan kebijaksanaan serta pertimbangan matang dalam menghadapi kehidupan.

Bagaimana saya nak mandi,
Buaya besar melintang sungai,
Bagaimana nikah nak jadi,
Belanja besar wang tunai.

(*Hati Mesra*: hlm. 221)

Bagaimana saya nak mandi,
Buaya besar melintang sungai,

Bagaimana saya nak janji,
Janji yang besar belum ditunai.

(*Kurik Kundi Merah Saga*: hlm. 40)

Dalam pantun-pantun ini, sungai digambarkan sebagai laluan kehidupan, manakala buaya besar yang melintang menjadi simbol halangan dan cabaran yang menghalang manusia daripada mencapai hasratnya. Perbuatan “mandi” yang sepatutnya mudah menjadi sukar akibat kehadiran buaya, sama seperti niat perkahwinan atau janji yang tergendala kerana kekangan kewangan atau kesukaran sosial. Sungai dalam konteks ini berfungsi sebagai metafora bagi perjalanan hidup yang tidak sentiasa lancar dan sering diuji oleh halangan yang tidak dijangka. Perjalanan yang selamat memerlukan kebijaksanaan, kesabaran, serta keupayaan untuk menghadapi risiko.

Secara simbolik, buaya besar melambangkan tekanan sosial, ekonomi dan moral yang sering menjadi penghalang kepada perancangan hidup manusia. Pantun ini mencerminkan realiti masyarakat Melayu yang melihat perkahwinan, janji, dan tanggungjawab sebagai perkara besar yang memerlukan persediaan dari segi material dan moral. Sungai menjadi ruang pertembungan antara hasrat dan kemampuan, memperlihatkan konflik antara kehendak hati dan batasan realiti. Melalui perlambangan ini, pengkarya menekankan bahawa kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan daripada cabaran dan halangan yang mesti dihadapi secara bijaksana.

Menurut prinsip kritikan ekologi yang dikemukakan oleh William Howarth (1996), alam tidak bersifat pasif, sebaliknya berfungsi sebagai medium untuk mencerminkan hubungan etika manusia dengan persekitarannya. Sungai yang dihalang oleh buaya menggambarkan bahawa sistem alam mempunyai batas, risiko dan keseimbangan tersendiri. Hal ini selari dengan pandangan Muhammad Haji Salleh (1999) yang menyatakan bahawa unsur alam dalam kesusasteraan Melayu sering dijadikan cermin kepada cabaran kehidupan manusia serta interaksi sosialnya. Manusia, seperti halnya sungai yang perlu menavigasi buaya, harus memahami bahawa kehidupan tidak boleh dipaksa mengikut kehendak semata-mata, tetapi memerlukan pertimbangan, kesabaran dan tindakan yang berhemah.

Prinsip ekologi ini menekankan kesedaran terhadap had, tanggungjawab dan keseimbangan dalam kehidupan. Sungai dalam pantun ini mengajar manusia supaya bersikap realistik, bertanggungjawab, serta menghormati hukum alam dan aturan kehidupan. Halangan yang dihadapi bukan sahaja ujian fizikal atau material, tetapi juga ujian moral yang mengajar manusia tentang keberanian, kebijaksanaan dan ketabahan. Dengan demikian, perlambangan sungai dan buaya memperlihatkan hubungan erat antara alam, etika dan pengalaman hidup manusia, sekaligus menekankan bahawa cabaran dan halangan merupakan elemen penting dalam pembinaan jati diri serta kematangan emosi.

4.4.4.2 Sungai sebagai Lambang Sumber Kehidupan dan Kemakmuran

Sungai sering dianggap sebagai sumber kehidupan yang menyokong kelangsungan manusia dan pembinaan tamadun. Ia bukan sahaja menyediakan air untuk keperluan harian, tetapi juga menjadi asas kepada pertanian, perdagangan dan pembangunan sosial. Dalam kesusasteraan Melayu, sungai digunakan sebagai simbol kemakmuran, kesejahteraan kolektif dan kesinambungan hidup masyarakat. Unsur alam ini mencerminkan hubungan manusia dengan persekitaran yang saling bergantung, di mana kelestarian sungai menjamin kestabilan ekonomi, sosial dan budaya masyarakat.

Dari Pagoh sampai ke sungai,
Batu berendam nama diberi,
Tanahnya subur indah dan damai,
Berkenan raja membuka negeri.

(*Himpunan Puisi Klasik*: hlm. 62)

Pantun ini menonjolkan sungai sebagai lambang kesuburan tanah, keamanan dan kemakmuran yang memikat perhatian pemerintah untuk membuka negeri. Aliran sungai digambarkan sebagai kesinambungan rezeki, yang menandakan kestabilan hidup masyarakat yang bergantung kepada alam sekitar. Kehadiran sungai yang subur dan terpelihara menjadi faktor penting dalam menentukan kualiti kehidupan masyarakat, di mana keamanan, kesejahteraan dan peluang ekonomi dapat direalisasikan dengan lebih efektif.

Dalam konteks budaya Melayu, sungai sering menjadi pusat penempatan, pertanian dan perdagangan. Kehidupan yang subur dan

damai dikaitkan secara langsung dengan kewujudan sungai yang bersih dan lestari. Sungai bukan sahaja unsur geografi, tetapi simbol kepada kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat secara kolektif. Perlambangan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional menyedari hubungan antara alam dan manusia, di mana pengurusan sumber air yang baik menentukan kualiti hidup, kestabilan sosial dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Berdasarkan kerangka kritikan ekologi oleh William Howarth (1996), alam seperti sungai perlu dihargai sebagai sistem hidup yang menyokong kelangsungan manusia. Sungai yang subur mencerminkan hubungan harmoni antara manusia dan alam, sekaligus menekankan kepentingan pengurusan lestari. Prinsip ekologi ini menolak eksploitasi berlebihan dan mengajak manusia untuk menjaga keseimbangan alam demi kelangsungan generasi masa depan. Oleh itu, simbol sungai dalam pantun ini memperlihatkan kesedaran ekologi masyarakat Melayu tradisional, yang memahami bahawa kesejahteraan dan kemakmuran manusia bergantung kepada penjagaan alam sekitar secara berhemah, lestari dan berterusan.

4.4.4.3 Sungai sebagai Lambang Nasihat Moral dan Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak dan penyampaian nasihat moral merupakan aspek penting dalam kehidupan masyarakat Melayu, yang sentiasa menekankan penghayatan nilai budi pekerti, tanggungjawab sosial, serta kesedaran terhadap hubungan manusia dengan alam. Dalam kesusasteraan Melayu, sungai bukan sekadar unsur geografi, tetapi berperanan sebagai simbol yang memayungi pengalaman moral dan etika manusia. Sungai yang menjadi lokasi aktiviti harian, pusat pekan atau laluan kehidupan, berfungsi sebagai medium refleksi bagi mengajar manusia tentang kepentingan menjaga hati, memperelokkan perangai, dan menghormati persekitaran.

Ke pekan Kelang kita pergi,
Pekan dibina di tepi sungai,
Ingatlah tuan petang dan pagi,
Bersihkan hati elokkan perangai.

(*Pantun*: hlm. 38)

Orang menjala di mulut sungai,
Kelat layu condong ke pantai,
Papan ditarah tukang tak pandai,
Cacat kayu buruk tak pakai.

(*Hati Mesra*: hlm. 219)

Dalam pantun-pantun ini, sungai digunakan sebagai simbol ruang refleksi moral dan pembentukan akhlak manusia. Kehidupan yang berdekatan dengan sungai, sama ada sebagai lokasi perkampungan atau aktiviti harian seperti menangkap ikan, menggambarkan bahawa

manusia sentiasa berinteraksi dengan alam. Nasihat dalam pantun, seperti “bersihkan hati elokkan perangai”, disampaikan melalui persekitaran sungai yang menjadi saksi dan medium pendidikan sosial, menekankan bahawa penghayatan nilai budi pekerti dapat dilihat melalui tindakan harian dan interaksi dengan alam sekitar.

Secara kiasan, sungai melambangkan aliran nilai moral dalam kehidupan. Seperti air sungai yang mengalir membawa kotoran jika tidak dijaga, sifat dan akhlak manusia juga boleh tercemar jika tidak dipelihara melalui pendidikan moral dan kesedaran diri. Pantun kedua menekankan bahawa kecacatan peribadi atau kemalasan dalam membentuk akhlak, seperti kerja tukang yang cacat, boleh membawa akibat negatif dalam kehidupan bermasyarakat. Sungai di sini berfungsi sebagai metafora kepada kesinambungan nilai etika; ia mengingatkan bahawa nilai yang baik perlu dipelihara, disucikan dan diterapkan dalam kehidupan seharian supaya masyarakat berkembang dalam keadaan harmonis.

Menurut William Howarth (1996), prinsip kritikan ekologi menekankan bahawa alam berfungsi sebagai “guru moral” yang membentuk kesedaran etika manusia. Sungai yang tercemar atau terabai mencerminkan keruntuhan nilai moral manusia terhadap alam dan sesama insan. Dengan itu, hubungan manusia dengan sungai bukan sahaja bersifat fizikal, tetapi juga simbolik, di mana penjagaan alam sejajar dengan pembentukan sahsiah dan budi pekerti. Hal ini selaras dengan pandangan Muhammad Haji Salleh (1999) bahawa alam semula

jadi dalam kesusasteraan Melayu sering dijadikan medium pendidikan sosial, yang memperlihatkan bahawa interaksi dengan alam mengajar manusia tentang tanggungjawab, disiplin, dan nilai moral yang tinggi.

Selain itu, sungai juga menjadi lambang kesinambungan pendidikan moral merentasi generasi. Aliran sungai yang berterusan mencerminkan bahawa pengajaran nilai budi pekerti dan akhlak bukan bersifat sementara, tetapi perlu diterapkan secara berterusan dalam kehidupan harian. Pantun yang menekankan “bersihkan hati, elokkan perangai” menggambarkan bahawa kesedaran moral mestilah sentiasa diasah dan diperbaiki, sama seperti sungai yang perlu dijaga supaya tetap bersih dan memberi manfaat. Hubungan antara manusia, sungai, dan alam mencerminkan falsafah hidup masyarakat Melayu yang melihat kesejahteraan diri dan masyarakat sebagai sesuatu yang saling berkait antara etika peribadi dan penjagaan alam sekitar.

Oleh itu, simbol sungai dalam pantun ini menekankan bahawa pembentukan akhlak manusia dan penyampaian nasihat moral adalah proses yang bersifat holistik dan bersepadu. Sungai menjadi medium pendidikan sosial yang mengaitkan kebersihan alam dengan kebersihan hati, keutuhan nilai moral dengan tindakan etika, serta kesedaran individu dengan tanggungjawab terhadap masyarakat. Perlambangan ini menekankan bahawa manusia yang menyedari tanggungjawabnya terhadap alam dan sesama manusia akan dapat mengekalkan keharmonian, kesejahteraan, dan pembangunan sahsiah yang seimbang,

sekaligus menjadikan sungai bukan sahaja sumber fizikal tetapi juga sumber nilai moral yang lestari.

4.4.5 Simbolik Laut

Laut-lautan atau samudera merupakan unsur air yang sering hadir dalam pantun. Laut meliputi lebih daripada tujuh puluh peratus muka bumi. Laut juga dilihat berada dalam keadaan yang tidak berubah di tempatnya berbanding dengan perubahan dan pembangunan yang berlaku di daratan. Keadaan laut yang masih sama seperti dahulu dijadikan perlambangan untuk memperkatakan tentang keadaan yang teguh dan lebih kekal. Keluasan laut amat mempengaruhi kehidupan, perasaan dan pemikiran manusia. Simbolisme laut dalam pantun boleh dikesan daripada pantun-pantun yang menggunakan kata laut dan kata-kata yang bersangkutan dengan laut iaitu samudera, segara, teluk, gelombang, ombak, badai dan sebagainya. Simbol laut dan perjalanan laut telah digunakan oleh pemikir Melayu untuk memahami dan menjelaskan konsep-konsep metafizik. Antara pemikir Melayu-Islam yang terkenal dalam mempelopori kaedah pemikiran simbolik ini ialah Hamzah Fansuri. Beliau merupakan seorang penyair tasawuf agung Melayu di Aceh pada abad ke-17. Hamzah Fansuri menggunakan perahu yang berlayar di laut sebagai perjalanan hidup manusia menuju ke akhirat.

Jelas menunjukkan bahawa laut digunakan di dalam pantun untuk menggambarkan perjalanan hidup manusia. Menempuh hidup disamakan dengan mendayung perahu atau melayari bahtera lautan. Manusia akan menempuh pelbagai peristiwa, suka, duka, bahagian an sengsara. Keadaan ini

menunjukkan persamaan umpama pelbagai perkara yang ditemui di dalam pelayaran. Cabaran dan dugaan yang dilalui dalam kehidupan juga digambarkan melalui simbolik laut. Laut adalah cabaran yang mesti ditempuh oleh seseorang bagi mencapai sesuatu kejayaan. Melalui pantun, orang Melayu dahulu sentiasa menyiapkan minda dan diri anak-anak mereka untuk menempuh alam kedewasaan. Kedewasaan dan kehidupan adalah umpama berada di lautan dan ditimang gelombang. Ini bermakna laut dan gelombang adalah lambang cabaran yang mesti ditempuh.

4.4.5.1 Lambang Takdir dan Keterbatasan Hidup

Takdir dan keterbatasan hidup merupakan aspek utama dalam pemikiran masyarakat Melayu tradisional, yang menyedari bahawa kehidupan manusia tidak sepenuhnya berada di bawah kawalan individu. Dalam kesusasteraan Melayu, laut sering digunakan sebagai simbol yang melambangkan kekuasaan alam, ketidaktentuan nasib, serta keterbatasan manusia dalam menempuh kehidupan. Laut yang luas, dalam dan penuh rahsia menjadi metafora perjalanan hidup yang tidak menentu, di mana manusia perlu menghadapi cabaran, risiko, dan ketentuan Ilahi dengan penuh kesedaran dan kerendahan hati.

Ada anjung tingkatnya empat,

Satu pintu hadap ke laut,

Anak dagang mencari tempat,

Sebagai ajal ditunda maut

(*Hati Mesra*: hlm. 108)

Dalam pantun ini, laut digambarkan sebagai ruang luas yang menghadap “anak dagang”, melambangkan ketidakpastian kehidupan serta pencarian perlindungan, keselamatan dan makna hidup. Frasa “ajal ditunda maut” menegaskan bahawa kehidupan manusia berada di bawah kekuasaan takdir yang tidak dapat dielakkan. Anak dagang yang menghadapi laut mencerminkan manusia yang sedang menilai perjalanan hidupnya, berhadapan dengan pilihan, cabaran dan risiko, serta menginsafi hakikat bahawa banyak perkara berada di luar kuasanya. Laut di sini bukan sekadar unsur fizikal, tetapi berfungsi sebagai medium refleksi tentang kehidupan, kematian, dan ketidakkekalan duniawi.

Secara simbolik, laut menggambarkan kekuasaan alam yang berada di luar kawalan manusia. Ia menjadi cermin kepada keterbatasan dan kebergantungan manusia terhadap sistem alam yang lebih besar. Hal ini selaras dengan pandangan Muhammad Haji Salleh (1999) bahawa unsur alam dalam kesusasteraan Melayu sering dijadikan medium untuk memantulkan pengalaman dalaman manusia, termasuk kesedaran tentang batas kemampuan, ketentuan takdir dan perlunya tawakal terhadap kehendak Ilahi. Anak dagang yang menghadap laut mencerminkan manusia yang perlu bersikap rendah diri, bersedia menerima ketidakpastian, serta menghormati kuasa alam yang melampaui kemampuan individu.

Menurut prinsip kritikan ekologi William Howarth (1996), alam semula jadi harus difahami sebagai sistem yang mempunyai kuasa,

peraturan, dan keseimbangan tersendiri. Laut dalam pantun ini menegaskan keterbatasan manusia, di mana arus, gelombang dan luasnya samudera mencerminkan situasi kehidupan yang dinamik dan penuh risiko. Prinsip ekologi ini mengingatkan manusia bahawa penguasaan sepenuhnya terhadap alam adalah mustahil; sebaliknya, manusia harus menyesuaikan diri dengan hukum alam, mematuhi prinsip keharmonian, serta menerima hakikat bahawa kehidupan adalah sebahagian daripada sistem yang lebih besar.

Perlambangan laut dalam pantun ini juga menekankan bahawa manusia perlu mengembangkan kesedaran ekologi yang mendalam, di mana hubungan dengan alam bukan bersifat eksploitasi semata-mata, tetapi penghormatan terhadap batas, kuasa, dan keteraturan alam. Kesedaran ini mendorong manusia untuk hidup secara bertanggungjawab, menyedari keterbatasan diri, dan menerima takdir dengan tabah dan bijaksana. Dengan demikian, laut bukan sahaja simbol fizikal yang menandakan kekuatan alam, tetapi juga simbol moral dan filosofis yang mengajarkan manusia tentang ketentuan hidup, batas kemampuan, dan hubungan harmonis antara manusia dengan alam.

Oleh itu, simbol laut dalam pantun ini memperlihatkan bahawa kehidupan manusia sentiasa berinteraksi dengan takdir dan keterbatasan, di mana alam menjadi cermin kepada kelemahan dan ketabahan manusia. Laut mengingatkan manusia bahawa perjalanan hidup tidak dapat dikawal sepenuhnya, tetapi perlulah dihadapi dengan kesedaran moral, sikap rendah diri, dan penghormatan terhadap sistem alam semula jadi

yang lebih besar. Pantun ini menunjukkan bagaimana alam digunakan dalam kesusasteraan Melayu sebagai medium untuk menyampaikan falsafah hidup, pengajaran moral dan kesedaran ekologi yang menyeluruh.

4.4.5.2 Lambang Komunikasi dan Kesantunan Sosial

Dalam masyarakat Melayu tradisional, komunikasi sosial tidak semata-mata bergantung kepada bahasa lisan, tetapi turut menekankan kesantunan, kiasan dan isyarat halus sebagai medium penyampaian makna. Dalam kesusasteraan Melayu, laut sering muncul sebagai simbol ruang interaksi sosial yang membolehkan manusia menyampaikan hasrat, nasihat atau teguran secara berhemah. Laut yang luas, tenang, dan terbuka memberikan imej metafora bagi kelapangan ruang sosial, di mana pertukaran makna berlaku dengan penuh kehati-hatian dan kesedaran budaya.

Bila berjalan menuju ke laut,
Belilah ikan dibawa ke darat,
Apabila puan malu menyebut,
Berikan saja tanda isyarat.

(*Khazanah Pantun Melayu Riau*: hlm.415)

Pantun ini menonjolkan laut sebagai simbol proses komunikasi yang lembut, sopan dan berlapik. Perjalanan ke laut dan membawa hasil ke darat melambangkan penyampaian hasrat atau mesej secara berhemah dan berstruktur. Frasa “berikan saja tanda isyarat” menekankan bahawa dalam budaya Melayu, ungkapan langsung kadangkala dihalusi melalui

isyarat atau simbol, bagi mengekalkan kesopanan dan mengelakkan kekeliruan atau rasa kurang senang. Laut di sini bukan sekadar latar fizikal, tetapi medium yang menyokong interaksi sosial yang harmoni dan teratur.

Dari sudut simbolik, laut menggambarkan keseimbangan dalam hubungan manusia. Pergerakan air laut yang tenang melambangkan interaksi sosial yang tidak agresif, di mana setiap tindakan dan kata-kata manusia mesti selaras dengan norma dan etika masyarakat. Proses pertukaran makna melalui isyarat atau simbol menekankan prinsip kesantunan dan hormat dalam komunikasi sosial. Pantun ini menegaskan bahawa dalam kehidupan bermasyarakat, penyampaian mesej tidak hanya memerlukan keberanian tetapi juga kebijaksanaan, kelembutan dan kesedaran terhadap sensitiviti pihak lain.

Menurut prinsip kritikan ekologi William Howarth (1996), hubungan manusia dengan alam mempengaruhi cara manusia berinteraksi sesama mereka. Alam bukanlah latar pasif, sebaliknya menjadi medium yang membentuk norma sosial dan tingkah laku etika. Laut dalam pantun ini mencerminkan prinsip keseimbangan, di mana interaksi manusia perlu bersesuaian dengan ritma alam yang harmoni dan tidak memaksa. Sebagaimana arus dan gelombang laut bergerak tanpa mendesak, komunikasi manusia juga perlu berlaku secara selaras, lembut dan menghormati batasan budaya serta etika sosial.

4.4.5.3 Laut sebagai Lambang Cabaran dan Ketabahan Hidup

Dalam kehidupan manusia, cabaran dan rintangan adalah elemen yang tidak dapat dielakkan. Dalam kesusasteraan Melayu, laut sering dijadikan simbol bagi menggambarkan ujian, dugaan dan ketidaktentuan perjalanan hidup. Laut yang luas, bergelora, dan sukar dijangka menjadi metafora kepada dunia yang penuh rintangan, manakala manusia diibaratkan sebagai kapal yang harus menavigasi arus kehidupan dengan keberanian, kesabaran dan ketabahan. Pantun yang menggambarkan kapal berlayar di tengah lautan mengilustrasikan konsep ini dengan jelas.

Kapal berlayar tengah lautan,
Tenggelam timbul pukul taufan,
Datang rebut barat selatan,
Belum saya buang muatan.

(*Kurik Kundi Merah Saga*: hlm. 527)

Dalam pantun ini, laut yang dilanda taufan melambangkan cabaran hidup yang besar, mendadak dan tidak menentu. Kapal yang terus berlayar tanpa membuang muatan mewakili manusia yang mengekalkan prinsip, tanggungjawab, dan amanah walaupun berdepan tekanan yang hebat. Muatan yang dipertahankan simbolik kepada nilai moral, tanggungjawab sosial, dan komitmen peribadi yang tidak mudah dikorbankan walaupun diuji oleh situasi yang sukar. Pantun ini menekankan bahawa ketabahan, kesabaran, dan keberanian adalah ciri

penting yang membolehkan manusia menempuh cabaran kehidupan dengan penuh integriti.

Dari sudut simbolik, kapal di lautan bergelora menekankan hubungan dinamik antara manusia dan alam. Laut bukan sekadar unsur fizikal, tetapi simbol persekitaran yang mempengaruhi, menguji, dan membentuk ketahanan manusia. Fenomena alam seperti gelombang, taufan, dan arus yang tidak menentu mencerminkan ketidaktentuan nasib dan cabaran yang perlu dihadapi dalam perjalanan hidup. Ini selari dengan pandangan Muhammad Haji Salleh (1999) bahawa unsur alam dalam kesusasteraan Melayu sering menjadi medium untuk memaparkan konflik, keteguhan, dan kecekalan manusia dalam menghadapi situasi yang kompleks.

Menurut prinsip kritikan ekologi William Howarth (1996), alam semula jadi bersifat dinamik, kompleks dan tidak boleh dikawal sepenuhnya oleh manusia. Penghayatan sifat ini mengajar manusia bahawa hidup memerlukan adaptasi, keseimbangan dan kemampuan menyesuaikan diri dengan cabaran yang muncul. Laut dalam pantun ini menekankan bahawa ketabahan hidup bukan sekadar menahan tekanan fizikal, tetapi juga menuntut keberanian moral, disiplin, dan kecekalan dalam menegakkan prinsip serta amanah. Ujian alam mencerminkan ujian hidup sebenar, dan kejayaan untuk menavigasi cabaran ini memerlukan integriti serta kesabaran yang konsisten.

Simbol laut mengingatkan bahawa ketabahan manusia tidak wujud secara terasing, tetapi sentiasa berkait dengan prinsip harmoni antara manusia, alam, dan masyarakat. Kapal yang menempuh lautan tanpa membuang muatan melambangkan manusia yang memelihara nilai moral, etika sosial, dan amanah peribadi walaupun berada dalam tekanan. Pantun ini menegaskan bahawa cabaran hidup adalah asas pembentukan jati diri, ketahanan emosi, dan pengukuhan nilai integriti yang mendalam.

4.4.5.4 Laut sebagai Lambang Kebijaksanaan dan Kawalan Diri

Dalam budaya Melayu tradisional, kebijaksanaan dan kawalan diri merupakan ciri utama yang dihargai dalam kehidupan sosial. Sifat ini sering digambarkan melalui alam, khususnya laut, yang menjadi medium simbolik untuk menekankan kepentingan pertimbangan, kesabaran, dan keharmonian dalam interaksi manusia. Laut yang tenang, luas, dan stabil mencerminkan ketenangan dalaman yang perlu dimiliki oleh setiap individu agar mampu membuat keputusan yang bijak dan mengawal tindakan serta tutur kata dalam kehidupan seharian.

Laut bukan sebarang laut,
Laut tenang senang memukat,
Mulut bukan sebarang mulut,
Mulut orang pantang disumbat.

(*Khazanah Pantun Melayu Riau*: hlm 212)

Pantun ini menegaskan bahawa ketenangan laut menjadi metafora bagi kebijaksanaan manusia. Laut yang tenang memudahkan

proses memukat, sama seperti manusia yang menenangkan diri sebelum bertindak atau berbicara akan mencapai hasil yang lebih baik. Ungkapan “mulut orang pantang disumbat” mengingatkan bahawa perkataan manusia harus dijaga, sama seperti laut yang harus difahami sebelum dimanfaatkan. Pantun ini menekankan bahawa kebijaksanaan tidak hanya berkaitan dengan pengetahuan, tetapi juga dengan kemampuan mengawal diri, bersikap berhemah, dan menilai situasi sebelum bertindak.

Secara simbolik, laut mencerminkan keseimbangan antara kuasa dan tanggungjawab. Manusia yang meniru sifat laut yang stabil akan mampu menghadapi cabaran dengan tenang, berfikir rasional, dan mengekalkan keharmonian dalam masyarakat. Pandangan ini sejajar dengan Muhammad Haji Salleh (1999) yang menyatakan bahawa unsur alam dalam kesusasteraan Melayu berfungsi sebagai medium pendidikan moral, di mana pengalaman dan pemerhatian terhadap alam membentuk sikap, nilai, dan akhlak manusia. Laut menjadi cerminan proses pembelajaran hidup yang menekankan pengawalan diri sebagai asas kebijaksanaan.

Dari perspektif ekokritik William Howarth (1996), ketenangan alam seperti laut menunjukkan keseimbangan sistem ekologi dan mengajar manusia untuk menilai tindakan mereka dalam konteks hubungan sosial dan persekitaran. Ketenangan laut yang stabil mengilhamkan manusia untuk bertindak secara berhemah, menguruskan emosi, dan mempraktikkan kesabaran dalam menghadapi tekanan atau

konflik. Simbol laut dalam pantun ini menegaskan bahawa kawalan diri bukan sahaja menyumbang kepada kejayaan peribadi, tetapi juga memastikan hubungan manusia dengan alam dan masyarakat berlaku dalam harmoni.

4.4.5.5 Laut sebagai Lambang Penyembuhan dan Harapan

Dalam kesusasteraan Melayu, alam bukan sekadar latar fizikal, tetapi medium yang mampu mempengaruhi emosi, mental, dan spiritual manusia. Laut, dengan keluasan dan ketenangannya, sering digambarkan sebagai simbol penyembuhan, ketenteraman jiwa, dan harapan bagi mereka yang menghadapi kesedihan atau konflik dalaman. Pantun yang menekankan interaksi antara burung dan laut mencipta gambaran suasana alam yang harmonis dan damai, yang menjadi ruang untuk manusia menenangkan hati serta memulihkan perasaan yang terganggu.

Olok-olok burung di laut,
Ogak-ogak burung di bukit,
Rupa elok bagai diraut,
Akan penawar hati yang sakit.

(Pantun Melayu: hlm. 5)

Pantun ini menunjukkan bahawa laut bukan sekadar elemen geografi, tetapi medium simbolik bagi pemulihan emosi. Kehadiran laut yang luas dan tenang, digabungkan dengan alam sekitar seperti burung dan bukit, mencerminkan ketenangan dan keharmonian yang dapat menenangkan perasaan yang gelisah. Frasa “akan penawar hati yang sakit” menekankan bahawa alam menyediakan ruang refleksi, di mana

manusia dapat memproses kesedihan, keresahan, dan kekecewaan secara psikologi dan spiritual. Laut menjadi lambang ketenangan yang membolehkan pemikiran dan perasaan disusun semula, selaras dengan prinsip kesedaran diri dalam budaya Melayu.

Secara simbolik, laut mewakili proses penyembuhan dan pemulihan batin. Pergerakan gelombang yang berulang, bunyi ombak yang berirama, dan keluasan perairan mencerminkan kestabilan dan kesinambungan, yang memberi harapan bahawa setiap kesedihan bersifat sementara dan boleh diatasi. Laut sebagai simbol harapan menegaskan bahawa setelah menghadapi cabaran atau kesukaran, manusia mampu memperoleh ketenangan dan memulihkan keseimbangan emosi. Pandangan ini sejajar dengan Muhammad Haji Salleh (1999), yang menegaskan bahawa alam dalam kesusasteraan Melayu sering menjadi medium untuk menyampaikan pengalaman emosi dan nilai moral secara simbolik, termasuk ketenangan, harapan, dan penyembuhan.

Menurut kerangka kritikan ekologi William Howarth (1996), alam mempunyai nilai terapeutik yang mempengaruhi kesejahteraan manusia. Hubungan harmonis antara manusia dan alam meningkatkan kesedaran moral, memperkukuh kesabaran, dan menyokong proses pemulihan psikologi. Dalam konteks pantun ini, laut menjadi perantara antara manusia dan alam, membolehkan individu mengalami refleksi diri, menenangkan hati, dan memperoleh inspirasi untuk menghadapi cabaran hidup dengan lebih tabah dan optimistik. Ketenangan laut memberi

peluang untuk manusia membina kembali kekuatan dalaman serta harapan yang menyuburkan semangat kehidupan.

4.4.5.6 Laut sebagai Lambang Nilai Moral dan Sikap Hidup

Dalam budaya Melayu tradisional, alam sering digunakan sebagai cerminan nilai moral dan panduan kehidupan manusia. Pantun yang menekankan laut dan selat sebagai metafora menunjukkan bahawa sifat alam boleh menjadi ukuran kepada kelakuan, sikap, dan keputusan manusia dalam kehidupan seharian. Laut yang luas dan selat yang sempit digunakan secara simbolik untuk membezakan antara nilai positif dan negatif, serta memberi pengajaran moral kepada pembaca.

Yang luas tentulah laut,
Yang sempit tentulah selat,
Orang malas tentulah hanyut,
Orang pelit tentulah jahat.

(Khazanah Pantun Melayu Riau: hlm. 238)

Pantun ini menekankan bahawa laut yang luas melambangkan kelapangan jiwa, kemurahan hati, dan kemampuan untuk menerima serta memahami keadaan orang lain. Sebaliknya, selat yang sempit menjadi lambang keterbatasan, ego, dan kesempitan pemikiran. Ungkapan “orang malas tentulah hanyut” menggambarkan bahawa tanpa usaha dan disiplin, manusia mudah terbawa arus kehidupan tanpa arah, manakala “orang pelit tentulah jahat” menegaskan bahawa sikap mementingkan diri sendiri akan menjerumuskan seseorang kepada kelakuan yang negatif dan merugikan masyarakat.

Secara simbolik, laut berfungsi sebagai ukuran nilai kehidupan, di mana sifat manusia yang selaras dengan kelapangan, kemurahan, dan kesungguhan akan membawa kepada kejayaan dan kesejahteraan, manakala sifat yang bertentangan akan menimbulkan kehancuran dan kegagalan. Pantun ini menyampaikan kritikan sosial secara halus, dengan membandingkan sifat negatif manusia dengan ciri sempit selat, sekaligus mengingatkan bahawa setiap individu bertanggungjawab terhadap pilihan moral dan sikap hidup mereka.

Menurut perspektif ekokritik William Howarth (1996), alam semula jadi tidak hanya wujud sebagai latar penceritaan, tetapi berfungsi sebagai medium penilaian etika manusia. Hubungan manusia dengan alam, dalam hal ini laut dan selat, mencerminkan tahap kesedaran moral, kebijaksanaan dalam membuat keputusan, serta kemampuan menyesuaikan diri dengan prinsip keseimbangan dalam kehidupan. Prinsip ini menegaskan bahawa kelestarian kehidupan manusia bergantung kepada sikap dan tindakan mereka terhadap alam dan sesama insan. Manusia yang menghayati simbol laut dalam pantun ini akan lebih cenderung mengamalkan nilai kemurahan, tanggungjawab, dan kebijaksanaan dalam kehidupan sosial.

4.4.5.7 Laut sebagai Lambang Kejujuran dan Bahaya Dendam

Kejujuran merujuk kepada sifat amanah, ikhlas dan tulus dalam sikap, pertuturan serta perbuatan seseorang tanpa menyembunyikan kebenaran atau berniat untuk menipu. Kejujuran menuntut keselarasan antara hati,

kata-kata dan tindakan, sekali gus mencerminkan integriti moral individu dalam hubungan sosial dan kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks budaya Melayu, kejujuran dianggap sebagai asas kepada budi pekerti dan pembinaan akhlak mulia, kerana sifat ini menjamin keharmonian hubungan antara manusia serta mengekalkan kepercayaan dan keseimbangan sosial. Ketelusan hati diibaratkan seperti laut yang bersih dan stabil, manakala perasaan yang disimpan atau dendam yang berlarutan digambarkan seperti kudis yang dihinggap kuman—merosakkan dari dalam tanpa disedari.

Berlayar ke laut naik sampan,
 Sampan dikayuh ke Pulau Aman,
 Hati belot disimpan-simpan,
 Umpama kudis dihinggap kuman.
 (Pantun: hlm. 48)

Dalam pantun ini, perjalanan di laut menekankan bahawa kehidupan manusia memerlukan kejelasan niat, keikhlasan, dan ketelusan hati. Perasaan negatif atau ketidakjujuran yang disimpan akan menimbulkan kesan berantai yang merosakkan hubungan sosial dan kehidupan peribadi. Simbol laut menegaskan bahawa ketidakseimbangan emosi manusia bukan sahaja memudaratkan diri sendiri tetapi juga mengganggu keharmonian masyarakat, selaras dengan prinsip budaya Melayu yang mengutamakan budi pekerti, integriti, dan nilai moral dalam kehidupan seharian.

Secara simbolik, pantun ini menegaskan bahawa kehidupan manusia yang sejajar dengan prinsip alam memerlukan integriti,

keterbukaan, dan pengendalian emosi yang positif. Hati yang jujur dan terbuka akan memastikan perjalanan hidup lebih lancar, manakala perasaan negatif yang disimpan akan membawa kemusnahan seperti kudis yang merebak. Simbol laut dalam pantun ini menyeru manusia untuk memupuk kejujuran, menolak dendam, dan membina keharmonian dalaman serta sosial, selaras dengan falsafah Melayu yang menganggap alam sebagai guru moral dan sumber panduan hidup.

Dari perspektif ekokritik William Howarth (1996), alam semula jadi dilihat sebagai sistem yang saling bergantung dan mempunyai keseimbangan intrinsik. Ketidakeimbangan dalaman manusia, seperti perasaan dendam atau niat tersembunyi, akan menjejaskan keharmonian individu dan masyarakat, sebagaimana pencemaran atau gangguan terhadap laut menjejaskan ekosistemnya. Laut dalam pantun ini bukan sekadar latar fizikal, tetapi medium simbolik yang mengajar manusia tentang kepentingan kejujuran, kesucian hati, dan kesedaran moral.

4.4.6 Simbolik Tasik

Dalam pantun Melayu, tasik digunakan sebagai unsur alam yang sarat dengan nilai simbolik dan berfungsi sebagai perlambangan terhadap keadaan jiwa, pemikiran serta perjalanan kehidupan manusia. Tasik lazimnya digambarkan sebagai badan air yang tenang, tidak mengalir deras dan terlindung, sekali gus melambangkan ketenteraman, kestabilan dan keseimbangan hidup. Ketenangan permukaan tasik mencerminkan sikap berhati-hati dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan, khususnya dalam hal-hal besar seperti hubungan sesama

manusia, janji, dan jodoh. Oleh itu, tasik menjadi metafora kepada ruang renungan dan pertimbangan akal yang menuntut kesabaran serta kematangan sebelum sesuatu tindakan diambil.

Selain melambangkan ketenangan, tasik juga berfungsi sebagai simbol konflik dalaman yang tersembunyi. Walaupun tasik kelihatan damai di permukaannya, kedalaman airnya tidak mudah dijangka, sekali gus mencerminkan perasaan manusia yang terpendam seperti kebimbangan, kekecewaan dan harapan yang tidak diluahkan secara terbuka. Perlambangan ini memperlihatkan kebijaksanaan pengarang pantun dalam mengaitkan sifat alam dengan psikologi manusia, di mana ketenteraman luaran tidak semestinya menandakan kesejahteraan emosi dalaman. Tasik menjadi cerminan bahawa manusia sering menyembunyikan kegelisahan di sebalik ketenangan yang ditampilkan kepada masyarakat.

Dalam konteks budaya dan pemikiran masyarakat Melayu, simbol tasik turut melambangkan kesederhanaan, keharmonian dan keseimbangan antara manusia dengan alam. Tasik sebagai ekosistem yang stabil menggambarkan keperluan manusia untuk hidup secara beretika, menjaga hubungan sosial serta menghormati alam sekitar. Penggunaan tasik dalam pantun bukan sekadar berfungsi sebagai latar alam, tetapi menjadi perlambangan falsafah hidup yang menekankan nilai budi pekerti, kebijaksanaan dan keinsafan terhadap sifat kehidupan yang memerlukan keseimbangan untuk mencapai kesejahteraan yang berpanjangan.

4.4.6.1 Tasik sebagai Lambang Kebijaksanaan Hidup

Kebijaksanaan merujuk kepada keupayaan seseorang individu menggunakan akal fikiran, pengalaman dan pertimbangan moral secara matang dalam membuat keputusan yang tepat dan berhemah. Kebijaksanaan bukan sekadar pengetahuan, tetapi melibatkan keupayaan menilai sesuatu situasi secara mendalam, mempertimbangkan kesan jangka panjang, serta mengawal emosi agar tindakan yang diambil selari dengan nilai etika dan tanggungjawab sosial. Dalam konteks budaya Melayu, kebijaksanaan sering dikaitkan dengan sifat berhati-hati, kesederhanaan, kesabaran dan kemampuan membezakan antara yang baik dan buruk demi kesejahteraan diri serta masyarakat.

Tasik teduh airnya tenang,
Tempat pengail main rakit,
Nak pilih jodoh bukannya senang,
Kena fikir macam bukit.

(Kurik Kundi Merah Merah. hlm)

Dalam pantun ini, keadaan tasik yang “teduh” dan “tenang” menggambarkan suasana emosi yang stabil, iaitu prasyarat penting sebelum seseorang membuat keputusan penting. Pemilihan jodoh disamakan dengan aktiviti yang memerlukan ketenangan dan kesabaran, bukannya didorong oleh emosi sementara. Ungkapan “kena fikir macam bukit” menegaskan bahawa walaupun suasana kelihatan damai, pemikiran yang digunakan mestilah tinggi, kukuh dan berpaksikan kebijaksanaan. Bukit melambangkan pemikiran yang matang dan berpandangan jauh, manakala tasik menjadi ruang refleksi yang

membolehkan seseorang menilai baik buruk serta implikasi masa depan secara berhemah.

Dari sudut pemikiran budaya Melayu, pantun ini mencerminkan pandangan bahawa keputusan hidup tidak wajar dibuat secara tergesa-gesa atau berasaskan dorongan emosi semata-mata. Pemilihan jodoh dilihat sebagai amanah besar yang memerlukan pertimbangan akal, keserasian nilai dan kesiapsiagaan mental serta moral. Tasik dalam konteks ini berfungsi sebagai metafora kepada ruang muhasabah diri, di mana manusia perlu menenangkan jiwa sebelum menimbang pilihan yang akan menentukan arah kehidupannya. Hal ini selari dengan nilai masyarakat Melayu yang mengutamakan kebijaksanaan, kesederhanaan dan pertimbangan matang dalam setiap tindakan.

Melalui perspektif ekokritikan William Howarth (1996), alam semula jadi berperanan sebagai sistem pembelajaran etika yang membentuk kesedaran moral manusia. Tasik yang stabil dan terkawal mencerminkan prinsip ekologi bahawa keharmonian tercapai melalui keseimbangan dan kesabaran, bukan tindakan terburu-buru atau eksploitasi. Prinsip ini selari dengan makna simbolik tasik dalam pantun ini, iaitu manusia perlu mencontohi sifat alam yang tenang dan berlapik dalam membuat keputusan hidup. Oleh itu, tasik bukan sekadar unsur alam dalam pantun, tetapi menjadi medium simbolik yang mengajar manusia tentang kebijaksanaan, pertimbangan rasional dan kepentingan keseimbangan emosi dalam menghadapi realiti kehidupan.

4.4.6.2 Tasik sebagai Lambang Ketenangan Luaran dan Keresahan Dalam

Ketenangan merujuk kepada keadaan emosi dan mental yang stabil, seimbang dan tidak terganggu oleh tekanan atau konflik dalaman. Ketenangan dicirikan oleh rasa damai, terkawal dan harmoni, sama ada dalam diri individu mahupun dalam persekitaran luaran. Manakala, Kebimbangan pula merujuk kepada keadaan emosi yang tidak tenteram, resah dan penuh kegelisahan akibat ketidakpastian, kekecewaan atau ancaman terhadap harapan dan keselamatan diri. Kebimbangan lazimnya berpunca daripada konflik dalaman, kegagalan hubungan sosial atau pelanggaran amanah seperti janji yang dimungkiri.

Tasik Chini airnya tenang,
Tempat kedidi selalu terbang,
Hamba kini dalam bimbang,
Akibat janji dilupai orang.

(Kurik Kundi Merah Merah. hlm)

Dalam pantun ini, Tasik Chini digambarkan sebagai ruang alam yang indah, tenang dan harmoni, ditandai dengan imej burung kedidi yang bebas terbang. Namun, gambaran ketenangan ini bertentangan dengan keadaan emosi subjek pantun yang berada “dalam bimbang” akibat janji yang dilupakan. Kontras ini menonjolkan konflik antara apa yang kelihatan di luar dengan apa yang dirasakan di dalam jiwa. Tasik berfungsi sebagai latar simbolik yang menegaskan bahawa ketenangan alam tidak mampu menghapuskan keresahan emosi yang berpunca

daripada kerapuhan hubungan sosial dan kegagalan menunaikan tanggungjawab moral.

Dalam konteks pemikiran budaya Melayu, pantun ini mencerminkan pandangan bahawa janji merupakan amanah yang besar dan pelanggarannya membawa kesan emosi yang mendalam. Kekecewaan akibat janji yang dimungkiri tidak dizahirkan secara meluap-luap, sebaliknya disampaikan secara halus melalui perbandingan dengan alam yang tenang. Tasik dalam pantun ini menjadi cermin perasaan manusia yang menyembunyikan keresahan di sebalik ketenangan zahir, selaras dengan nilai budaya Melayu yang menekankan pengawalan emosi dan kesantunan dalam meluahkan perasaan.

Melalui perspektif ekokritikan William Howarth (1996), alam semula jadi berfungsi sebagai sistem seimbang yang mencerminkan hubungan etika manusia dengan persekitarannya. Tasik yang tenang melambangkan keseimbangan ekologi, namun kegelisahan manusia dalam pantun ini menunjukkan ketidakseimbangan hubungan sosial dan moral. Prinsip ekologi Howarth menegaskan bahawa keharmonian sebenar hanya dapat dicapai apabila keseimbangan alam disertai dengan keseimbangan emosi dan etika manusia. Oleh itu, simbol tasik dalam pantun ini mengingatkan bahawa ketenangan luaran tidak bermakna tanpa kejujuran, tanggungjawab dan kesetiaan dalam hubungan sesama manusia, sekali gus menegaskan hubungan erat antara alam, emosi dan nilai kemanusiaan.

4.4.7 Simbolik Teluk

Dalam pantun Melayu, teluk berfungsi sebagai simbol alam yang membawa perlambangan perlindungan, keteduhan dan ruang yang selamat. Secara geografi, teluk merupakan kawasan perairan yang terlindung dan separa tertutup oleh daratan, justeru sifat ini dipindahkan secara simbolik ke dalam pantun sebagai lambang tempat berlindung daripada cabaran dan gelora kehidupan. Teluk sering melambangkan keadaan yang lebih terkawal dan tidak seganas laut terbuka, sekali gus mencerminkan keinginan manusia terhadap ketenteraman, keselamatan emosi dan kestabilan dalam hubungan sosial. Dalam konteks ini, teluk menjadi metafora kepada ruang yang memberi naungan, ketenangan dan perlindungan kepada jiwa manusia.

Selain itu, teluk juga digunakan sebagai perlambangan persinggahan dan peralihan dalam perjalanan hidup. Kedudukannya yang terletak antara daratan dan laut menjadikan teluk simbol kawasan perantara, iaitu tempat manusia berhenti seketika untuk berfikir, menilai dan membuat keputusan sebelum meneruskan perjalanan yang lebih mencabar. Dalam pantun, teluk sering dikaitkan dengan pemilihan, pertimbangan dan kesediaan menghadapi perubahan, sama ada dalam aspek hubungan, jodoh atau hala tuju kehidupan. Perlambangan ini menggambarkan kebijaksanaan masyarakat Melayu yang menekankan pentingnya berhati-hati dan tidak terburu-buru dalam menghadapi gelombang kehidupan.

Dalam kerangka budaya dan pemikiran Melayu, teluk turut melambangkan keharmonian dan keseimbangan hubungan manusia dengan

alam. Sifat teluk yang tenang dan subur menjadikannya simbol ruang yang menyokong kehidupan, pertemuan dan interaksi sosial. Oleh itu, penggunaan simbol teluk dalam pantun bukan sekadar gambaran alam pesisir, tetapi menjadi perlambangan nilai kehidupan yang menekankan keselamatan, kesederhanaan dan kebijaksanaan dalam mengurus emosi serta hubungan sesama manusia.

4.4.7.1 Teluk sebagai Lambang Keakraban Sosial dan Hubungan Mesra

Keakraban sosial merujuk kepada hubungan yang rapat, mesra dan saling mempercayai antara individu atau kelompok dalam sesebuah masyarakat. Keakraban ini terbentuk melalui interaksi yang berterusan, komunikasi yang beradab serta perkongsian nilai, norma dan pengalaman bersama. Dalam konteks budaya Melayu, keakraban sosial sering dizahirkan melalui sikap saling menghormati, bergurau secara berlapik, tolong-menolong dan menjaga batas kesopanan dalam pergaulan, khususnya dalam hubungan antara anggota masyarakat yang berbeza jantina atau peringkat usia.

Api siapa di teluk itu,
Tempat budak membakar kurau,
Anak siapa secantik itu,

Bolehkah kami menumpang gurau.

(Kurik Kundi Merah Saga: hlm. 32)

Dalam pantun ini, teluk digambarkan sebagai ruang sosial yang hidup dan mesra, tempat golongan muda berkumpul, membakar ikan dan berinteraksi dalam suasana santai. Aktiviti membakar kurau di teluk mencerminkan kehidupan komuniti yang rapat dengan alam serta hubungan sosial yang tidak terasing daripada persekitaran semula jadi.

Permintaan “menumpang gurau” pula menunjukkan pendekatan beradab dan berhemah dalam memulakan interaksi, sekali gus menzahirkan nilai kesantunan dan rasa hormat dalam pergaulan. Teluk dalam pantun ini bukan sekadar latar alam, tetapi menjadi ruang pertemuan yang menghubungkan manusia melalui komunikasi yang mesra dan berlapik.

kesedaran. Frasa “sahajalah pungguk tak sedar diri” dan “bulan yang tinggi hendak dicapai” menegaskan sikap bodoh atau angkuh yang cuba merebut cita-cita mustahil, dengan perigi sebagai pengingat tetap yang diabaikan. Perigi dalam konteks ini melambangkan struktur statik yang menandakan had, mengajar bahawa keinginan melampaui batas hanya membawa kegagalan.

Keinginan berlebihan bukan sahaja membazir tenaga, malah merosakkan keseimbangan dalaman melalui penolakan realiti. Kedudukan perigi sebagai titik henti dalam perjalanan menunjukkan peluang untuk muhasabah, namun “pungguk tak sedar diri” menggambarkan keangkuhan yang membawa kehampaan. Pantun ini menegur masyarakat Melayu terhadap sifat tamak, selari dengan tradisi lisan yang menggunakan haiwan sebagai metafora untuk nasihat moral.

Perlambangan perigi sebagai lambang keinginan melampaui batas selari dengan pemikiran Melayu tradisional yang menekankan tawadhu dan penerimaan qadar sebagai asas kehidupan harmoni, di mana angkuh dianggap punca kemusnahan. Kehidupan tanpa kesedaran batas membawa penyesalan, manakala pengenalan had diri menghasilkan ketenangan rohani. Perigi sebagai ikon tetap dalam landskap Melayu menggambarkan kestabilan batas yang membentuk disiplin nafsu.

Dalam kerangka ekokritikan, William Howarth (1996) menyatakan bahawa kegagalan memahami had alam membawa ketidakseimbangan ekologi melalui eksploitasi berlebihan. Prinsip ini

mengukuhkan simbol perigi sebagai batas alam yang mengingatkan manusia agar selaras keinginan dengan kemampuan, menuntut tanggungjawab moral terhadap ekosistem. Sepertimana perigi mempunyai kedalaman tetap, keinginan manusia juga mesti dibatasi demi kelestarian. Oleh itu, perlambangan perigi dalam pantun ini bukan sahaja mencerminkan keinginan melampaui batas, malah menegaskan kepentingan hidup secara tawadhu dan lestari demi keharmonian manusia-alam.

4.4.10.3 Perigi sebagai Lambang Keruntuhan Nilai Moral dan Kelalaian

Keruntuhan nilai moral dan kelalaian merujuk kepada kemerosotan etika individu atau masyarakat yang mengabaikan norma agama, adat, dan tanggungjawab terhadap sumber kehidupan, menyebabkan pelanggaran batas yang membawa akibat dosa serta kemusnahan kolektif. Proses ini timbul daripada sikap acuh tak acuh terhadap larangan, di mana sumber asas seperti air dijadikan ruang maksiat tanpa rasa takut. Individu yang lalai gagal menghormati warisan moral, menghasilkan ketidakseimbangan sosial dan rohani. Dalam masyarakat Melayu tradisional, perigi dalam pantun melambangkan sumber suci yang mesti dijaga, selari dengan falsafah hidup yang menekankan takut mati berpantang dan penghormatan terhadap alam sebagai amanah.

Ada bunga tidak bertangkai,
Tanam budak tepi perigi,
Sama biasa main di pantai,
Haram tak takut berpantang mati.

Melalui pantun ini, perigi dijadikan latar simbolik bagi menggambarkan ruang pendedahan keruntuhan nilai moral akibat kelalaian terhadap batas suci. Imej “ada bunga tidak bertangkai” dan “tanam budak tepi perigi” melambangkan perkara tidak semula jadi atau pelanggaran norma yang dilakukan di sisi sumber kehidupan, mencerminkan ketidaksesuaian moral. Frasa “sama biasa main di pantai” dan “haram tak takut berpantang mati” menegaskan sikap biasa terhadap dosa, di mana aktiviti haram dilakukan tanpa rasa takut akibat, dengan perigi sebagai saksi tetap. Perigi dalam konteks ini melambangkan struktur suci yang dirosakkan oleh kelalaian, mengajar bahawa pengabaian norma membawa kehancuran rohani.

Keruntuhan moral bukan sahaja pelanggaran peribadi, malah ancaman kolektif yang merosakkan harmoni masyarakat melalui hilangnya rasa takut. Kedudukan “tepi perigi” menunjukkan kedekatan dengan sumber hidup yang sepatutnya menyedarkan, namun “tak takut berpantang mati” menggambarkan keangkuhan akhirat. Pantun ini berfungsi sebagai teguran sosial Melayu terhadap generasi muda, selari dengan tradisi lisan yang menggunakan simbol alam untuk nasihat agama.

Perlambangan perigi sebagai lambang keruntuhan nilai selari dengan pemikiran Melayu tradisional yang memandang sumber air sebagai amanah ilahi, di mana kelalaian dianggap punca kemusnahan

kampung. Kehidupan tanpa batas moral membawa kemerosotan kolektif, manakala penghormatan norma menghasilkan kestabilan sosial. Perigi sebagai ikon tetap menggambarkan kestabilan amanah yang diuji oleh kelalaian manusia.

Dari sudut ekokritikan, William Howarth (1996) menyatakan bahawa eksploitasi alam tanpa etika mencerminkan krisis moral manusia yang mengganggu keseimbangan ekosistem. Prinsip ini mengukuhkan simbol perigi sebagai sumber asas yang menuntut hormat dan tanggungjawab, kerana pengabaian membawa kemarahan alam. Sepertimana air perigi tercemar akibat kelalaian, nilai moral juga merosot tanpa penjagaan. Oleh itu, perlambangan perigi dalam pantun ini bukan sahaja mencerminkan keruntuhan nilai dan kelalaian, malah menegaskan kepentingan hidup secara bertanggungjawab demi kelestarian moral dan ekologi.

4.4.10.4 Perigi sebagai Lambang Kebenaran dan Kejujuran

Kebenaran, kejujuran, dan amaran moral merujuk kepada prinsip etika yang menuntut kata-kata dan janji selari dengan perbuatan, dengan kesedaran bahawa setiap dusta meninggalkan kesan kekal dalam jiwa dan masyarakat, sering disaksikan oleh alam sebagai saksi abadi. Proses ini membentuk watak melalui ketakutan terhadap akibat sumpah palsu atau pengkhianatan amanah, menekankan pertanggungjawaban rohani. Individu yang jujur hidup dengan ketenangan dalaman, manakala pembohong dihantui rasa bersalah. Dalam masyarakat Melayu

tradisional, perigi dalam pantun melambangkan ruang suci yang menjadi saksi moral, selari dengan falsafah hidup yang mengaitkan alam dengan hisab akhirat

Asam paya tepi perigi,
Mari diletak di kayu jati,
Jangan percaya mulut lelaki,
Berani sumpah takut ke mati.

(Kurik Kundi Merah Saga: hlm.34)

Melalui pantun ini, perigi dijadikan latar simbolik bagi menggambarkan kebenaran mendalam yang tidak boleh diputarbelitkan, dengan perigi sebagai saksi terhadap sumpah dan janji manusia. Imej “asam paya tepi perigi” dan “mari diletak di kayu jati” melambangkan perkara kukuh dan tetap dalam alam, mencerminkan kestabilan kebenaran yang tidak bergoyang. Frasa “jangan percaya mulut lelaki” dan “berani sumpah takut ke mati” menegaskan amaran terhadap dusta atau sumpah palsu, di mana perigi menjadi pengingat akibat rohani yang mengerikan. Perigi dalam konteks ini melambangkan kedalaman kejujuran yang tersembunyi tetapi sentiasa berpengaruh, mengajar bahawa kata-kata mempunyai kuasa moral.

Kejujuran bukan sahaja amanah peribadi, malah asas keharmonian sosial yang menjaga kepercayaan dalam hubungan. Kedudukan “tepi perigi” menunjukkan kedekatan dengan sumber suci yang menyaksikan setiap janji, manakala “takut ke mati” menggambarkan hisab akhirat daripada pembohongan. Pantun ini berfungsi sebagai nasihat Melayu tradisional terhadap hubungan

interpersonal, selari dengan tradisi lisan yang menggunakan alam untuk teguran etika.

Perlambangan perigi sebagai lambang kebenaran dan amaran moral selari dengan pemikiran Melayu tradisional yang memandang alam sebagai saksi ilahi, di mana dusta dianggap pelanggaran amanah yang membawa kemusnahan rohani. Kehidupan tanpa kejujuran membawa perpecahan masyarakat, manakala pertanggungjawaban menghasilkan kestabilan kolektif. Perigi sebagai struktur tetap menggambarkan kestabilan prinsip moral yang diuji oleh godaan manusia.

Dalam perspektif ekokritikan, William Howarth (1996) menyatakan bahawa alam bertindak sebagai cermin moral manusia, di mana setiap tindakan meninggalkan kesan kekal dalam ekosistem. Prinsip ini mengukuhkan simbol perigi sebagai unsur tetap yang menuntut pertanggungjawaban, kerana eksploitasi atau dusta terhadap alam membawa ketidakseimbangan jangka panjang. Sepertimana air perigi tidak boleh dipalsukan, kebenaran manusia juga mesti lestari. Oleh itu, perlambangan perigi dalam pantun ini bukan sahaja mencerminkan kebenaran, kejujuran, dan amaran moral, malah menegaskan kepentingan hidup secara bertanggungjawab demi harmoni manusia-alam.

4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa unsur air memainkan peranan yang sangat penting sebagai medium perlambangan dalam pantun Melayu, khususnya dalam Kumpulan Pantun Sama Rima. Unsur-unsur air seperti hujan, embun, ombak, sungai, laut, tasik, teluk, kuala, pantai dan perigi tidak digunakan secara kebetulan, sebaliknya dipilih berdasarkan pengalaman hidup dan persekitaran masyarakat Melayu tradisional yang sangat bergantung kepada alam semula jadi. Melalui pendekatan Teori Ekologi, jelas dapat dilihat bahawa pantun Melayu mencerminkan hubungan yang erat dan saling bergantung antara manusia, alam dan budaya, selaras dengan prinsip keseimbangan dan keterhubungan yang diketengahkan oleh William Howarth.

Analisis menunjukkan bahawa setiap unsur air membawa makna simbolik yang tersendiri dan berfungsi sebagai perlambangan terhadap keadaan emosi, pemikiran serta realiti kehidupan manusia. Tasik melambangkan ketenangan dan pertimbangan hidup, teluk melambangkan perlindungan dan ruang emosi yang tersembunyi, kuala melambangkan pertemuan serta peralihan kehidupan, pantai melambangkan batas, pilihan dan penantian, manakala perigi melambangkan sumber kehidupan, kedalaman jiwa dan nilai moral. Kepelbagaian simbolik ini memperlihatkan kehalusan pemikiran masyarakat Melayu dalam mentafsir alam sebagai cerminan pengalaman dan sosial. Penggunaan unsur air sebagai perlambangan membuktikan bahawa pantun Melayu bukan sekadar karya sastra yang bersifat hiburan, tetapi mengandungi nilai falsafah dan pengajaran yang mendalam.

Selain itu, kajian ini turut menegaskan bahawa pantun Melayu berfungsi sebagai wahana pendidikan dan penyampaian nilai secara tidak langsung. Melalui

perlambangan alam, pengarang pantun menyampaikan nasihat, teguran dan panduan hidup secara berlapik dan santun, sejajar dengan adab serta norma budaya Melayu. Hubungan harmoni antara manusia dan alam yang digambarkan dalam pantun memperlihatkan kesedaran ekologi masyarakat Melayu tradisional yang menekankan kepentingan menjaga keseimbangan alam demi kelangsungan kehidupan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap simbolisme pantun Melayu serta mengukuhkan kedudukan sastra tradisional sebagai khazanah budaya yang kaya dengan nilai pemikiran, moral dan ekologi yang relevan untuk dikaji dan dihargai sepanjang zaman.

BAB 5

RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab 5, pengkaji akan mengupas mengenai keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi melalui kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji. Pengkaji akan mengulas secara keseluruhan mengenai kajian terhadap Penggunaan Unsu Air sebagai Perlambangan dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* melalui Teori Ekologi dengan lebih jelas melihat kepada hasil dapatan yang telah diperolehi pada bab empat kajian ini. Menurut kamus Dewan Edisi Keempat (2010), kesimpulan didefinisikan sebagai ringkasan daripada apa yang telah dibincangkan atau dibicarakan. Secara kesimpulannya dapat disimpulkan bahawa dalam Kumpulan Pantun Sama Rima terdapat banyak unsur alam seperti air dalam setiap untaian bait pantunnya. Ini bermakna bahawa adanya penghayatan alam pada pantun yang kemusiannya telah dianalisis menggunakan teori yang bersesuaian iaitu Teori Ekologi.

Bab ini akan disusun dengan kemas dan mengikut kronologi kepada tiga peringkat utama yang menyediakan rangka kerja untuk proses penilaian. Peringkat pertama, pengkaji akan membuat rumusan secara menyeluruh melalui maklumat yang diperolehi daripada kajian lepas. Peringkat ini membyuka ruang untuk menilai pemahaman mendalam tentang penemuan dan metodologi yang digunakan. Peringkat

kedua, pengkaji akan mengemukakan cadangan untuk meningkatkan kualiti dan kerelevanan kajian. Pada peringkat ini, penyelidik akan memberikan pandangan kritis tentang metodologi atau mana-mana aspek kajian yang memerlukan penambahbaikan. Cadangan ini diharapkan akan memberi sumbangan baik kepada pembangan ilmu pengetahuan dan memperkaya metodologi penyelidikan dalam bidang yang dikaji. Seterusnya, melalui peringkat ketiga pengkaji akan membuat kesimpulan bagi merumuskan dapatan keseluruhan kajian. Kesimpulan ini akan memberi tafsiran yang mendalam dan signifikan terhadap hasil kajian. Pengkaji akan menjelaskan hasil kajian, membentuk gambaran yang lengkap dan menyumbang kepada ilmu dalam bidang yang dikaji.

Alam lazimnya sering dikaitkan dengan bidang kajian saintifik, namun hakikatnya alam merangkumi keseluruhan kewujudan di dunia ini, termasuk unsur hidup dan bukan hidup. Selain itu, alam turut ditakrifkan sebagai alam semesta yang meliputi bintang, sistem suria, galaksi, atmosfera, cakerawala serta ruang angkasa Alam dianggap sebagai unit biologi terbesar kerana menghimpunkan semua organisma hidup dalam satu sistem yang menyeluruh. Hubungan yang erat antara alam dan manusia telah mempengaruhi pembentukan nilai-nilai estetika dalam kehidupan seharian manusia. Secara tidak langsung, pengaruh ini turut menjadi sumber ilham kepada seniman dan pengarang dalam mengolah idea dan karya melalui penghayatan terhadap unsur alam.

selain itu, unsur alam dan kesusasteraan memperlihatkan hubungan yang rapat serta saling melengkapi, yang dapat dizahirkan melalui pelbagai bentuk penulisan kreatif. Hubungan ini dapat diperhatikan dalam genre seperti novel, puisi, pantun dan gurindam, sama ada dalam tradisi sastera klasik mahupun sastera moden, yang sering

mengangkat unsur alam sebagai medium pengungkapan. Penggunaan unsur alam sebagai perlambangan dalam sesebuah karya dilihat bertepatan kerana mampu meningkatkan kualiti estetika, realisme serta daya tarikan karya sastera kepada pembaca. Perbincangan tentang unsur alam menjadi semakin signifikan kerana wujudnya hubungan yang erat antara manusia dan alam, khususnya dalam kerangka kajian kritikan sastera. Dalam hal ini, para pengkarya memanfaatkan unsur alam bagi menyampaikan makna tersurat dan tersirat dengan lebih berkesan. Pendekatan ini turut mencerminkan keprihatinan penulis terhadap kelestarian alam sekitar demi kesinambungan kehidupan manusia pada masa hadapan (Geeta Sahu, 2014). Hasil daripada pemerhatian serta analisis yang telah dilaksanakan, dapat dirumuskan bahawa pengaplikasian teori ekologi dapat dilaksanakan dengan baik setelah adanya penghayatan unsur alam seperti air dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima*. Hasil pengumpulan maklumat serta bahan bacaan mengenai teori dan aspek kajian telah banyak membantu dalam menyiapkan kajian ini.

5.2 Rumusan Kajian

Melalui hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, dapat disimpulkan bahawa dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima* terdapat banyak unsur air yang digunakan sebagai perlambangan dalam setiap pantun yang dihasilkan. Bagi menyampaikan sesuatu perkara mengenai perihal kemanusiaan, pengkaji mendapati bahawa unsur air digunakan sebagai corak terhadap kehidupan manusia. Manusia dan alam sememangnya mempunyai hubungan yang sangat rapat dan diperlukan antara satu sama lain, jadi tidak hairanlah sekiranya pengarang dan penulis menggunakan unsur alam dalam puisi mereka. Masyarakat Melayu yang sangat menjaga tutur kata dan adab

telah menjadikan alam sebagai kiasan atau perlambangan dalam menegur perihal atau konflik yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Jika diteliti dengan lebih mendalam terhadap pantun-pantun yang dihasilkan, unsur alam yang digunakan oleh pengarang adalah dari sudut unsur air, flora dan fauna.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya fokus kepada setiap unsur air yang digunakan oleh pengarang. Setiap unsur air yang dikenali telah dianalisis dengan lebih mendalam oleh pengkaji. Pengkaji telah menganalisis unsur alam dari sudut penggunaannya dalam pantun, gambaran manusia melalui unsur air serta simbolik yang cuba disampaikan oleh pengarang dalam pantun yang mereka hasilkan. Kajian ini memperincikan peranan simbolik unsur air dalam pantun. Makna simbolik dan perlambangan yang digunakan dalam kajian ini dapat menambah nilai estetika yang terkandung dalam setiap bait pantun yang dihasilkan. Bagi menghayati setiap unsur air yang digunakan, pengkaji terlebih dahulu mengkaji setiap unsur air tersebut dari sudut saintifiknya serta penggunaannya dalam kehidupan masyarakat Melayu amnya. Melalui puisi yang dikaji, dapat dilihat adanya penggunaan unsur air seperti hujan, laut, sungai, pantai, perigi, teluk, tasik, ombak dan embun. Setiap unsur air yang digunakan di dalam puisi mempunyai makna yang tersendiri yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada para pembaca.

Seterusnya, dengan menggunakan teori ekologi oleh William Howarth (1996) sebagai panduan, pengkaji akan menjalankan analisis terhadap unsur estetika dan makna simbolik penggunaan unsur air sebagai perlambangan untuk memahami bagaimana masyarakat Melayu terdahulu menyampaikan sesuatu melalui kiasan atau pantun. Pengkaji telah mengaplikasikan teori ekologi bagi menganalisis pantun dari sudut unsur air dengan lebih berkesan. Teori ekologi dilihat sebagai satu teori yang

sangat sesuai untuk menganalisis pantun tersebut. Teori ekologi banyak membincangkan mengenai unsur alam dan persekitarannya, khususnya dari segi hubungan alam dan manusia secara amnya. Bagi menganalisis dengan lebih mendalam lagi, kritikan eko telah digunakan dimana kritikan eko ini lebih menjurus kepada kajian terhadap teks sastera dan alam sekelilingnya. Kritisikan eko akan memfokuskan penggunaan unsur air dalam penulisan sastera. Seterusnya dua prinsip daripada kritikan eko ini akan digunakan dalam mengkaji puisi. Prinsip pertama ialah ekologi manakala prinsip kedua adalah bahasa. Dua prinsip ini telah dapat diaplikasikan dengan baik dalam setiap analisis yang dilakukan. Pengkaji telah menggunakan setiap maklumat dan bahan bacaan bagi memahami dan mengkaji puisi dengan lebih teliti dan mendalam.

Penggunaan teori ekologi dalam kajian ini juga, sebenarnya dapat memberikan sumbangan dalam kajian teori ekologi, Hal ini demikian kerana penggunaan teori barat dalam menganalisis pantun dilihat masih kurang dilakukan dan kebanyakan kajian puisi mengenai alam banyak menggunakan teori dari alam Melayu. Oleh itu, pengaplikasian teori ekologi dalam menganalisis puisi dapat dijadikan rujukan dan membantu pengkaji lain untuk kajian selanjutnya di masa akan datang.

Selain itu, melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, masih belum adayang mengkaji pantun Kumpulan Pantun Sama Rima. Dengan ini, kajian ini mampu menjadi satu kajian yang boleh dijadikan rujukan pada masa akan datang. Kajian mengenai penghayatan alam juga dilihat masih kurang dilakukan, kajian ini yang berfokus kepada penghayatan unsur air diharap dapat memberikan ilham untuk memperbanyakkan lagi kajian mengenai penghayatan unsur air dalam pantun.

Secara keseluruhannya, bab lima ini akan merumuskan kajian ini mengenai penggunaan unsur air yang ada dalam pantun yang dihasilkan dalam *Kumpulan Pantun Sama Rima*. Pengkaji telah berhasil menjawab setiap objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini. Ketiga-tiga objektif kajian telah dapat diuraikan dan dianalisis dengan baik oleh pengkaji dengan bantuan maklumat yang dikumpul. Pengkaji berpendapat bahawa pantun yang digunakan dalam kajian ini sangat puitis dan intelektual. Diharapkan kajian sebegini dapat terus dijalankan untuk manfaat pada masa akan datang. Bab lima bukan sahaja memaparkan analisis yang mendalam tentang bagaimana simbolik unsur air digunakan dalam pantun, tetapi juga bab ini juga merumuskan bagaimana kebijaksanaan masyarakat Melayu menjadikan unsur air sebahagian dalam kehidupan mereka untuk menyampaikan sesuatu perkara melalui pantun.

5.3 Implikasi Kajian

Melalui kajian ini, Dari sudut pengajaran, kajian ini memberikan implikasi yang signifikan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu, khususnya dalam membantu pendidik merancang pendekatan pengajaran yang lebih berkesan dan berfokus. Dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada guru dan pensyarah untuk menerapkan analisis unsur alam sebagai medium bagi memperkukuh kefahaman pelajar terhadap makna tersurat dan tersirat dalam teks sastra. Pendekatan ini bukan sahaja menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar, malah membantu mereka memahami fungsi simbolisme dan perlambangan secara lebih mendalam. Kajian ini turut menyokong penggunaan karya sastra sebagai wahana pendidikan nilai, terutamanya dalam memupuk kesedaran terhadap hubungan antara

manusia dan alam sekitar. Melalui pengajaran yang menekankan unsur alam dalam karya sastra, pelajar dapat didedahkan kepada nilai keprihatinan, tanggungjawab dan kelestarian alam, sejajar dengan matlamat pendidikan holistik. Secara tidak langsung, pendekatan ini dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran sastra serta menjadikan sesi pengajaran lebih kontekstual, relevan dan bermakna.

Dari sudut budaya dan identiti masyarakat, kajian ini memperlihatkan bahawa unsur alam dalam karya sastra berperanan penting sebagai wahana pembentukan dan pemeliharaan identiti masyarakat, khususnya masyarakat Melayu. Penggunaan unsur air sebagai perlambangan mencerminkan cara pemikiran, kepercayaan serta nilai kehidupan masyarakat yang berakar daripada hubungan yang erat antara manusia dan alam sekitar. Hal ini menunjukkan bahawa karya sastra bukan sekadar hasil kreativiti pengarang, malah berfungsi sebagai cerminan budaya dan pandangan hidup sesuatu masyarakat.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menyumbang kepada usaha memelihara warisan budaya melalui pemahaman yang lebih mendalam terhadap makna simbolik unsur alam dalam teks sastra. Pendedahan terhadap nilai-nilai budaya yang tersirat dalam karya sastra dapat membantu masyarakat mengenali dan menghargai identiti sendiri, sekali gus mengukuhkan jati diri dalam menghadapi arus pemodenan dan globalisasi. Oleh itu, kajian ini menegaskan kepentingan sastra sebagai medium yang berkesan dalam merakam, mengekalkan dan menyampaikan identiti budaya masyarakat kepada generasi akan datang.

Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini bukan sahaja memperlihatkan kepentingannya dari sudut pengajaran serta pembentukan budaya dan identiti masyarakat, malah menegaskan peranan kesusasteraan sebagai medium pendidikan,

pemeliharaan nilai dan pembinaan jati diri. Justeru, perbincangan seterusnya akan menumpukan kepada implikasi kajian terhadap individu, khususnya dalam membentuk kesedaran, pemikiran dan sikap terhadap hubungan antara manusia dan alam sekitar.

5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Individu

Kajian Penggunaan Unsur Air sebagai Perlambangan dalam Kumpulan Pantun Sama Rima memberi implikasi yang signifikan dalam memperkaya kefahaman pembaca terhadap makna simbolik unsur air yang digunakan dalam pantun sama rima. Analisis terhadap unsur air seperti sungai, laut, hujan, embun dan perigi sebagai perlambangan memperlihatkan bahawa elemen tersebut bukan sekadar berfungsi sebagai pembayang atau hiasan bahasa, malah membawa makna mendalam yang berkaitan dengan kehidupan, emosi, nilai dan pengalaman manusia. Melalui pemahaman ini, individu dapat menilai pantun secara lebih kritis dan reflektif, sekali gus meningkatkan keupayaan mereka untuk mentafsir makna tersurat dan tersirat dalam karya sastera tradisional Melayu. Pendekatan ini turut membantu individu menghargai kehalusan pemikiran masyarakat Melayu yang disampaikan melalui penggunaan alam sebagai medium perlambangan.

Selain itu, kajian ini turut memberi kesan terhadap pembentukan kesedaran dan sikap individu, khususnya dalam memahami hubungan manusia dengan alam sekitar. Unsur air yang dilambangkan dalam pantun sama rima mencerminkan nilai-nilai kehidupan seperti keseimbangan, kesabaran, keinsafan dan kelangsungan hidup, yang secara tidak langsung dapat dijadikan pedoman

dalam kehidupan seharian. Pendedahan terhadap mesej-mesej tersebut mampu membentuk kepekaan individu terhadap kepentingan memelihara alam, terutamanya sumber air sebagai elemen asas kehidupan. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada penghayatan sastera dalam kalangan individu, malah berperanan dalam membina kesedaran nilai, pemikiran beretika serta tanggungjawab terhadap alam dan kehidupan manusia secara menyeluruh.

5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat

Dari sudut masyarakat, kajian ini memberikan implikasi penting dalam memperkukuh kefahaman kolektif terhadap nilai dan pemikiran yang terkandung dalam pantun sama rima sebagai khazanah sastera tradisional Melayu. Penggunaan unsur air sebagai perlambangan mencerminkan pandangan hidup masyarakat Melayu yang berteraskan keharmonian antara manusia dan alam sekitar. Unsur air seperti sungai, laut, hujan dan perigi bukan sahaja menggambarkan persekitaran kehidupan masyarakat, malah melambangkan norma sosial, nilai moral serta falsafah hidup yang diwarisi secara turun-temurun. Melalui pemahaman terhadap simbolisme ini, masyarakat dapat menilai pantun bukan sekadar sebagai hiburan lisan, tetapi sebagai medium pendidikan sosial yang membentuk adab, etika dan jati diri komuniti.

Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada usaha memelihara dan memartabatkan warisan budaya dalam kalangan masyarakat, khususnya dalam menghadapi cabaran pemodenan dan globalisasi. Pendedahan terhadap makna

perlambangan unsur air dalam pantun sama rima dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kelestarian sumber air sebagai asas kehidupan bersama. Secara tidak langsung, pantun berfungsi sebagai alat penyampaian mesej kesedaran alam dan tanggungjawab sosial, yang mampu menyatukan masyarakat melalui nilai bersama yang berakar daripada tradisi. Oleh itu, kajian ini menegaskan peranan kesusasteraan tradisional sebagai medium yang relevan dalam membentuk kesedaran sosial, memperkukuh identiti budaya dan memastikan kesinambungan nilai masyarakat Melayu pada masa hadapan.

5.3.3 Implikasi Kajian Kepada Negara

Dari perspektif pendidikan negara, kajian ini memberikan implikasi yang signifikan dalam usaha memperkukuh kandungan kurikulum kesusasteraan Melayu di peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Analisis terhadap penggunaan unsur air sebagai perlambangan dalam pantun sama rima memperlihatkan potensi karya sastera tradisional sebagai medium pembelajaran yang berkesan dalam menyampaikan nilai budaya, pemikiran kritis dan kefahaman terhadap hubungan manusia dengan alam sekitar. Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pihak berwajib, termasuk pembuat dasar dan penggubal kurikulum, bagi memperkayakan bahan pengajaran sastera yang lebih kontekstual, bermakna dan selari dengan aspirasi pendidikan holistik negara.

Selain itu, kajian ini turut menyokong pelaksanaan pendidikan berteraskan nilai dan kelestarian alam selaras dengan hasrat pembangunan insan seimbang yang ditekankan dalam sistem pendidikan negara. Penerapan simbolisme unsur air dalam pantun sama rima sebagai bahan pengajaran bukan sahaja dapat meningkatkan apresiasi pelajar terhadap warisan sastera, malah berupaya memupuk kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan sumber air sebagai elemen asas kehidupan. Oleh itu, kajian ini menegaskan peranan kesusasteraan tradisional sebagai instrumen pendidikan yang relevan dalam membentuk generasi berpengetahuan, berbudaya dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar, sekali gus menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara secara menyeluruh.

5.4 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian serta implikasi yang telah dianalisis, adalah wajar beberapa cadangan dikemukakan sebagai langkah strategik untuk memperluas skop penyelidikan, memperkukuh kefahaman terhadap penggunaan unsur alam dalam kesusasteraan Melayu, serta menyediakan asas bagi penyelidikan lanjutan yang lebih menyeluruh dan sistematik. Cadangan-cadangan ini diharapkan dapat berperanan sebagai panduan metodologi dan konseptual bagi para pengkaji masa depan dalam meneroka dimensi baharu berkaitan perlambangan unsur air dalam pantun serta karya sastera Melayu lain secara lebih kritikal dan berstruktur.

5.4.1 Menerapkan dan Menyebarluaskan Kajian Simbolik Unsur Alam atau Air

Kajian mengenai simbolisme unsur alam, khususnya unsur air, perlu diterapkan dan disebarluaskan secara sistematik dalam konteks akademik, pendidikan, dan masyarakat umum. Penyebaran ilmu ini bukan sahaja dapat meningkatkan pemahaman terhadap kesusasteraan tradisional Melayu, tetapi juga membolehkan simbolisme air dipahami sebagai medium yang membawa makna budaya, sosial, dan estetika. Pendekatan ini boleh dijalankan melalui seminar, bengkel, penerbitan ilmiah, atau platform digital, yang membolehkan para pengkaji, pendidik, dan pelajar mengakses dan mengaplikasikan hasil kajian secara meluas.

Selain itu, penerapan kajian ini juga dapat membuka ruang bagi penyelidikan lanjutan dalam bidang interdisiplin, seperti eko-kritik, psikologi sastera, dan sosiologi budaya. Dengan cara ini, simbolisme unsur air bukan sahaja dipelajari dari segi linguistik dan sastera, tetapi juga dikaji dari perspektif sosial dan psikologi, menjadikannya sumber ilmu yang holistik dan relevan dalam konteks kontemporari.

5.4.2 Mendedahkan Makna Simbolik Penggunaan Perlambangan Unsur Air dalam Kehidupan Masyarakat Melayu

Usaha pendedahan makna simbolik unsur air dalam pantun dan karya sastera Melayu lain perlu dipertingkatkan agar masyarakat dapat memahami nilai kehidupan, norma sosial, serta falsafah Melayu yang tersirat dalam karya

tradisional. Pemahaman ini membolehkan pembaca menilai karya sastra secara kritis, bukan sekadar sebagai hiburan, tetapi sebagai medium pendidikan moral dan sosial. Kajian yang menekankan interpretasi simbolisme ini juga dapat memperkuat penghargaan terhadap kreativiti dan kehalusan pemikiran masyarakat Melayu.

Di samping itu, pendedahan ini berpotensi membentuk kesedaran individu dan komuniti terhadap hubungan manusia dengan alam sekitar, khususnya kepentingan memelihara sumber air sebagai elemen asas kehidupan. Melalui pemahaman simbolisme ini, masyarakat tidak hanya menghayati nilai estetika dan budaya, tetapi juga dapat mengambil pengajaran praktikal yang relevan dengan kehidupan seharian, seterusnya menggalakkan sikap bertanggungjawab terhadap alam dan tradisi budaya.

5.4.3 Menjadikan Unsur Air sebagai Medium Pendidikan dan Penyampaian Nilai Budaya

Simbolisme unsur air berpotensi dijadikan medium pendidikan yang berkesan dalam menyampaikan nilai budaya, etika, dan kelestarian alam. Integrasi simbolisme ini dalam kurikulum pendidikan, program pembelajaran, atau aktiviti penghayatan budaya dapat meningkatkan apresiasi pelajar terhadap warisan sastra Melayu secara mendalam. Unsur air sebagai medium pembelajaran membolehkan nilai tradisi, norma sosial, dan falsafah hidup masyarakat Melayu dipahami secara interaktif dan kontekstual, sekaligus menjadikannya lebih relevan dalam konteks pendidikan moden.

Tambahan pula, penggunaan unsur air sebagai alat pendidikan bukan sahaja meningkatkan penghayatan terhadap kesusasteraan, tetapi juga membentuk kesedaran etika dan tanggungjawab sosial serta alam sekitar dalam kalangan pelajar dan masyarakat. Dengan pendekatan ini, simbolisme air tidak hanya berfungsi sebagai elemen estetika, tetapi juga sebagai instrumen pedagogi yang dapat membina generasi berbudaya, berpengetahuan, dan peka terhadap nilai-nilai tradisi serta kelestarian alam.

5.5 Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan unsur air dalam Kumpulan Pantun Sama Rima mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam menghubungkan alam dengan kehidupan manusia, sejajar dengan Teori Ekologi yang menekankan keseimbangan, harmoni dan kesedaran etika. Unsur air seperti sungai, laut, hujan, embun, dan perigi bukan sahaja berfungsi sebagai pembayang atau hiasan bahasa, tetapi membawa makna tersurat dan tersirat yang mendalam berkaitan pengalaman, emosi, nilai moral, dan falsafah hidup masyarakat Melayu. Pantun, dengan kekayaan simboliknya, bukan sekadar hiburan lisan, tetapi juga khazanah warisan budaya yang memupuk nilai harmoni antara manusia dan alam serta menanamkan kesedaran etika dalam kehidupan seharian. Kajian ini juga menunjukkan bahawa simbolisme unsur air dapat menjadi medium pendidikan budaya yang berkesan. Pemahaman terhadap perlambangan air dalam pantun membolehkan individu dan masyarakat menilai karya sastera secara kritis, menghayati nilai kehidupan dan membentuk kesedaran terhadap kepentingan memelihara alam sekitar serta sumber air sebagai elemen asas kehidupan. Selain meningkatkan apresiasi budaya, kajian ini menekankan relevansi pantun sebagai

alat penyampaian nilai etika, norma sosial dan falsafah hidup dalam konteks kontemporari, di mana warisan budaya dapat diterapkan dalam pendidikan nilai dan pembelajaran berasaskan ekokritik.

Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman terhadap simbolisme unsur air membuka ruang bagi penyelidikan lanjutan dan pengembangan akademik. Kajian komparatif antara pantun klasik dan karya sastra moden, pendekatan interdisiplin yang menggabungkan perspektif ekologi, psikologi dan sosiologi sastra, serta integrasi dalam pendidikan formal dapat memperkaya penghayatan terhadap kesusasteraan Melayu dan nilai budaya yang terkandung di dalamnya. Dengan itu, kajian ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman terhadap warisan budaya, tetapi juga menyediakan asas bagi generasi yang berpengetahuan, berbudaya, sensitif terhadap alam sekitar dan mampu memelihara identiti budaya Melayu dalam menghadapi globalisasi dan pemodenan.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa unsur air dalam pantun sama rima bukan sahaja berperanan sebagai elemen estetika, tetapi juga sebagai instrumen pendidikan, penghayatan budaya, dan pembangunan nilai sosial-ekologi. Pemahaman terhadap simbolisme alam dalam pantun memperkaya penghayatan sastra, membina kesedaran nilai dan etika, serta menekankan tanggungjawab manusia terhadap alam sekitar. Kajian ini menegaskan bahawa warisan kesusasteraan Melayu, khususnya melalui perlambangan unsur air, memiliki nilai holistik yang relevan untuk membina generasi masa depan yang berilmu dan berbudaya.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, S. H. (2018). Eko-kritik dalam puisi Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(1), 75–88.
- Abdul Halim Ali. (2011). *Rutin kehidupan harian masyarakat Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. (1999). *Kebersihan dan kesucian rohani dalam amalan Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Jelani Halimi. (2010). *Pantun dan kebijaksanaan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alansary, A. (2017). An ecocritical approach to Haifaa Al-Sanoussi's *Departure of the Sea*. *Journal of English Language and Literature Studies (JOELL)*, 4(3), 45–52.
- Ang Kean Hua. (2016). *Pengenalan Rangkakerja Metodologi Penyelidikan*. Universiti Putra Malaysia.
- Azmi Rahman. (2008). *Pemikiran Sastera Melayu dan Unsur Alam dalam Karya Tradisional*.
- Berita Harian Online. (2014). *Generasi muda dan bahasa Melayu*.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by Nature and Design*. Harvard University Press.
- Che Man, M. A.-F. (2022). Latar geografi maritim dan akal budi Melayu dalam pantun. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 10(2), 45–58.
- Che Man, S. H. (2013). Kelestarian pantun: Rencah dan leluhur bangsa bulu, kini dan selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 1(1), 75–81. <https://journalarticle.ukm.my/6395/>
- Diaul Khaerah. 2018. *Ekokritik Sastra Pada Novel Rahasia Pelangi* Karya Riawani Elyta dan Sabrina Ws. Tesis Sarjana Pendidikan, Universitas Muhammadiyah Makassar.
- Esmail, M. H. (2018). *Simbol dan makna dalam pantun Melayu: Bingkisan Permata* (Tesis Sarjana). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hamzah Fansuri. (1998). *Karya tasawuf Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1989). *Lambang alam dalam pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hariyanto, S., Irawan, B., & Soedarti, T. (2008). *Teori dan Praktik Ekologi*. Air langga University Press.

- Hashim Awang. (1984). *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*. Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hashim Awang. (2009). *Pantun Melayu: Interpretasi dan Citra Budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Howarth, W. (1996). *The ecocriticism reader: Landmarks in literary ecology*. University of Georgia Press.
- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Alam Sekitar (JAS). (1994). *Lembangan sungai dan kawasan daratan Malaysia*. Kementerian Sains, Teknologi dan Persekitaran.
- Jamilah Hj. Ahmad. (1993). *Fungsi pantun dalam kehidupan masyarakat Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johari, Y. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif*. http://eprints.usm.my/30138/1/Johari_Yahya.pdf.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khirruddin, M. K. B., & Ahmad, M. R. W. (2023). Perlambangan unsur alam dalam pantun Melayu terpilih dari sudut pandangan ekokritikan. *Jurnal Melayu*, 22(2), 123–140.
- Malaysian Meteorological Department (MET Malaysia). (2025). Data suhu batu embun. <https://www.met.gov.my/projection/temperature/48642/>
- Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2022). Fenomena alam dalam pantun Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(2), 161-176. [http://doi.org.10.37052/jm.15\(2\)no1](http://doi.org.10.37052/jm.15(2)no1)
- Mohamad Shahidan, & Faezah Muhyat. (2022). *Kumpulan Pantun Sama Rima*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor, N. H. A. (2019). *Penghayatan alam dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Satu Pendekatan Ekologi*. <https://discol.umk.edu.my/id/eprint/4641/>
- Mohd. Rafi, N. S., & Hamdan, R. (2024, November 24). Keindahan Nasihat Dan Sindiran Dalam Pantun Peribahasa Melayu Gubahan Loo Mun. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(5), 1-14. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/614>
- Mohd Taib Osman. (1988). *Kehidupan masyarakat Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2003). *Pantun: Warisan puisi Melayu*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2018). *Ghairah Dunia dalam Empat Baris*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Na'imah, T. (2012). Pendidikan Karakter Kajian Dari Teori Ekologi Perkembangan. *Prosiding Seminar Nasional Psikologi Islam*. (Vol. 21)
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2002). *Arkeologi pra-Islam pesisir Selat Melaka evolusi atau migrasi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Azlin Binti Muhammad Hisham. (2021). *Penelitian Unsur Alam Dalam Novel Suriati Karya Azizi Hj. Abdullah: Analisis Ekologi*
<http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3994/1/NUR%20AZLIN%20MUHAMMAD%20HISHAM.pdf>
- Nordiana Ab Jabar. (2020). Tumbuh-Tumbuhan Seabagi Sumber Perubatan Tradisional Dalam Pantun Melayu. <http://hdl.handle.net/123456789/1551>
- Noor Fazreena, R., Kamal Azmi, A. R., & Mohd Zuhdi, M. (2013). Prinsip asas teori ekologi dalam (deep ecology): Suatu pandangan perspektif Islam. *First World Conference on the Integration of Knowledge*, 1(1), 1–12.
- Raja Ali Haji. 1996. Kitab Pengetahuan Bahasa. Khazanah Fathaniyah
- Salsabila, U. H. (2018). Teori ekologi Bronfenbrenner sebagai sebuah pendekatan dalam pengembangan kurikulum Pendidikan Agama Islam. *Al-Manar*, 6(2), 139–150.
- Shuib Dan. (2005). Konsep alam dalam pantun Melayu: Analisis intertekstualiti (Tesis Sarjana). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Siti Sarah. (2015). BAB 3: Metodologi Kajian. Crazy Linguists.
<https://crazylinguists.wordpress.com/category/siti-sarah-a141264/bab-3-metodologi-kajian-sarah/>
- Siti Hajar Che Man. (2013). *Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya*. Universiti Sains Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Air dalam budaya Melayu-Islam*. Universiti Malaya.
- WahdaTillah's ChocoDream. (2014.). *Pembentukan Embun dan Embun Beku* [PDF]. Scribd.
<https://www.scribd.com/doc/241795817/bagaimana-embun-terjadi-pdf>

- Wan Hashim Wan Teh. (1996). *Rumpun Melayu Teori Migrasi dan Dispora*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- William Howarth. 1996. Some Principles of ecocritism. In C. Glotfelty & H. Fromm, (Ed.). *The Ecocritism Reader: Landmarks in Literary Ecology*. Athens & London: The University of Georgia Press, pp.69-91.
- Za'ba (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. (2016). *Unsur Alam sebagai Kias Ibarat dalam Pantun Nasihat dalam Wacana Pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. (2007). *Perlambangan Alam dalam Puisi-Puisi Sabah*. Interpretasi On Malaysian Review. <https://zurinahhassan.blogspot.com/2007/01/perlambangan-alam-dlm-puisi-sabah.html>